

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEENAM  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

---

Bil. 14

Selasa

27 Mac 2018

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 9)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 36)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2017) 2018

**Jawatankuasa:-**

**Jadual:-**

Maksud B.1, B.4, B.6, B.7 & B.9	(Halaman 38)
Maksud B.13	(Halaman 68)
Maksud B.21	(Halaman 78)
Maksud B.25	(Halaman 85)
Maksud B.42	(Halaman 92)
Maksud B.46	(Halaman 97)
Maksud B.47	(Halaman 97)
Maksud B.48	(Halaman 99)
Maksud B.62	(Halaman 107)
Maksud B.63	(Halaman 108)
Maksud B.64	(Halaman 110)
Maksud B.12	(Halaman 110)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan  
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 36)

Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 1) 2017

**Jawatankuasa:-**

Maksud P. 6	(Halaman 38)
Maksud P.13	(Halaman 68)
Maksud P.20	(Halaman 74)

Maksud P.21	(Halaman 78)
Maksud P.23	(Halaman 84)
Maksud P.24	(Halaman 84)
Maksud P.27	(Halaman 88)
Maksud P.28	(Halaman 88)
Maksud P.29	(Halaman 88)
Maksud P.30	(Halaman 89)
Maksud P.32	(Halaman 89)
Maksud P.43	(Halaman 97)
Maksud P.47	(Halaman 97)
Maksud P.62	(Halaman 107)
Maksud P.10	(Halaman 110)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEENAM  
MESYUARAT PERTAMA**

**Selasa, 27 Mac 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dr. Mansor Bin Haji Abd. Rahman [Sik]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah usaha kementerian bagi meningkatkan jumlah eksport getah ke luar negara terus meningkat dan nyatakan pecahan nilai eksport ke luar akhir 2017 serta apakah kesan dan pencapaian Dasar Komoditi Negara yang digubal pada 2011 terhadap ekonomi negara.

**Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Seri Mah Siew Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada semua sahabat kita dari Parlimen Sik ke Dewan Parlimen hari ini. *[Tepuk]* Saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sik kerana sentiasa bangkitkan masalah rakyat dan juga masalah pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia telah memainkan peranan yang aktif untuk memperluaskan eksport getah asli di peringkat antarabangsa terutamanya dari sudut promosi. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah menganjurkan misi promosi getah asli ke banyak negara termasuk China sebanyak dua kali setahun. Ini kerana China menjadi destinasi utama promosi getah asli.

Pada tahun 2017, eksport getah asli negara ke China telah meningkat sebanyak 80 peratus kepada RM6.6 bilion atau 875,000 tan. Share peratusan eksport getah asli Malaysia ke China telah meningkat dari 66 peratus kepada 73 peratus. Promosi Getah Asli juga diadakan ke negara-negara pengguna terbesar yang lain seperti Iran dan Jepun. Iran merupakan destinasi ketiga besar dengan nilai eksport pada tahun 2017 adalah sebanyak RM250 juta. Pasaran Jepun juga menunjukkan peningkatan. Oleh itu pihak kementerian dan agensi akan mempromosikan getah asli dari Malaysia di dalam *Majalah Persidangan Getah* dan juga media untuk meningkatkan potensi pasaran getah asli bantuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah menyediakan Dokumen Dasar Komoditi Negara bagi tempoh 2011 sampai 2020. Dokumen ini menggariskan strategi dan pelan tindakan yang perlu diambil bagi memastikan industri termasuk getah memberikan sumbangan yang *significant* kepada ekonomi negara. Pada ketika ini, Malaysia merupakan pengeluar getah kelima terbesar di dunia selepas Indonesia, Thailand, Vietnam, India dan China. Usaha ini untuk meningkatkan pasaran kita akan meningkat. Saya hendak beritahu bahawa keluasan tanah getah telah mencapai 1 juta hektar iaitu 90 peratus dari sasaran dan jumlah eksport telah mencapai RM32 bilion. Terima kasih.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya ialah, apakah bantuan-bantuan yang diberikan oleh kementerian untuk membantu pengusaha dan penoreh getah bagi meningkatkan pendapatan mereka terutama ketika kejatuhan harga getah dunia dan apakah sebab-sebab kerajaan tidak dapat menetapkan harga lantai untuk sekilogram getah. Contohnya pada harga yang munasabah dalam keadaan ekonomi sekarang, seperti dalam lingkungan RM3.50 sen hingga RM4.00 sekilo. Terima kasih.

**Datuk Seri Mah Siew Keong:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Berkaitan dengan cadangan pelaksanaan harga lantai, kita masih membuat kajian sebab impak kewangan yang begitu besar. Misalnya tadi Yang Berhormat telah mencadangkan harga lantai *cup lump* ditetapkan kepada RM3.00. Mengikut kajian kita, ini akan melibatkan tambahan peruntukan sebanyak RM1.3 bilion setahun. So ini adalah satu peruntukan yang begitu besar. Oleh itu kita masih membuat kajian.

Akan tetapi saya hendak memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa kita masih prihatin. Kita telah mulakan insentif pengeluaran getah pada tahun 2015 dan harga lantai ini telah dinaikkan beberapa kali. Pada masa ini, insentif pengeluaran getah akan diaktifkan apabila purata harga bulanan SMR 20 adalah kurang dari RM5.50 sen sekilogram atau untuk *cup lump* adalah di bawah RM2.20 sen sekilogram. Pelaksanaan LPG ini merupakan mekanisme yang terbaik.

#### ■1010

Sekarang, kerajaan telah membayar lebih dari RM70 juta setahun ini. Satu lagi yang telah dibuat oleh kerajaan adalah pelaksanaan bantuan musim tengkujuh, di mana kerajaan telah umumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan pada November dan Disember 2017 serta Januari 2018 bagi membantu 440,000 orang pekebun kecil dan skim ini akan diteruskan untuk November dan Disember 2018 dan Januari 2019.

Selain daripada itu, kita telah mulakan bagi bantuan bagi koperasi getah. Supaya jika koperasi getah kita bagi RM140,000 kepada setiap koperasi supaya mereka dapat membeli kenderaan dan mengumpulkan *cup lump* dan lateks. Bila mereka kumpulkan

mereka boleh jual dengan harga pasaran yang lebih tinggi. Hampir sampai 15 sen lebih tinggi. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut keputusan yang dibuat oleh Majlis Getah Tiga Pihak Antarabangsa, Thailand, Indonesia dan Malaysia, mereka memberi jaminan untuk menangguhkan serta-merta eksport 350,000 tan getah asli hingga Mac 2018. Kononnya, untuk menstabilkan atau pun memberikan harga yang lebih baik. Akan tetapi nampaknya, ini gagal. Jadi, saya hendak minta penjelasan apakah punca yang sebenarnya masalah kejatuhan harga getah ini dan tidak boleh membantu untuk menyara hidup golongan penoreh dan juga pekebun-pekebun kecil.

**Datuk Seri Mah Siew Keong:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seperti yang disebut, AETS merupakan mekanisme jangka pendek bagi membantu semua negara pengeluar untuk mengawal keterlaluan lebihan eksport getah. Di sini kami juga akui, AEA telah dilaksanakan empat kali setahun. Sebelum ini, tahun yang terakhir adalah 2016 dan pada masa itu saya hendak beritahu hanya negara Malaysia yang mengikuti kuota yang ditetapkan tetapi malangnya negara-negara pengeluar lain tidak mengikuti kuota. Mereka mengeksport lebih dari kuota itu.

Susulan daripada itu mesyuarat khas telah diadakan baru ini dan sekali lagi satu perjanjian dipanggil AET-5 yang terbaru. Di mana, pelaksanaan AET-5 bermula pada Januari 2018 untuk tempoh tiga bulan. Ini akan mengehadkan eksport berjumlah 350,000 metrik tan untuk getah dan kita sekarang juga mengelakkan masalah di mana negara tidak mengikuti kuota. Satu jawatankuasa pemantauan AET-5 iaitu *Monitoring and Surveillance Committee* akan ditubuhkan untuk memantau supaya mereka mengikuti kuota.

Yang akhir sekali saya hendak beritahu bahawa kita akan teruskan lebih projek supaya penggunaan getah akan diperluaskan seperti sekarang untuk menurap jalan dengan getah, *rubberised roads*. Ini adalah satu projek yang berpotensi dan ketiga-tiga negara pengeluar besar Thailand, Indonesia dan Malaysia telah bersetuju dan kita di negara kita, kita telah buat banyak prototaip untuk menggunakan jalan yang dibuat oleh getah walaupun kosnya ada 20 peratus lebih tinggi pada mulanya. Akan tetapi ianya boleh tahan lebih dan ini akan mengurangkan kos *repair*. So, saya harap dengan langkah-langkah yang diambil, harga getah akan lebih kukuh dan lebih tinggi. Terima kasih.

2. **Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah fungsi dan matlamat penubuhan Pusat Ramalan dan Amaran Banjir (PRABN) yang telah dirasmikan pada 20 Mac 2018 yang lalu.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi**

**Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berbangkit daripada keadaan cuaca yang tidak menentu dan banjir yang berlaku pada tahun 2013 dan akhirnya kepada tahun 2014 apabila banjir besar melanda negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Maka, Kementerian Sumber Asli telah diarah oleh kerajaan menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran telah menujuhkan Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara iaitu PRABN bagi meningkatkan sistem ramalan dan amaran banjir di seluruh negara. PRABN bertujuan mengukuhkan sistem ramalan dan amaran banjir negara dengan meningkatkan tempoh masa amaran banjir sehingga dua hari awal.

Amaran banjir ini akan menyasarkan lebih daripada 3.4 juta orang penduduk yang terkesan dengan banjir. Ini fasa yang pertama Tuan Yang di-Pertua. Hebaham maklumat amaran awal banjir ini akan dapat disampaikan kepada masyarakat termasuk agensi-agensi yang bertanggungjawab kepada bencana banjir khususnya Agensi Pengurusan Bencana Negara iaitu NADMA dan lain-lain agensi. Sistem ini merupakan satu langkah jangka masa panjang selain daripada melaksanakan projek tebatan banjir sedia ada.

PRABN akan dilaksanakan di 40 lembangan sungai utama seluruh negara dalam tiga fasa dengan anggaran kos bernilai RM550 juta. Fasa pertama dilaksanakan pada tahun 2015 hingga tahun 2017. Untuk lembangan sungai Pahang, sungai Kelantan dan sungai Terengganu, fasa yang kedua akan dilaksanakan pada tahun 2018 hingga tahun 2020 untuk 20 lembangan sungai dan fasa yang ketiga jangka akan dilaksanakan pada tahun 2021 hingga 2022 untuk lapan lembangan sungai.

Secara khususnya, PRABN berfungsi disasarkan empat perkara iaitu:

- (i) fungsi operasi pemantauan dan ramalan banjir bagi membuat analisa ramalan banjir. Menghasilkan laporan banjir serta membekalkan maklumat amaran banjir kepada agensi-agensi berkepentingan menerusi NADMA;
- (ii) melaksanakan projek PRAB meliputi perkembangan sistem pengesan dan hidrologi pangkalan dan infrastruktur ICT, sistem ramalan banjir dan peningkatan sistem amaran dan hebaham;
- (iii) memastikan penyelenggaraan peralatan dan sistem bagi kesiapsiaga tahap tertinggi; dan
- (iv) membuat perancangan pembangunan PRAB fasa kedua dan seterusnya bagi tujuan arahan transformasi negara 2050.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tersebut. Saya ingin bertanyakan soalan sejauh manakah keyakinan pihak kementerian akan keupayaan sistem pusat ramalan dan amaran banjir beroperasi untuk menyampaikan maklumat secara efektif kepada pihak berkuasa seperti bomba dan Angkatan Pertahanan Awam kerana ada kalanya rujuk kes air sungai naik sahaja tiba dan mengakibatkan banjir? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya ini lah yang kita hendak atasi. Masalah banjir yang tidak kita ketahui bahawa apabila PRABN ini telah siap dilaksanakan nanti di negeri-negeri yang tertentu khususnya di tiga negeri yang saya sebutkan awal tadi iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kita boleh memberi ramalan hujan tujuh hari sebelum itu dan menjangka dalam dua hari sebelum banjir berlaku kita boleh memberi amaran kepada masyarakat menerusi NADMA.

NADMA akan ada SOP sendiri, akan memberi maklumat ini kepada semua agensi-agensi penguat kuasa supaya kesiapsiagaan dijamin dilaksanakan apabila banjir itu datang atau pun pemindahan masyarakat daripada satu tempat ke satu tempat yang lebih selamat boleh dilaksanakan. Maka, dengan PRAB ini nanti apabila kita telah laksanakan di seluruh negara, 70 peratus kawasan lembangan sungai di seluruh negara akan kita dapat beri maklumat berhubung dengan hujan lebat dan datangnya banjir sebelum dua hari banjir berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah sungai yang terlibat dengan projek ini dan bagaimana pihak kementerian dapat meningkatkan kerjasama dengan negeri-negeri?

■1020

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita melaksanakan program ini, kita telah berbincang dengan pihak kerajaan negeri. Tiap-tiap negeri ada mempunyai pusat pengawalan keselamatannya sendiri dan NADMA sebagai pusat untuk menyebarkan maklumat yang diterima daripada pusat banjir di dalam jabatan JPS.

Soalan yang pertama Yang Berhormat sebut tadi, fasa yang pertama ada tiga sungai dan fasa yang kedua ada 29 sungai dan fasa yang ketiga ada lapan sungai. Jadi kosnya juga fasa yang kedua RM391 juta dan fasa yang ketiga kosnya ialah RM20 juta Yang Berhormat. Jadi kerjasama daripada semua pihak agensi dan negeri ini bakal kita buat dan kita juga mewujudkan satu SOP untuk semua negeri dan untuk semua agensi yang terlibat.

Agensi-agensi ini sebenarnya sudah mempunyai SOP nya sendiri, hanya—termasuk dengan NADMA. NADMA akan memberi maklumat bukan sahaja kepada agensi tetapi juga kepada masyarakat umum. Saya akan mewujudkan satu jawatankuasa di peringkat nasional untuk melihat SOP ini boleh diselaraskan supaya kerja kita secara *seamless* dan tidak ada gangguan lagi di talian ataupun sepanjang jalan pelaksanaan menyelamatkan orang daripada banjir. Terima kasih.

**3. Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan tahap kesihatan kanak-kanak dalam laporan UNICEF, "Kanak-kanak Pinggiran" pada 26 Februari 2018. Dapatkan kementerian menghantar '*emergency response team*' kepada rumah kos rendah yang terkandung dalam laporan tersebut supaya kanak-kanak itu mendapat pemeriksaan yang segera.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, kajian yang telah dirujuk oleh Yang Berhormat Klang ini telah dilakukan oleh pihak UNICEF di dalam 1,000 buah rumah PPR di seluruh Wilayah Persekutuan di dalam kumpulan masyarakat yang berpendapatan rendah dan di dalam penemuan yang ada di dalam kajian itu ialah bahawa murid-murid di dalam kawasan perumahan ini salah satu daripadanya berat badan mereka kurang kalau dibandingkan dengan mereka yang di dalam kawasan lain.

Kedua, mereka menghadapi kebantutan kalau dibandingkan dengan mereka yang ada di luar kawasan PPR. Ketiga, kegemukan di dalam kalangan ini pun enam kali lebih tinggi kalau dibandingkan dengan mereka yang tinggal luar daripada PPR ini.

Jadi perbandingan telah dibuat untuk satu kumpulan yang daripada kumpulan yang berpendapatan rendah daripada masyarakat yang lebih. Simpulan daripada itu, cadangan mereka ialah daripada isu sosioekonomi. Macam mana kita boleh meningkatkan pendapatan kumpulan ini. Macam mana kita boleh lihat balik pada garis kemiskinan yang sedia ada. Bolehkah garis kemiskinan diperluaskan untuk mengambil kira perkara-perkara yang lain termasuk *nutrition* dan macam mana dua perkara yang khusus kepada isu kesihatan, satu ialah untuk menggalakkan memberi susu ibu kepada bayi untuk enam bulan. Ini sudah menjadi salah satu daripada dasar kerajaan.

Kedua ialah untuk kebolehdapatan makanan yang mempunyai zat yang lebih tinggi. Ini di dalam kerajaan melalui jawatankuasa untuk membendung NCD yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kita sedang lihat secara holistik macam mana rakyat Malaysia boleh mendapat makanan yang mempunyai kandungan nutrien yang lebih baik, mempunyai zat yang lebih baik untuk memastikan kita tidak makan makanan yang boleh dikatakan bukan *nutritious*. Ini langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan yang saya berharap dibuat untuk

menangani isu ini secara berterusan oleh kerajaan. Secara ringkas, langkah yang diambil oleh kerajaan ialah satu langkah holistik di mana kita kena lihat kepada isu sosioekonomi termasuk kesihatan. Terima kasih.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, salah satu daripada cadangan yang telah dibuat oleh UNICEF ialah untuk Kerajaan Malaysia untuk menggubal apa yang dipanggil *Social Protection Floor* ataupun Dasar Perlindungan Sosial yang merangkumi makanan zat, pendidikan dan juga kesihatan memandangkan kepentingan kanak-kanak dan sebagainya.

Soalan saya Yang Berhormat ialah mungkinkah kerajaan boleh mengikut ataupun Kerajaan Persekutuan mengikut program Kasih Ibu Smart Selangor yang memberikan RM200 untuk setiap keluarga yang pendapatan mereka kurang daripada RM2,000 untuk membeli makanan zat yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri supaya demi kepentingan kanak-kanak dan juga tidak ada kebantutan di kawasan-kawasan PPR dan juga untuk kebaikan keluarga secara am. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat dah beri lebih daripada RM200 melalui pelbagai jenis program. [Tepuk] Contohnya, mereka yang tinggal di dalam rumah PPR ini ialah rumah yang telah dibina secara khusus untuk mereka, dijual dengan kadar yang murah dan mereka yang tak beli, mereka diberi sewa RM124 sahaja untuk duduk. Mana boleh dapat satu rumah dengan kadar RM124 sahaja di dalam Wilayah Persekutuan. Itu adalah satu jenis *social protection*.

Selain daripada itu, beberapa perkara yang lain contohnya bantuan yang diberi di sekolah, pendidikan yang percuma, makanan tambahan diberi di sekolah, pelbagai jenis bantuan lagi yang diberi di sekolah untuk murid-murid di dalam sistem persekolahan. Kesihatan yang diberi secara percuma dan kalau kita kira jumlah yang dibelanjakan memang lebih daripada RM200 yang disebut oleh Yang Berhormat. Tambahan pula, kerajaan secara *cash transfer* seperti yang telah ada di dalam cadangan yang dibuat melalui BR1M, sedang beri *cash transfer*.

Jadi kalau dilihat kepada *social safety net* yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan, ada banyak jenis *social safety net* yang diambil kira termasuk makanan iaitu bakul *nutritional food* yang diberi kepada kumpulan-kumpulan tertentu di mana kita telah kenal pasti mereka terpinggir, tidak ada peluang untuk makanan berzat dan kerajaan melalui projek-projek tertentu hantar makanan yang mempunyai zat kepada mereka. Apa yang saya mahu jelaskan ialah banyak yang telah dilakukan tetapi pada masa yang sama kita akan ambil iktibar daripada kajian ini dan akan memperluaskan bantuan-bantuan selaras dengan apa yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengalu-alukan kedatangan rombongan daripada pemimpin masyarakat daripada Machang, Kelantan. *[Tepuk]*

Saya ingin bertanya dalam soalan tambahan saya ialah apakah mekanisme dari sudut pemantauan terhadap program yang telah dirancang oleh kerajaan untuk memastikan sasaran dan objektifnya sampai kepada tahap yang sebenar. Minta penjelasan.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Ahli Yang Berhormat, kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain, contohnya di dalam pemantauan dan layanan yang diberi khususnya kepada ibu yang mengandung, ibu selepas bersalin dan penjagaan untuk anak selepas bersalin. Di dalam butiran yang ada di bawah Kementerian Kesihatan menunjukkan lebih daripada 98 peratus ibu yang mengandung ialah melalui satu sistem *antenatal care* yang telah dirancang dan yang akan menjamin kesihatan ibu terjaga dan mereka boleh bersalin dalam satu suasana yang selamat. Selepas itu, anak ini dipantau untuk dua tahun selepas melalui beberapa program termasuk program imunisasi dan program di mana ukuran dibuat kepada perkembangan mereka dan lihat adakah dia selaras dengan *national standard* atau kurang daripada *national standard*. Kalau itu berlaku, mengapa itu berlaku?

Jadi, pemantauan untuk dua tahun dibuat kepada semua anak yang ada di dalam negara kita. Selepas dua tahun, mereka di bawah penjagaan ibu bapa mereka. Kita takut mungkin di sitolah masalah wujud. Sekarang kita akan lihat macam mana untuk meningkatkan pemantauan ini di peringkat sekolah dan peringkat *kindergarten* contohnya, di tadika supaya kalau ada isu-isu berkaitan dengan *nutrition* atau isu-isu berkaitan dengan perkara-perkara sosioekonomi yang lain, ini boleh dikenal pasti di dalam sistem itu dan kita boleh meneruskan pemantauan dan bantuan di dalam kumpulan itu juga.

## ■1030

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan:

- (a) sejauh mana graduan TVET ketika ini mampu memenuhi keperluan industri negara sejajar dengan Revolusi Industri Keempat yang akan berlaku; dan
- (b) apakah tindakan kementerian dalam menggalakkan pelajar mengikuti bidang ini dalam mengambil peluang pekerjaan seiring dengan kehendak semasa revolusi tersebut.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong atas soalan berkaitan dengan graduan TVET. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) Malaysia yang dilancarkan merupakan sebuah program yang memberi tumpuan khas kepada aspek kemahiran bagi memenuhi pasaran kerja industri. Ia merupakan inisiatif yang diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) bersama enam lagi kementerian lain, termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Dalam mencapai objektif secara kolektif, KPT sentiasa memberi penekanan kepada TVET supaya graduan dalam bidang ini dapat menepati kehendak sektor industri. Perkara ini telah dilaksanakan seiring dengan Lonjakan 4 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 pendidikan tinggi iaitu menghasilkan graduan TVET yang berkualiti. Hasilnya cukup membanggakan apabila kadar kebolehpasaran graduan TVET bagi tahun 2013 hingga 2017 telah meningkat daripada 74.9 peratus kepada 91.4 peratus.

Kebanggaan ini diteruskan lagi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi menerusi pelbagai inisiatif bagi memastikan institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan graduan yang dilahirkan bersedia dan kekal relevan, terutamanya dalam menghadapi gelombang teknologi baru yang dikenali sebagai Revolusi Perindustrian Keempat atau IR4.0. Antara inisiatif kementerian adalah seperti pengenalan IPG, ICGPA, CO-Faculty, 2u2i, Gap Year, pensyarah sebagai *practitioner*, penawaran program dwi ijazah dan pemantapan bahasa Inggeris melalui pelaksanaan *Malaysia English Assessment* (MEA). Selain program-program sedia ada di atas, Kementerian Pendidikan Tinggi turut memperkenalkan inisiatif baru kebolehpasaran graduan institusi TVET seperti berikut:

- (i) melaksanakan Program *Graduate Employability*, dengan izin, bagi meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah untuk membantu

- pelajar-pelajar memperoleh pekerjaan yang relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor;
- (ii) memperkasa kerjasama di antara institusi TVET di bawah KPT bersama industri dalam mereka bentuk kurikulum yang bersepada dan sejajar dengan keperluan industri melalui pekerjaan *work-based learning*, dengan izin, dalam usaha peningkatan kesediaan mahasiswa menceburi alam pekerjaan melalui pendekatan industri-industri *and* akademia awam, dengan izin, dan antara contoh adalah penubuhan TRC *EduCentre* di Politeknik Ungku Omar sebagai pusat industri akademia sebagai menyokong pelaksanaan program pengajian dengan pendekatan *work-based learning* dan *learn and earn*, dengan izin;
  - (iii) menubuhkan pusat kecemerlangan industri atau *Industry Centre of Excellence* (ICO), dengan izin, bagi merancakkan lagi pelaksanaan program berimpak, sekali gus membuka peluang pekerjaan kepada graduan, terutamanya dalam bidang TVET dan teknologi tinggi. Pada tahun 2017, terdapat sebanyak 14 ICO dan dua *cluster* baru iaitu *cluster rail* yang diterajui oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan *cluster maritime* yang diterajui oleh Universiti Malaysia Terengganu;
  - (iv) memastikan supaya mahasiswa MTUN-Politeknik dan kolej komuniti terlibat dalam projek pembinaan infrastruktur kelas dunia yang diterajui kerajaan. Ini termasuk memberi fokus kepada bidang yang sedang berkembang seperti, dengan izin, *high speed rail* *industrial internet of things*, *building information modelling* dan *instrumentation and security technology*; dan
  - (v) membina ekosistem yang menyokong pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat di dalam bidang kemahiran. Sebagai contoh, baru-baru ini telah melancarkan Pelan Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat yang memberi peluang kepada pelajar aliran agama mengikuti kursus Sijil Kemahiran seperti automotif dan pendawaian elektrik.

Kementerian Pendidikan Tinggi turut mengambil inisiatif mengadakan Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) dan Karnival Kerjaya Politeknik untuk meningkatkan penyertaan pelajar ke IPTA. Di samping itu, KPT turut membangunkan UPU Tech yang merupakan satu aplikasi bagi membantu permohonan UPU *online* dalam menentukan kecenderungan pelajar. Pada masa yang sama, KPT turut menyediakan pelbagai bentuk

bantuan pembiayaan dan biasiswa bagi yang berkelayakan untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri, berkaitan langkah-langkah kementerian dalam menyediakan kemahiran kepada pelajar untuk peluang lebih besar dalam bidang industri. Kita lihat bahawa gelombang Revolusi Perindustrian Keempat IR4.0 dijangka akan mewujudkan peluang sekitar 1.5 juta peluang pekerjaan di negeri ini. Kerajaan juga menyasarkan kira-kira 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja yang diperlukan.

Walau bagaimanapun, jika sekadar memberi kemahiran industri dalam bentuk praktikal semata-mata, ia bukan jaminan seseorang pelajar tersebut boleh diterima di alam pekerjaan, terutama di aspek penguasaan bahasa Inggeris. Soalan saya, apakah langkah sedang dan telah diambil oleh kementerian dalam memastikan kemahiran bahasa Inggeris di kalangan pelajar TVET ini ditingkatkan? Kemudian, apakah cabaran utama yang dihadapi oleh graduan TVET pada ketika ini dalam mendepani Revolusi Perindustrian Keempat? Terima kasih.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong atas soalan yang berkaitan dengan program bahasa *English* yang dianjurkan atau dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk pelajar. Kementerian Pendidikan Tinggi menyediakan satu program yang dinamakan *Malaysia English Assessment*. Ini adalah satu kesinambungan aspirasi untuk mengukuhkan penguasaan kemahiran berbahasa *English* atau Inggeris menerusi Lonjakan 1 di Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi tahun 2015 hingga 2025 untuk pendidikan tinggi iaitu untuk melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

#### ■1040

Mengikut *English Language Education Reform in Malaysia: The Roadmap*, dengan izin, yang sudah dilancarkan pada tahun 2015 hingga 2020, sudah melaksanakan program *Malaysia English Assessment* (MEA) dalam dua fasa atau dalam dua peringkat. Peringkat yang pertama di mana kita panggil MEA1 adalah penilaian secara formal dan MEA2 pula adalah secara tidak formal. Jadi, ini merupakan satu program yang unik dan holistik di mana kita mengintegrasikan pembelajaran dan penilaian. MEA1 adalah penaksiran berbentuk peperiksaan dan akan disediakan oleh pihak universiti. MEA2 adalah penaksiran berdasarkan tugas dan aktiviti pelajaran dan ia dilaporkan dalam bentuk *profiling* yang akan menjelaskan tahap penguasaan bahasa Inggeris dan bentuk penyataan. Ini memang adalah selaras dengan iCGPA.

Standard atau piawaian yang digunakan di sini adalah berdasarkan *The Common European Framework of Reference* untuk bahasa atau CEFR dalam ringkasan

atau dalam akronim CFR. Pelaksanaan MEA sudah bermula pada semester yang pertama sesi 2017 dan 2018. Sekian. Terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan saya ialah berkenaan dengan apabila kerajaan melakukan transformasi pendidikan vokasional sebagaimana yang kita maklum, ini adalah untuk mengangkat graduan-graduan daripada TVET dengan wujudnya kolej vokasional. Persoalan saya ialah berapa peratus dari kalangan graduan keluaran daripada kolej vokasional ini—kerana kebanyakan mereka yang masuk di sana itu ialah terdiri dari kalangan yang mempunyai kemahiran-kemahiran yang hebat tetapi mereka mempunyai kekurangan dari segi sudut yang lain kerana sebagaimana yang kita maklum, kita ada otak kanan dan ada otak kiri.

Persoalan saya ialah berapa peratus yang hari ini graduan-graduan daripada kolej vokasional yang terlibat di dalam bidang pekerjaan? Kedua, berapa peratus pula yang terus melanjutkan pengajiannya sampai kepada PhD? Atau yang ketiga, berapa peratus pula yang terdiri daripada kalangan mereka yang terlibat dalam bidang keusahawanan hasil daripada keluaran graduan kolej vokasional ini? Terima kasih.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya berkaitan dengan statistik. Memandangkan ini adalah spesifik dan saya tidak ada anggaran-anggaran bersama dengan saya, maka izinkan saya untuk menjawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**2. Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan dasar kementerian dalam menangani perkembangan 'climate change'.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya jawapan saya pun ringkas saja sebab soalannya ringkas.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah membangunkan Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan pada tahun 2009. Dasar ini memberi penekanan kepada keseimbangan tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim serta pembangunan kental iklim yang menyumbang kepada aspirasi pembangunan mampan negara. Secara umumnya, dasar ini menggariskan tindakan strategik bagi meningkatkan daya tahan kepada impak perubahan iklim.

Mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) juga telah memutuskan supaya kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang melaksanakan

aktiviti pengurangan pelepasan gas rumah kaca memaklumkan sebarang kemajuan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menjadi *focal point* untuk melaporkan sumbangan-sumbangan yang dibuat oleh kementerian-kementerian dan agensi untuk mengurangkan gas rumah kaca. Maklumat-maklumat yang didapati oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan dihantar kepada Sekretariat UNFCCC di US.

Selain dari itu, pihak kementerian juga menekankan kepentingan *decoupling* pembangunan daripada pelepasan karbon. Ini saya juga ingin memberi penjelasan sedikit berhubung dengan *decoupling* ini. Ini yang disasarkan oleh pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bahawa tiap-tiap pembangunan, *carbon footprint* nya juga meningkat, *emission* nya juga akan meningkat, tetapi *decoupling* konsep ini ialah supaya pembangunan meningkat tetapi *emission* kita tetap menurun ataupun stabil. Ini makna *decoupling* di sini.

Akhirnya, kementerian sedang mengambil langkah untuk memastikan supaya kawasan litupan hutan di Malaysia tidak kurang daripada 50 peratus untuk menyerapkan karbon dan atmosfera secara berterusan. Di peringkat antarabangsa, 195 negara telah mempersetujui *Paris Agreement* semasa persidangan ke-21 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNFCCC) pada 12 Disember 2015 untuk mengehadkan peningkatan suhu purata dunia kepada 1.5 atau 2.0 derajah sentigred. Malaysia telah menandatangani *Paris Agreement* pada 22 April dan meratifikasi perjanjian ini pada 16 November 2016.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucap syabas dan tahniah kerana kita telah menyertai *Paris Agreement* yang pada saat akhir Amerika telah menarik diri dengan Presiden barunya. Akan tetapi, sementara saya menerima itu sebagai satu usaha kita untuk bersama dengan masyarakat antarabangsa sebab isu *climate change* ini bukan lokal tetapi dia ada kesan antara satu negara dengan satu negara.

Saya ingin fokus soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri tentang bagaimanakah yang disebut sebagai *trust* ataupun landasan adaptasi tadi hendak dilaksanakan di peringkat kerajaan tempatan? Ini bermakna apakah bingkai pemikiran di kalangan pentadbir dan juga ahli-ahli majlis di peringkat kerajaan tempatan untuk memastikan segala dasar-dasar yang dikemukakan oleh kementerian Yang Berhormat Menteri dapat dilaksanakan secara efektif dari segi budayanya, dari segi gaya berfikirnya dan perancangan-perancangan? Sebab, kesan *climate change* ini akan membawa banyak efek kepada banjir kilat, yang tadi disebut tentang jejak karbon ini yang meningkat dan sebagainya.

So, selalunya kerajaan tempatan ini agak ketinggalan dalam mengikuti dasar-dasar dan apa mekanisme yang dibuat oleh kementerian Yang Berhormat Menteri untuk memastikan dasar-dasar ini terlaksana di peringkat kerajaan tempatan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan baik. Sebenarnya ada beberapa kementerian yang terlibat secara khusus dalam kita menangani masalah *climate change* ini iaitu Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTHHA), Kementerian Pengangkutan (MoT), Kementerian Perladangan dan Perusahaan Komoditi (MPIC), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jadi, semua kita punya perhubungan menerusi kementerian-kementerian ini untuk menerap ke bawah.

Apabila pada tahun 2015 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempengerusikan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim, sistem pelaporan dibuat perubahan semula yang mana dahulunya kita mencari siapa yang membuat tindakan-tindakan untuk mengurangkan gas rumah kaca tetapi pada keputusan tahun 2016 yang mana telah diputuskan oleh majlis bahawa agensi-agensi yang terlibat akan memberi laporan kepada kementerian NRE untuk laporan tersebut.

## ■1050

Jadi dalam keadaan sedemikian, kementerian saya telah membuat *roadshow* ke seluruh negara, ke semua peringkat, ke negeri-negeri untuk memaklumkan apakah perkara-perkara yang perlu dibuat laporan. Dalam keadaan yang sama, maka kementerian saya memberi penjelasan kepada semua peringkat. Peringkat kementerian, peringkat agensi dan juga peringkat negeri. Dalam keadaan itulah mengapa mekanisme kita untuk memberi maklumat kepada pihak sampai ke bawah untuk mengetahui tindakan-tindakan dan urusan yang perlu, kita mahu untuk menangani masalah perubahan rumah kaca ini.

Akan tetapi walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita mempunyai sasaran yang tertentu dalam *Paris Agreement* dan juga sebelum itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Copenhagen telah mengisyiharkan supaya kita mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar kita sebanyak 45 peratus berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2015 menjelang tahun 2030. Daripada keseluruhan sasaran pengurangan ini, 35 peratus akan dilaksanakan tanpa syarat (*unconditional*), manakala 10 peratus lagi adalah bersyarat (*conditional*) dan tertakluk kepada penerimaan peruntukan kewangan pemindahan teknologi dan pembangunan kapasiti daripada negara maju.

Maka dalam ini kita lihat bahawa hingga sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, 2018 kita boleh menepati sasaran yang kita telah kenakan ini dan laporan ini telah kita bagi

laporan pada 2016 dahulu menerusi *Intended Nationally Determined Contribution* (INDC) kepada *climate change* dan kita akan melaporkannya lagi pada tahun 2020 nanti yang bahawa kita akan menepati sasaran-sasaran yang kita telah set untuk kita sendiri untuk laksanakan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sahabat saya daripada Parlimen Parit Buntar, satu daerah dengan saya berdekatan dengan Parlimen Bagan Serai memilih untuk soalan yang berbentuk lokal tetapi saya ingin membawa soalan tambahan ini kepada peringkat antarabangsa. Seperti kita semua tahu, setelah Presiden Amerika Syarikat telah memenangi dan telah membuat satu kejutan iaitu menarik diri daripada Perjanjian Iklim Paris atau *Paris Agreement* yang sudah sedia ada turut disertai oleh 195 buah negara lain.

Ini sudah pastinya meninggalkan satu kelompongan, satu kekosongan dalam hala tuju ataupun kepimpinan *Paris Agreement* ataupun *climate change program* ini yang diterajui oleh negara-negara maju. Jadi macam biasalah Amerika ini, dahulu TPPA. Setelah berbincang banyak kali, habis banyak masa, habis banyak duit, tiba-tiba dia tarik dan meninggalkan huru-hara dan kegoyangan dalam tindakan seterusnya. Saya ingin bertanya, negara mana pula-kah yang akan menggalas, mengetuai perjanjian ini? Bagaimanakah pendirian Malaysia sebenarnya dalam hal ini apabila berlaku? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apabila kita pergi ke Paris untuk perbincangan untuk menyelesaikan persoalan *Paris Agreement* sebelum *Paris Agreement* itu selesai dan ditandatangani, ada diterima pada 12 Disember 2015. Kita melihat di dunia ialah pemimpin yang terhadapan yang kita lihat ialah Presiden Amerika iaitu Mr. Obama; yang kedua John Kerry, *Secretary of State America*; dan juga Laurent Fabius iaitu *Foreign Secretary* kepada negara Perancis. Kita lihat sebagai pemimpin-pemimpin yang akan menerajui, akan memimpin *climate change agenda* dunia ini.

Jadi apabila presiden baru mengantikan Presiden Obama di Amerika, maka memang sebenarnya kita melihat kekosongan *leadership* untuk *climate change* ini dan *climate change* ini perlu *leadership* yang kuat, *leadership* yang *dedicated* kepada pemikiran *climate change*. Kalau tidak, pandangan pihak saintis dan para *researchers* bahawa banyak negara yang akan bakal menghadapi malapetaka khususnya negara-negara di Lautan Pasifik, *Mediterranean* dan juga bahkan negara kita sendiri. Kita akan terkena kesan oleh *climate change* ini.

Jadi dalam keadaan demikian, maka kehilangan itu dirasakan oleh semua pihak. Bahkan saya sendiri pergi ke China berbincang dengan *chief negotiator* negara China tetapi beliau belum lagi bersedia untuk mengambil alih kepimpinan walaupun negara

sebagai negara yang kedua tertinggi mengeluarkan gas rumah kaca. Makanya terjadinya satu perbincangan yang khusus telah dibuat di Paris iaitu pada 12 Disember 2017, betul-betul setahun selepas itu, ulang tahun *Paris Agreement: One Planet Summit*. Semua ketua negara seluruh dunia telah dijemput oleh Presiden Emmanuel Macron untuk mengambil, *to extract* komitmen tiap-tiap negara tersebut. Jadi saya juga telah diwakilkan untuk pergi ke sana oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mewakili Malaysia.

Dalam perbincangan di situ. ternyata maka Macron berkehendakkan bahawa *Paris Agreement* walaupun *American leadership* tidak ada di situ lagi, tidak boleh dibiarkan begitu sahaja, yang pentingnya khusus kepada soalan *Green Climate Fund*. Jadi Macron menumpukan komitmen berlandaskan kita punya INDC, yang kedua *contribution* daripada negara-negara maju kepada *Green Climate Fund*. Jadi dalam keadaan sedemikian, nampaknya secara keseluruhannya negara yang terlibat dengan *Paris Agreement 2015*, 195 buah negara membuat komitmen yang tinggi termasuk kita sendiri Malaysia, memberitahu kepada dunia bahawa Malaysia adalah sebuah negara mendukung dan menyokong penekanan yang dibuat di Paris tersebut. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Ketereh.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tidak boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Panjang sudah Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran rombongan Al-Fadhil tuan-tuan imam daripada Machang, Kelantan ke Dewan yang mulia ini. *[Dewan tepuk]*

**3. Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan inisiatif kementerian dalam memastikan pertumbuhan pasaran perdagangan tempatan dan strategi bagi membantu syarikat yang bermodal sederhana agar dapat mengembangkan pasaran mereka selari dengan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0).

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam negaraku 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat Ketereh. Tuan Yang di-Pertua, industri 4.0 akan menyaksikan pertumbuhan secara meluas penggunaan

pelbagai teknologi seperti dengan izin, *artificial intelligence*, *augmented reality*, *autonomous robot*, *internet of things*, *cloud computing* antara lainnya. Justeru, kerajaan komited untuk membantu syarikat-syarikat PKS tempatan, perusahaan kecil dan sederhana tempatan bagi membina keupayaan mengadaptasi teknologi bagi mengembangkan pasaran mereka serta memastikan pertumbuhan pasaran perdagangan selari dengan Revolusi Perindustrian 4.0.

Pada masa ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan agensi-agensi telah mengambil inisiatif untuk memastikan PKS tempatan berdaya saing dan mampu menghadapi cabaran baharu melalui pelbagai program-program yang komprehensif. Antaranya ialah Program Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS 2.0, Program Peningkatan Enterprise Bumiputera (BEEP), Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE), Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB), Program Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP) dan program berimpak tinggi untuk menggalakkan PKS menceburi aktiviti eksport pelaburan teknologi dan pelesenan.

Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai program yang dapat menggalakkan PKS untuk memperluaskan pasaran dagangan mereka seperti Geran Pembangunan Pemasaran (MDG), Go-Ex, program padanan dan promosi perniagaan, eDagang dan portal eksport. Dalam menggalakkan eksport di kalangan PKS tempatan, persijilan jenama Malaysia telah diberikan kepada 130 buah syarikat yang berkelayakan seperti Spritzer, Bina Paint, Tomei, Magic, Hyrax Oil, Brahim's, Ramly, Colourland, Smart Reader Kids dan Mixbox.

## ■1100

Kerajaan juga telah melancarkan program berikut untuk menggalakkan PKS untuk menceburi e-dagang:

- (i) Hab Digital Malaysia untuk menyokong syarikat-syarikat *start up* dan PKS;
- (ii) Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan untuk meningkatkan pertumbuhan e-dagang domestik; dan
- (iii) Digital Free Trade Zone (DFTZ) untuk memudahkan transaksi e-dagang rentas sempadan dan merangsang inovasi berteraskan Internet.

Kerajaan berharap pelaksanaan DFTZ ini dapat merancakkan lagi pemasaran produk berkualiti keluaran PKS ke luar negara.

Kerajaan juga menyediakan program bantuan kewangan melalui pemberian geran dan skim pembiayaan untuk menggalakkan PKS beralih ke aktiviti rantai nilai yang lebih tinggi. Antaranya skim pinjaman mudah untuk PKS pada kadar pinjaman empat peratus, geran sehingga RM300,000 untuk program pengeksport terbaik di bawah

TERAJU dan SME Bank, skim anjakan usahawan dengan pinjaman sehingga RM5 juta dan e-IPF, program pembiayaan premis usahawan dengan pinjaman sehingga RM5 juta selain daripada skim pembiayaan syarikat TERAS di bawah TERAJU dengan pinjaman sehingga RM20 juta.

Melalui Bajet 2018, ia telah menawarkan pakej insentif yang komprehensif untuk menggalakkan PKS beralih kepada teknologi pintar sejajar dengan Industri 4.0. Contohnya, RM245 juta geran sempadan di bawah Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF), lanjutan tempoh insentif elaun modal dipercepatkan sebanyak 200 peratus, galakan elaun modal dipercepatkan sebanyak 200 peratus untuk sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan dan elaun modal bagi peralatan ICT termasuk perbelanjaan pembangunan perisian komputer melalui tahun taksiran 2018 hingga 2020.

Selain itu, peruntukan khas untuk syarikat PKS di bawah skim jaminan pembiayaan perniagaan turut disediakan untuk sektor perkhidmatan dan industri 4.0 bagi membantu syarikat beralih kepada automasi. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana– terutamanya khususnya MITI kerana jumlah perdagangan negara telah berkembang dan mencatatkan pertumbuhan paling kukuh dalam tempoh 13 tahun dengan ASEAN iaitu pertambahan sebanyak 19.4 peratus kepada RM1.77 trilion pada tahun 2017. Ini sudah tentulah hasil usaha yang gigih Yang Berhormat Menteri MITI dan juga kementerian sendiri.

Soalan saya ialah berhubungan dengan revolusi perindustrian 4.0 ini yang mana kita menjangkakan akan wujud satu ekosistem perdagangan termasuk ekosistem perdagangan antarabangsa yang kian berubah akan berlaku peningkatan produktiviti, kos menjadi lebih efisien, market *penetration* barangkali yang lebih meluas lagi. Ini akan membentuk satu ekosistem perdagangan antarabangsa yang juga sudah berlaku *shift* ataupun satu perubahan.

Dalam hubungan ini Yang Berhormat Menteri seperti mana kita tahu menjelang Januari 2019 kita terlibat dengan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian *Trans-Pacific* (CPTPP). Jadi soalan saya ialah sejauh manakah kementerian melihat perjanjian ini akan dapat membantu kita dalam menghadapi suasana *shift* yang baru hasil daripada revolusi industri 4.0. Terima kasih.

**Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih, Yang Berhormat Ketereh. Ya, kita memang dari semasa ke semasa, dari setahun ke setahun terus mendapat rekod nilai perdagangan yang begitu tinggi sama ada dari segi jumlah perdagangan iaitu

jumlah eksport dan juga jumlah import. Kita sentiasa mempunyai lebihan dagangan iaitu eksport melebihi daripada import.

Sebagaimana yang disebut bahawa CPTPP telah pun kita tandatangani yang melibatkan negara-negara seperti Chile, Kanada, Australia, New Zealand selain daripada negara-negara Asean. Apa yang menarik pada CPTPP ini ialah kita membuka pasaran baru. Walaupun Amerika Syarikat tidak terlibat tetapi kita meneroka pasaran baru terutama ke negara-negara di Amerika Selatan. Dengan pasaran baru itu maka kita dapat menambah lagi peluang perniagaan kepada usahawan-usahawan dalam negara kita.

Apa yang penting ialah bagaimana persiapan perusahaan kecil dan sederhana sebagai soalan asal Yang Berhormat Ketereh. Adakah mereka bersedia untuk menghadapi anjakan baru, *paradigm shift* – anjakan paradigma baru dalam perniagaan ini yang mana segalanya pintar. Kita bukan hanya ada telefon pintar kita ada juga rumah pintar, kilang pintar, pejabat pintar yang semuanya itu akan kalau kita tertinggal maka kos kita akan meningkat. Kalau kita dapat bersama, maka kos kita akan turun dan pada ketika yang sama kita boleh menembusi pasaran antarabangsa.

Jadi kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas pasukan petugas peringkat tertinggi di MITI supaya kita boleh bersama dengan kementerian-kementerian lain seperti infrastruktur digital dan ekosistem oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Kebangsaan, pembiayaan dan insentif, Kementerian Kewangan, pembangunan modal insan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sumber Manusia, Teknologi dan Piawaian, Kementerian Sains dan Teknologi dan Inovasi (MOSTI), perusahaan kecil dan sederhana, MITI sendiri dan juga SME Corps. Untuk kita mewujudkan apa yang dipanggil sebagai dasar negara bagi industri 4.0 ini. Dasar negara ini akan kita siapkan pada pertengahan 2018 selaras dengan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempengerusikan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang di dalamnya ada pelbagai kementerian dan juga agensi. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin tahu apakah pencapaian syarikat terutama di kalangan bumiputera sama ada di peringkat domestik ataupun *international*.

Setakat ini apakah program-program yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan lagi pencapaian terutama di sudut PKS dan sebagainya dalam bersaing dengan cabaran industri yang ada pada hari ini. Minta penjelasan.

**Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan:** Pencapaian kalau kita lihat di seluruh Malaysia ini kita ada sejumlah 907,032 entiti perniagaan. Ini yang kita panggil sebagai

perusahaan kecil dan sederhana. 907,032 dalam banci kita setiap lima tahun sekali jumlah usahawan bumiputera ini dari segi peratusan meningkat dua peratusan setiap kali diadakan bancian. Sekarang ini jumlah perusahaan kecil dan sederhana bumiputera ialah 38 peratus daripada keseluruhan 907,032. Selain daripada itu pencapaian ada angka-angka yang detil daripada angka-angka yang telah kita berikan geran dan juga pembiayaan.

Sukacita saya ingin maklumkan di sini bahawa pada Bajet 2018 tidak pernah dalam sejarah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan satu bantuan yang cukup besar iaitu RM22.2 bilion dalam bentuk geran dan juga pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana daripada seluruh negara, pelbagai kaum boleh mendapatkan geran dan juga boleh mendapatkan pembiayaan itu.

Saya juga ingin memaklumkan di sini kita akan mengadakan satu Himpunan Usahawan Bumiputera besar-besaran pada 30, 31 Mac ini *Axiate Arena* ataupun Stadium Tertutup Bukit Jalil pada hari Jumaat dan Sabtu ini dan akan menghimpunkan 14,000 usahawan bumiputera dalam satu himpunan bersejarah kali pertama seumpamanya dan akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya dengan ini menjemput semua usahawan bumiputera di luar sana yang mendengar siaran ini datang, jangan tidak datang pada 30 dan 31 hari bulan. Kita akan mengadakan begitu banyak aktiviti di dalamnya termasuklah apa yang kita panggil sebagai *Young CEO Summit* ataupun Sidang Kemuncak CEO Muda selain daripada himpunan usahawan bumiputera itu.

Di situ kita juga akan mempromosikan segala bantuan yang dibuat oleh kerajaan. Ada 230 gerai yang bermacam-macam dan ada juga 50 *food truck*, selain daripada kita akan memberikan anugerah bumiputera kepada wanita, kepada belia dan juga ikon usahawan bumiputera.

#### ■1110

Segalanya ini Tuan Yang di-Pertua, segala apa yang saya sebut bantuan-bantuan itu tadi, kita boleh lihat dalam dua portal. Pertama, portalnya *bisnest.com.my*. Satu lagi portal *smehub.gov.my*. Jadi kalau kita hendak tanya di mana dapat geran dan segala bantuan ini, lihat Bisnest dan juga SME Hub. Terima kasih.

*[Soalan No.4 - Dato' Mansor Bin Othman (Nibong Tebal) tidak hadir]*

5. **Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan sejauh manakah langkah kementerian melaksanakan Skim Eksport Minyak Sawit Mentah (MSM) tanpa duti eksport berjaya mengurangkan stok minyak sawit serta mengukuhkan harga pasaran minyak sawit.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Eksport Minyak Sawit Mentah tanpa duti eksport telah dilaksanakan bagi tempoh tiga bulan bermula 8 Januari 2017 hingga 17 April 2018 sebagai langkah untuk mengukuhkan harga pasaran minyak sawit dengan mengurangkan stok minyak sawit.

Sebelum pelaksanaan skim ini, stok akhir minyak sawit pada 31 Disember 2017 adalah sebanyak 2.73 juta tan. Di mana 1.67 juta tan adalah minyak sawit mentah (CPO) dan 1.06 juta tan adalah minyak sawit diproses (PPO). Harga CPO berada di paras terendah pada bulan Disember 2017 iaitu RM2,407 se tan. Kesan daripada lebihan bekalan minyak sawit di pasaran, paras stok minyak sawit pada bulan tersebut juga telah meningkat dengan ketara berbanding 2.55 juta tan pada November 2017.

Tuan Yang di-Pertua, pada 31 Januari 2018 iaitu sebulan selepas pelaksanaannya, stok akhir minyak sawit telah menyusut sebanyak 6.7 peratus kepada 2.55 juta tan seperti berikut:

- (i) stok akhir CPO telah berkurang sebanyak 5.7 peratus atau 59,481 tan kepada 1.57 juta tan; dan
- (ii) stok akhir PPO menurun sebanyak 84 juta atau 88,932 tan kepada 0.97 juta tan.

Penurunan ini seiring dengan peningkatan keseluruhan eksport minyak sawit pada Januari 2018 iaitu sebanyak 85,815 tan dan 1.51 juta tan berbanding 1.43 juta tan pada Disember 2017. Pada tempoh yang sama, harga purata CPO juga telah meningkat sebanyak 3.3 peratus pada RM2,400,086,000.50 se tan pada Januari 2018 berbanding RM2,408 se tan pada Disember 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat di atas pelaksanaan Skim Eksport Minyak Sawit Mentah tanpa duti eksport ini telah berjaya mengurangkan stok serta mengukuhkan harga pasaran minyak sawit. Kesan sepenuhnya Skim Eksport Minyak Sawit Mentah dijangka pada penghujung bulan Mac 2018. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab soalan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, harga minyak sawit mentah (MSM) dijangka rendah antara RM2,300 hingga RM2,500 satu metrik tan dalam tahun ini berbanding RM2,783 se tan

pada tahun lepas. Perkara ini berlaku akibat daripada penyusutan dalam permintaan serta kadar pengeluaran yang mula memulih.

Soalan tambahan saya, apakah langkah serta tindakan lain yang telah dilaksanakan oleh kementerian dalam usaha mengukuhkan lagi pasaran minyak sawit. Apakah tindakan yang telah dirangka oleh kementerian dalam usaha menjadikan minyak sawit lebih berkualiti supaya ia mendapat permintaan yang lebih tinggi di pasaran antarabangsa? Terima kasih.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Harga minyak sawit memang tidak stabil. Seterusnya, ada kala apabila permintaan begitu banyak dan bekalan berkurangan ia akan naik. Manakala apabila bekalan banyak dan permintaan kurang ia akan menyusut. Itu adalah *supply and demand* yang perlu kita terima sebagai satu daripada penentu harga minyak sawit di negara ini. Kita juga mengeksport minyak. Oleh sebab itu apabila kita mengeksport harga ditentukan oleh negara luar.

Seterusnya soalan yang kedua, untuk menentukan harga minyak kita tetap di paras yang boleh diharapkan ialah kita mencari pasaran-pasaran yang banyak lagi. Kita tahu pasaran Eropah tidaklah begitu amat kita harapkan sebab mereka sekarang mempunyai peraturan-peraturan yang baru. Oleh sebab itu Malaysia telah mencari pasaran-pasaran yang lain. Satu pasaran yang belum kita terokai sepenuhnya ialah pasaran China. China adalah satu pasaran yang amat besar, yang berpotensi begitu besar. Sekiranya kita terokai sepenuhnya pasaran China ini, kita mengharapkan harga minyak sawit kita akan kekal, stabil dan unjuran meningkatkan naik.

Begitu juga pasaran seperti Iran. Iran juga satu pasaran yang cukup luas dan berpotensi besar tetapi belum lagi kita terokai sepenuhnya. Sebenarnya MPOB telah masuk ke pasaran Iran dengan meletakkan pejabat-pejabatnya di sana untuk memastikan promosi minyak sawit di negara Iran. Begitu juga Filipina, negara yang dekat kepada kita tetapi juga belum kita terokai sepenuhnya. Kita mengharapkan dengan adanya pasaran-pasaran baru ini, ia akan menstabilkan harga-harga kita, harga minyak sawit.

Berhubung dengan kualiti, sebenarnya minyak sawit daripada Malaysia berkualiti tinggi. Itu kita tidak boleh nafikan daripada segi kualitinya memang banyak negara pembeli di luar negara sana ingin mengharapkan— menginginkan minyak sawit daripada Malaysia sebabnya ia berkualiti tinggi berbanding dengan negara-negara lain. Jadi berhubung dengan kualiti itu, saya ingin nyatakan pada Dewan ini bahawa minyak sawit daripada Malaysia amat tinggi kualitinya berbanding dengan negara-negara lain. Sekian, terima kasih.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita mengatakan minyak sawit kita berkualiti tinggi tetapi isu pencemaran, *contaminant* dengan izin seperti 23 MCPD dan *glycidyl* dan lain-lain lagi itu masih disebut di peringkat antarabangsa. Apakah kita ada bukti kuantitatif dan kualitatif untuk menunjukkan bahawa kita memang telah mencapai kualiti tinggi tadi? Terima kasih.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan MCPD ini adalah satu perkara yang baru ditimbulkan oleh pihak-pihak yang ingin mencari masalah berhubung dengan minyak sawit kita. Jadi sebetulnya MCPD ini adalah satu *impurities* yang mencemari minyak sawit kita tetapi ia dalam kuantiti yang amat kecil. Akan tetapi ini sedang diusahakan oleh MPOB untuk mencari kaedah-kaedah di mana MCPD ini boleh dikeluarkan supaya minyak sawit kita ini adalah bebas daripada MCPD.

#### ■1120

Pelbagai usaha telah dilaksanakan. Cara-cara, kita juga berbincang. MPOB berbincang dengan pengilang-pengilang sawit untuk memastikan prosesnya berjalan dengan betul supaya kita dapat kurangkan pencemaran MCPD. Sekian, terima kasih.

6. **Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapakah jumlah unit yang telah dijual melalui Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP).

**Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tak faham yang pertama sekali, kenapa Yang Berhormat dari Wangsa Maju bangkitkan soalan ini kerana nak menanyakan kos RUMAWIP. Sepatutnya Yang Berhormat bergembira kerana kita jual kepada rakyat dengan kos yang rendah supaya rakyat dalam kota ini dapat mempunyai rumah dan tidak dipinggirkan dan juga tidak diminta keluar dari kawasan-kawasan asal yang mereka duduk.

Walau macam mana pun Tuan Yang di-Pertua, saya jawab jugalah. Yang sebenarnya saya malas nak jawab tapi tak apa, saya jawab sahajalah. Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, saya beri satu contoh sahajalah. Umpamanya kita tahu kos untuk membangunkan rumah-rumah *apartment* ini dengan izin, anggarannya ialah lebih kurang dalam RM329 satu kaki persegi. Kalau 800 kaki persegi, jumlah yang patut dijual kepada masyarakat ialah RM263,000 tapi dengan konsep modul RUMAWIP ini, kita telah tetapkan. Ada yang dijual RM42,000, ada yang dijual RM188,000. Saya ambil

contoh RM188,000. Kalau RM188,000 sahaja, pihak pemaju terpaksa menampung RM75,000 kerugian.

Itulah sebab kita ada cara kita yang saya tahu bahawa pihak-pihak negeri-negeri yang dikuasai oleh pembangkang hairan bagaimana Kerajaan Barisan Nasional dapat melaksanakan program ini dengan jaya. Yang Berhormat Lembah Pantai ketawa, dia tahu apa saya lakukan dan kita tak pingir dan kita tak minta kalau kawan itu duduk di kawasan tertentu, tak perlu pindah. Kita akan bangunkan semula dan mereka akan balik ke tempat yang asal. Macam baru-baru ini di Taman Ikan Mas, Bandar Tun Razak. Kita telah buat satu lagi cara di mana *new model* yang telah kita perkenalkan. Dulu kita nak jual kepada pemindah tersebut dengan 700 kaki persegi, yang telah beli rumah *one to one free*, dengan izin, yang hendak beli dengan harga RM28,000 satu unit dalam Bandar Tun Razak. Lebih kurang dua kilometer daripada CBD area.

Kemudian, *the new scheme* yang telah kita laksanakan sekarang ini kita nak bagi 850 kaki persegi. Yang nak beli, yang dah ada rumah dah beli, bagi *one to one free* juga seperti Kampung Kerinchi yang dahulu Yang Berhormat Lembah Pantai ketawakan apa yang kita nak lakukan tetapi akhirnya *it's a proven* program yang telah berjaya. Begitu juga dengan *Razak Mansion*, dengan izin ya. Jadi Yang Berhormat, skim yang kita lakukan di Bandar Tun Razak pun sama juga. 850 kaki persegi, RM28,000. Jadi, dia akan berbeza di kawasan-kawasan yang tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini sebut, saya pun lupa nak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga nak jawab soalan pada tanggal 29 Mac 2018 yang sama jugalah. Jadi saya mohon untuk saya jawab dua-dua sekali ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat 28 Februari 2018 sebanyak 49 projek membabitkan 31,514 unit telah dibuka untuk dijual. Daripada jumlah tersebut, 15,742 unit telah pun berjaya dijual ataupun 50 peratus manakala 15,772 unit lagi masih peringkat tapisan sebelum ditawarkan kepada pembeli yang layak kerana kita ada tapisan-tapisan yang tertentu kerana kita nak membantu warga ataupun rakyat yang benar-benar memerlukan kerana kita bersasar kepada golongan-golongan yang tertentu dan kita juga memastikan bahawa rumah-rumah ini ada moratorium yang mereka tidak boleh jual kerana kita tidak mahu ada spekulasi dalam harta tanah yang telah kita bangunkan untuk mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya rayalah sokonglah kerajaan yang ada ini kerana kita menyediakan rumah yang benar-benar boleh dimiliki oleh warga khususnya di Kuala Lumpur dan juga Putrajaya dan juga Labuan. Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, minggu lepas saya telah lancarkan lagi satu program RUMAWIP di Putrajaya dengan harga RM80,000. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih atas jawapan Menteri. Pada dasarnya, kita sokong. Tak ada masalah. Soalan tambahan saya, ini skim sewa beli. Masalah besar ialah *down payment* atau wang pendahuluan susah nak kumpul. Boleh kah tidak kerajaan, boleh ambil kira skim sewa beli, contohnya sewa di antara lima sampai sepuluh tahun, lepas itu beli. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat.

Barangkali Yang Berhormat pun tak faham skim sewa beli yang kita tawarkan, *rent-to-own*, dengan izin. Inilah masalah puak-puak belah sana, dia tak faham. Kalau tak faham, tanya. Dia tak perlu deposit, Yang Berhormat. Dia tak perlu langsung deposit, dia sewa. Kadar sewanya berbeza. Katalah sekarang ini kita sewa harga rumah *cultural home* dengan izin, RM124,50. Untuk *rent-to- own*, dengan izin, untuk makluman Yang Berhormat, kita sewa kepada mereka dengan harga RM250 ke RM300 dan kita kira itu sebagai duit permulaan, duit mereka bayar balik sehingga beberapa tahun yang telah ditentukan, rumah itu akan jadi milik dia. *That's our scheme of rent-to-own Kerajaan Barisan Nasional. [Tepuk]*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-

Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Hari ini saya harap dapat senyum sikitlah. Kita baru mula jawab, tak payah marah-marah ya. Saya sokong daripada segi pelaksanaan pembinaan perumahan rakyat yang baik mengikut urus tadbir yang berkesan. Maka Yang Berhormat, izinkan kami di belah sini membantu proses pelaksanaan. Pertamanya, saya rujuk kepada Laporan Ketua Audit 2016 yang menyatakan wujudnya kepincangan besar dalam pembinaan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan kerana kebanyakan syarikat pemaju yang dipilih itu tidak melaksanakan atau membina dengan baik.

Saya meminta kepada Yang Berhormat satu bentuk penjelasan bagaimana kementerian memantau perjalanan pembinaan kerana sudah tentu bila aset DBKL pun dijual di bawah harga pasaran, yang rugi adalah rakyat. Keduanya Yang Berhormat, ada surat pembaca dihantar kepada *Utusan* dibangkitkan bahawa Rumah Mampu Milik Wilayah ini memang menjadi sesuatu yang dimahukan oleh warga kota tapi mereka membangkitkan ada kabel-kabel yang wujud di mana antara rumah-rumah yang dijual antara RM168,000 hingga RM300,000 seunit akhirnya yang dapat beli dikhaskan untuk kakitangan DBKL. Ini rungutan.

Jadi saya mungkin minta Yang Berhormat agar menerima kritikan membina ini dan melaksanakan tanggungjawab dengan baik. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Dengan Yang Berhormat, saya senyumlah. Tak apa, *no problem [Ketawa]*. Muka saya dah memang macam ini, yang sebenarnya hati saya baik, *don't worry okay? Don't worry, be happy*. Wilayah Persekutuan, *you got me*. Okey? *[Ketawa]* Dengan izin. Untuk makluman Yang Berhormat, terima kasih apa yang telah Yang Berhormat bangkitkan. Yang sebenarnya saya pun telah menulis surat. Bila Yang Berhormat bangkitkan kepada saya, saya telah jawab berkenaan apa yang telah dituliskan dalam Laporan Audit kepada Yang Berhormat dan saya telah beri penerangan. Selain kepada Yang Berhormat, saya juga telah menghantar salinan kepada BPR. Saya telah hantar salinan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya, saya juga telah hantar salinan kepada Menteri KPKT saya.

Saya telah beritahu apa yang sebenarnya. Oleh kerana ada orang-orang yang tertentu, barangkali ya, barangkali. Ini barangkali, saya tak suka nak tuduh.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:**  
Kebarangkalian.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Kebarangkalianlah, daripada awal saya dah cakap kebarangkalian, saya tak suka menuduh. Ada orang-orang yang tidak setuju di atas apa yang kita lakukan kerana ada *developers* yang besar, dia tak suka kerana kita telah mula kalau dalam bahasa Inggeris, *depress the price of housing* di Wilayah Persekutuan.

### ■1130

Dulu dia boleh jual 1 *square feet* RM800, RM1,000. Sekarang ini sudah tidak boleh sudah oleh kerana skim PPA1M Kerajaan Barisan Nasional, Skim PR1MA Kerajaan Barisan Nasional, Skim SPNB Kerajaan Barisan Nasional, Skim RUMAWIP Wilayah Persekutuan. Jadi, banyak yang tidak suka apa yang kita lakukan. Saya sedar kerana ini politik dalam perniagaan, untuk makluman Yang Berhormat ya. Jadi, tidak apa, saya setuju Yang Berhormat boleh maklumkan kepada kita dan kita akan cuba membantu.

Soalan yang kedua Yang Berhormat telah bangkitkan saya pun terkejut. Kalau ada takdir sebab tidak ada *cable*. Ada portal daripada Kementerian Wilayah Persekutuan, dia boleh *apply online*. Kadangkala saya juga dengar juga apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Bila saya dengar, saya akan telefon kementerian, pegawai saya. Oleh kerana agihan penjualan ini dilaksanakan oleh kementerian, bukan dilaksanakan oleh pemaju, bukan dilaksanakan oleh ejen-ejen pemaju, tidak ada orang tengah.

Jadi, saya akan tanya dengan pegawai saya dan suruh menyiasat apa yang telah berlaku. Kalau Yang Berhormat ada perkara yang sebenar, tolong hantar kepada saya dan *insya-Allah* saya akan jawab. Jangan buruk sangka, percayalah apa yang kita lakukan ini demi untuk rakyat. [Tepuk] Oleh kerana kerajaan yang ada hari ini sayang kepada rakyat. [Tepuk] Kita bukan macam pembangkang. Terima kasih. [Ketawa]

**7. Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan peratusan kadar kerosakan penglihatan di kalangan pelajar sekolah pada tahun lepas dan faktor-faktor yang mengakibatkan ia berlaku.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2017 data menunjukkan 6.3 peratus murid Tahun 1, 4.1 peratus murid Tahun 6 dan 2.7 peratus murid Tingkatan 3 mempunyai masalah penglihatan setelah diperiksa melalui perkhidmatan kesihatan sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah penglihatan murid adalah:-

- (i) faktor keturunan, penyakit sebagai contoh, *amblyopia* ataupun *lazy eye*, dengan izin, iaitu keadaan masalah penglihatan disebabkan oleh beberapa keadaan yang boleh menjelaskan perkembangan penglihatan yang normal;
- (ii) faktor trauma atau kecederaan pada mata; dan
- (iii) faktor persekitaran seperti penggunaan *gadget* elektronik yang terlalu lama.

Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan sentiasa memastikan kesihatan murid terpelihara, termasuklah memberi pendidikan kesihatan berkenaan penjagaan mata kepada murid sekolah. Saringan pemeriksaan mata dilakukan secara berkala oleh anggota kesihatan. Bagi murid yang mempunyai masalah penglihatan, mereka akan dirujuk dan diberi rawatan. Terima kasih.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya, adakah kementerian menggunakan tiga indikator-indikator WHO dan juga Global I-Health Action Plan 2014 ke 2019 yang mempunyai tiga indikator yang harus ada bagi tanda aras kesihatan mata? Ini dapat memastikan kesihatan mata golongan pelajar kita di tahap yang baik dan terkawal. Terima kasih.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih kepada soalan tambahan. Berkenaan dengan tiga indikator tersebut oleh WHO. Satu, adakah sama ada kita mempunyai cara-cara kita untuk memastikan sebab-sebab kerosakan mata? Kedua, adakah kita mencukupi bilangan kakitangan yang pakar? Ketiga, adakah kita menyediakan surgeri

katarak? Ketiga-tiga indikator WHO ini untuk makluman Yang Berhormat, ia di bawah jagaan Kementerian Kesihatan Malaysia. Di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, kita menyediakan murid, kita menyediakan premis, kita menyediakan semua kemudahan supaya Kementerian Kesihatan boleh membawa pakar mereka ataupun doktor mereka datang ke sekolah untuk melakukan pemeriksaan. Jadi, kita memerlukan bantuan 100 peratus daripada pakar. Oleh kerana pada akhirnya, semua rawatan ataupun rujukan itu perlulah mendapat kelulusan daripada pakar mata daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Terima kasih.

8. **Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]** minta Perdana Menteri menyatakan status perlaksanaan Stage Bus Services Transformation (SBST) di Kuching. Nyatakan jangka masa tarikh perlaksanaan, pelan terkini serta terperinci, syarikat-syarikat yang terlibat dan peranan setiap syarikat tersebut termasuk jumlah yang akan dibayar mengikut kontrak.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian SBST telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dengan operator rangkaian pada 22 November 2017 dengan tempoh pelaksanaan kontrak selama 5 tahun. Jika semuanya berjalan dengan lancar Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan bas dijangka akan mula beroperasi pada bulan Januari 2019.

Berikutkan permohonan Kerajaan Negeri Sarawak untuk menukar spesifikasi bas daripada jenis diesel kepada elektrik, maka akibat daripada permohonan tersebut Perjanjian SBST perlu disemak semula dan buat masa ini masih belum dimuktamadkan. Pengendali atau operator rangkaian yang dilantik kerajaan adalah Konsortium Bas Bandar Raya Kuching ataupun KBBK Sdn. Bhd. KBBK merupakan gabungan lima buah syarikat pengendali bas sedia ada di Bandar Raya Kuching dan Kota Samarahan iaitu Bau Transport Company Sdn. Bhd., Biara Emas Express Sdn. Bhd., City Public Link Bus Service Sdn. Bhd., Petrajaya Transport Sarawak Sdn. Bhd. dan Sarawak Transport Company Berhad. Kontrak tersebut telah ditandatangani bersama Konsortium BBK Sdn. Bhd. dengan kos kontrak sebanyak RM240.9 juta untuk selama lima tahun. Terima kasih.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang dibagi. Saya memang mengalu-alukan bahawa supaya bas elektrik digunakan, itu adalah satu inisiatif yang sangat baik. Jadi, soalan saya berapakah jumlah bilangan bas yang akan diadakan serta berapa yang akan kerajaan biayai bagi setiap bas setiap hari, jika ada? Saya faham ini soalan mungkin perlukan soalan bertulis.

Saya difahamkan kos setiap bas juga akan dibiayai oleh kerajaan walaupun tambang akan dikenakan. Jadi, maka berapakah jumlah anggaran penumpang sekarang serta apabila ianya akan diguna pakai? Kedua, jika saya boleh berikan sedikit cadangan.

Di Selangor, tambang bas adalah percuma, maka jika boleh saya cadangkan bahawa, kerajaan adakan servis bas percuma di Sarawak. Pada 2016 sahaja terdapat 4.7 juta pelancong melawat ke Sarawak dengan jumlah anggaran perbelanjaan daripada pelancong sebanyak RM8.4 bilion. Maka, saya cadangkan bagi tambang percuma bagi rakyat Malaysia, biarlah pelancong yang membiayai kos tersebut. Adakan sistem pembayaran *cashless* ataupun *tourist pass* seperti negara moden yang lain. Saya yakin dengan modul sedemikian, tambang percuma adalah *feasible*.

Ketiga, saya yakin bas moden ini juga ada GPS serta *remote monitoring system*. Maka, dengan adanya data ini, kita boleh tahu jika bas dipandu dengan cermat ataupun sampai ke destinasi dalam masa yang ditetapkan. Maka, saya cadangkan ada juga CCTV ataupun KPI di mana kerajaan akan membiayai kos bagi setiap bas tersebut setiap hari mengikut KPI yang ditetapkan. Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat kata satu, kedua, sebenarnya sudah berapa banyak soalan tambahan? [Ketawa] Anyway, terima kasih Yang Berhormat. Apa yang, Yang Berhormat tanya tadi mengenai berapa buah? Kalau mengikut perjanjian yang telah kita tandatangani awal, ia ada 130 buah. Namun, apabila ada permintaan iaitu permohonan daripada kerajaan negeri untuk menjadikan bas *instead of diesels* sebab *agreement* awal adalah diesel Yang Berhormat. Selepas itu, mereka mohon supaya ditukarkan kepada elektrik. Sarawak minta supaya *electric bus*, jadi mungkin dari segi kosnya, ia akan boleh mengakibatkan kekurangan.

Namun begitu, seperti yang saya nyatakan tadi kita belum muktamadkan. Mungkin ada perbincangan lanjut di antara negeri dan juga Persekutuan. Selain daripada itu juga, Yang Berhormat tadi menyentuh mengenai harga. Berapa harganya kita tidak tahu lagi sebab itu bergantung kepada apa yang akan dibincangkan di pihak kerajaan negeri. Yang Berhormat juga menyarankan supaya secara menyeluruhnya saya melihat apa Yang Berhormat sarankan lebih kepada spesifikasi yang moden. Kita mengambil kira OKU, kita mengambil kira keselamatan. Semuanya ini diambil kira Yang Berhormat. Jadi, *insya-Allah*, ia akan diambil kira apabila mereka sudah memuktamadkannya nanti.

## ■1140

Untuk makluman Yang Berhormat, yang telah kita kenal pasti sebelum ini adalah 27 buah laluan. Jadi apabila ada perubahan ini, mungkin—saiz bas pun mungkin ada perbezaannya sebab apabila kita bincang secara lanjut dengan pihak kerajaan negeri, ada juga yang menyarankan supaya dilakukan pindaan kepada beberapa perkara

kerana ia melihat kepada lokasi kawasan laluan. Kalau dikira bas yang panjang, mungkin tidak semua kawasan boleh dilalui dengan bas yang panjang mengikut apabila dia hendak belok ada *turning*, dengan izin. Jadi semua ini perlu diambil kira dalam pindaan dari segi perjanjian itu, Yang Berhormat.

Perkara lain itu Yang Berhormat sarankan bas *free, insya-Allah*, mungkin saya percaya Kerajaan Negeri Sarawak memang akan mengalu-alukan ini kerana apabila pelancong itu ramai, maka mungkin ia boleh membawa kepada keuntungan kepada negeri dan juga kerajaan negeri boleh memberi lebih lagi perkhidmatan yang lain. Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kita ucapkan kepada kerajaan kerana memperkenalkan Program SBST di Sarawak khususnya di Kuching yang mana salah satu laluannya ke Kota Samarahan. Dengan itu, saya ingin mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri, apakah jangkaan kesannya SBST ini dalam membanteras kesesakan lalu lintas? Sebab ini perkara utama yang dialami oleh Kota Samarahan pada masa ini. Apakah kekerapan bas berkenaan membawa penumpang? Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya memahami apa yang dijadikan kerisauan Yang Berhormat kerana kawasan Jalan Samarahan itu memang sesak. Jadi sebab itu kita menjangkakan ini akan menjadi salah satu daripada *game changer*, dengan izin, untuk kawasan Samarahan kerana ia akan boleh membawa ramai penumpang.

Dari segi frekuensi pergerakan bas itu, *insya-Allah*, kita akan menyemak semula. Saya berharap Yang Berhormat juga memberi input kepada pihak LPKP Sarawak kerana saya percaya ini akan mengakibatkan ada kesannya kepada jalan-jalan *feeder* yang di dalam itu yang mungkin memerlukan bas yang kecil—*feeder bus*. Jadi sebab itu saya menyarankan kepada Yang Berhormat untuk membincangkan dengan pihak LPKP yang mana akan membincangkan perkara ini dengan pihak KBBK dan juga pihak yang bertanggungjawab terutama sekali *the local government*, dengan izin.

Yang Berhormat, saya menyarankan supaya Yang Berhormat melakukan itu. Terima kasih.

**9. Dr. Mansor bin Abdul Rahman [Sik]** minta Perdana Menteri menyatakan sekiranya terdapat kajian berkaitan berlakunya pertindihan tugas antara agensi-agensi Kerajaan seperti SPAD dan JPJ, maritim dan polis marin dan sebagainya yang mungkin menyebabkan pembaziran guna tenaga untuk tugas yang sama. Mohon Menteri menjelaskan serta menyenaraikan tugas-tugas agensi berkaitan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:** Yang Berhormat, saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Pengerang. Soalan Yang

Berhormat tadi sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, JPA telah melaksanakan kajian ke atas agensi-agensi yang dilihat mempunyai pertindihan fungsi bagi memastikan penggunaan sumber manusia yang optimum di setiap agensi.

Tinjauan ke atas dua agensi sebagai contoh digunakan iaitu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang melaksanakan fungsi penguatkuasaan undang-undang ke atas kenderaan perdagangan mendapati bahawa fungsi dan peranan SPAD dan JPJ adalah berbeza. Ini adalah kerana masing-masing mempunyai undang-undangnya sendiri, Yang Berhormat.

Fungsi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh SPAD adalah berdasarkan kepada Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715] termasuk merancang dan membuat polisi serta mengawal selia pengangkutan awam darat seperti kereta api, bas dan teksi serta pengangkutan barang yang menggunakan jalan raya ataupun rel kereta api.

Manakala fungsi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh JPJ adalah berdasarkan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] termasuk melaksanakan latihan, ujian dan melesenkan pemandu kenderaan persendirian dan perdagangan.

Bagi memastikan tidak berlaku pertindihan fungsi antara kedua-dua agensi penguatkuasaan ini, tindakan penyelarasan dan pemantapan dilaksanakan secara berterusan untuk menambah baik pengurusan dan pelaksanaan Akta 715 dan Akta 333.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Tuan Yang di-Pertua, hasil kajian terhadap Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Polis Maritim yang melaksanakan fungsi penguatkuasaan undang-undang di kawasan perairan negara juga mendapati bahawa fungsi dan peranan APMM dan polis marin adalah berbeza.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia telah ditubuhkan berdasarkan Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 [Akta 633] yang berkuat kuasa pada 15 Februari 2005. Pada Ogos 2011, kerajaan memutuskan APMM sebagai agensi penguatkuasaan maritim tunggal. Susulan itu, tindakan penyelarasan antara agensi-agensi penguatkuasaan maritim lain telah dipertingkatkan khususnya dalam aspek operasi. Ini berbeza dengan tugas dan tanggungjawab polis marin yang tertakluk kepada Akta Polis di bawah seksyen 20 termasuk mengumpul maklumat risikan, menyiasat, mengesan dan mencegah jenayah di perairan negara. Terima kasih.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya tadi panjang dan jawapan pun panjang tetapi Yang Berhormat Menteri saya faham. Soalan tambahan saya ialah, saya ingin bertanya, apakah langkah yang diambil oleh kementerian, jabatan dan agensi untuk menyelaras pertubuhan-pertubuhan di bawah agensi-agensi yang kita cakap tadi? Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau dikira dari segi tugas yang dibuat di bawah bidang kuasa pertubuhan yang berdaftar di bawah kementerian, jabatan dan agensi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertindihan yang melibatkan pertubuhan adalah di bawah tugas KDN.

Walau bagaimanapun, pertindihan tugas berkaitan dengan agensi kerajaan, JPA dari semasa ke semasa melaksanakan semakan ke atas peranan dan fungsi semua agensi kerajaan bagi memastikan tiada sebarang pertindihan tugas dan pembaziran kewangan kerajaan.

Selain daripada itu juga, Yang Berhormat, kita perlu faham bahawa semuanya mempunyai undang-undang sendiri ataupun peraturan sendiri. Maka, jarang sekali berlaku pertindihan. Mungkin kalau ada yang tidak faham dengan skop tugasnya di bawah peraturan yang telah didaftarkan di bawah pertubuhan yang berdaftar, maka mungkin itu sahaja yang berlaku. Namun begitu, kalau seseorang itu menyertai sesuatu pertubuhan yang telah berdaftar, maka ia tidak akan berlakulah, *insya-Allah*. Mereka seharusnya faham. Terima kasih Yang Berhormat.

**10. Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta Menteri Kesihatan menyatakan selaras dengan pertambahan perkhidmatan patologi di Hospital Raja Perempuan Zainab II, bilakah kementerian akan membina bangunan baru yang akan menampung pembesarannya.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Puteh. Ini berkenaan dengan Makmal Patologi di Hospital Raja Perempuan Zainab II.

Tuan Yang di-Pertua, memang Unit Patologi di Hospital Raja Perempuan Zainab II sangat penting saya kira kerana ia selain menjalankan kerja-kerja biasa iaitu tentang hematologi, patologi dan anatomi, patologi kimia dan mikrobiologi, pusat ini juga menjadi pusat rujukan untuk wilayah zon Pantai Timur tentang ujian mikrobiologi dan juga pusat wilayah untuk sitopatologi, dermatologi, ginekologi, patologi HIV *and viral load*, hematologi onkologi, *endocrine, metabolic* dan juga *drug testing*.

Setakat ini memang dia punya *overload*, Tuan Yang di-Pertua, tahun 2015 ada empat juta *test* yang telah dibuat, tahun 2016 kurang sedikit iaitu 3.8 juta *test*. Memang keadaan ini saya akui lah memang keadaan Unit Patologi ini memang cukup daif dan kecil tempat dia. Memang kita ada rancangan untuk hendak bina yang baru. Peringkat awal ini memang kita akan kenal pasti tapak di sebelah Unit Patologi itu tetapi kecil sahaja, setengah ekar, tidak sesuai. Ini kita sudah pun minta supaya JKR kaji kawasan *parking* itu, belakang dengan Bangunan Persekutuan, *parking* itu luas sebab lebih daripada satu ekar.

■1150

Sekarang kita sudah masukkan sedikit peruntukan untuk kajian oleh JKR tentang kesesuaian tapak itu. Kalau sesuai, kita akan bina di situ. Kita sudah masukkan cadangan tersebut dalam Rolling Plan Keempat tahun ini Tuan Yang di-Pertua, supaya dibuat kajian dan kalau didapati sesuai dan kita akan teruskan dengan projek patologi itu Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang memberangsangkan itu. Hanya parkir pun ada masalah juga di Hospital Raja Perempuan Zainab II ini, parkir pun tidak cukup. Jadi kalau sebab parkir itu diambil untuk dibuat makmal, saya rasa ada satu masalah. Saya hendak mencadangkan kalau boleh parkir pun ada parkir bertingkat juga mesti difikirkan oleh pihak kementerian untuk Hospital Raja Perempuan Zainab II. Itu yang pertama.

Kemudian yang kedua, saya hendak tanya tentang patologi ini kerana ia suatu yang penting untuk diagnostik. Saya hendak tanya, saya dengar-dengar ada bunyi-bunyi kata hendak diswastakan sebahagian daripada servis yang dilakukan oleh patologi ini, bukan hanya di Kota Bharu tetapi di seluruh Malaysia. Adakah ini betul? Jika betul, apakah bidang-bidang yang akan diswastakan? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta berlari, berlari daripada Dewan Negara tadi duduk tempat orang lain, minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya faham.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Kita ada soalan banyak tadi di Dewan Negara. Anyway, tentang memanglah Hospital Raja Perempuan Zainab II ini memang amat *congested* Tuan Yang di-Pertua, memang dari segi *parking* pun memang *congested*. Jadi kalau Itulah masalah dia. *Parking* pun penting, patologi pun penting. Jadi kita hendak kaji tengok bagaimana kita boleh buat, mungkin buat bertingkat-tingkatlah macam Yang Berhormat sebut tadi. Bertingkat-tingkat, *parking* di bawah, patologi di atas pun boleh buat. Ini terpulang kepada *design* yang akan ditentukan oleh JKR.

Memang saya sebut tadi bahawa Unit Patologi ini sangat-sangat penting untuk bukan hanya Kota Bharu tetapi untuk seluruh Wilayah Zon Timur. Ini kerana memang apa juga hendak dirancang adalah untuk *cater for the whole workload*. Sekarang saya sudah sebut tadi *workload* lebih kurang *4 million*, 4 juta *test* yang dijalankan di klinik yang kecil ini. Jadi makna kita kena perbesarkan untuk sesuai dengan *workload* yang kita jangkakan akan meningkat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**11. Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) setakat ini, berapakah jumlah dana yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sabah; dan
- (b) sama ada Jalan Tamparuli - Ranau tersenarai dalam lingkaran Lebuhraya Pan Borneo ini.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ranau di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sabah terdiri daripada 35 pakej kerja dengan anggaran jarak keseluruhan 706 kilometer dan kos pembinaan yang telah diluluskan setakat ini ialah sebanyak RM12.86 bilion. Sehingga Januari 2018, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sebanyak RM200 juta untuk komponen pembinaan berdasarkan tuntutan kemajuan kerja oleh kontraktor pakej kerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Tamparuli-Ranau tidak termasuk dalam jajaran fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sabah. Perancangan menaik taraf jalan tersebut masih di peringkat penelitian dan pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Tuan Yang di-Pertua, Jalan Tamparuli-Ranau ini adalah merupakan sebagai satu laluan yang penting bagi pengguna jalan raya daripada Kota Kinabalu ke Sandakan dan juga ke Tawau. Jadi kalau sekiranya laluan ini tidak dilaksanakan, tidak boleh bayangkan keadaan di mana terdapat satu *bottleneck* sejauh 70 kilometer yang menghalang pergerakan kenderaan daripada empat Pantai Barat Sabah ke Pantai Timur. Jadi soalan saya di sini adalah kementerian ataupun kerajaan dapat mempercepatkan ini supaya pergerakan itu akan lancar? Kedua soalan saya di sini ialah berapakah jumlah syarikat-syarikat tempatan yang telah mendapat peluang untuk melaksanakan projek Pan Borneo ini?

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ranau yang telah mengemukakan soalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Ranau, Jalan Tamparuli-Ranau adalah jajaran yang masih dalam penelitian sama ada dari segi jajaran, dari segi kos dan kajian sama ada jalan ini dilaksanakan. Jalan ini adalah sejauh 75 kilometer Yang Berhormat dan kita akan ambil maklum cadangan Yang Berhormat.

Untuk menjawab kepada persoalan yang kedua Yang Berhormat, pakej yang melibatkan pakej-pakej yang telah dianugerahkan atau di-award adalah Sindumin ke

Kampung Melalia oleh syarikat tempatan Juta Hajat & Syarikat Kumpulan Kemajuan K.K; untuk jajaran Donggongan ke Papar oleh Syarikat Aktif Jaya Sdn. Bhd.; untuk Tawau ke Semporna oleh Intan Marudu Sdn. Bhd.; Lahad Datu Bypass oleh PHO Sdn. Bhd.; dan Kampung Lot M ke Sandakan Mile 32 oleh Sri Jutaya Sdn. Bhd. Mereka merupakan syarikat tempatan Yang Berhormat. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan pelaksanaan *coastal highway* Tuaran, Kota Belud dan Kudat iaitu sebahagian daripada Pan Borneo yang telah pun dimuktamadkan. Soalan saya ialah apakah status pelaksanaan projek ini dan bilakah ia akan dimulakan? Bilakah ia dijangka akan dapat digunakan ataupun tamat pembinaannya? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jajaran yang disebutkan tadi masih dalam proses penilaian dan belum ada lagi Yang Berhormat. Dari segi anggaran masa dan sebagainya masih dalam penelitian. Sekiranya perkara ini- Perkara ini masih di dalam kajian kementerian Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan ada beberapa jajaran yang tidak termasuk dalam Pan Borneo. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ada beberapa jajaran ini adalah di bawah penyeliaan *federal road*. Selain daripada kajian-kajian yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi, apakah usaha pihak kementerian supaya jalan-jalan jajaran yang tidak termasuk ini juga mendapat pembaikan, mendapat naik taraf jalan-jalan. Ini kerana jalan-jalan ini saya percaya di bawah JKR Federal. Jadi, apa usaha pihak kementerian dalam menangani masalah ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Tenom di atas soalan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tenom, secara lazimnya jalan-jalan Persekutuan yang tidak termasuk dalam jajaran Pan Borneo akan diselenggarakan oleh syarikat konsesi yang dilantik Yang Berhormat. Untuk negeri Sabah, jalan-jalan persekutuan di sebelah Pantai Timur adalah diselenggarakan oleh Syarikat ‘Gemilite’ sehinggalah tahun ini Yang Berhormat. Begitu juga Syarikat Lintasan untuk Pantai Barat. Perkara itu akan diteruskan Yang Berhormat terutama sekali jalan-jalan Persekutuan yang tidak termasuk dalam jajaran Pan Borneo masih diselenggarakan oleh syarikat konsesi yang dilantik. Begitu juga dengan jalan-jalan negeri. Jalan-jalan negeri ini akan diselenggarakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh kerajaan negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

■ 1200

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUKAN (PINDAAN) 2018**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pembangunan Sukan 1997; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Belia dan Sukan [Brig. Jen. Khairy Jamaluddin]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

##### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.00 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan peringkat Jawatankuasa dan diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2017) 2018 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama 2017 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 28 Mac 2018.”

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Seri M. Saravanan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

**[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2017) 2018**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL1) 2017**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2017) 2018 dan Anggaran Pembangunan (Tamb.) 2017 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Kedua]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Minta menteri Kewangan mengemukakan anggaran perbelanjaan bagi semua kementerian.

**12.02 tgh.**

**Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM7,122,833,728 yang telah diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2017 bagi Maksud Bekalan B.1, B.4, B.6, B.7, B.9, B.12, B.13, B.21, B.25, B.42, B.46, B.47, B.48, B.62, B.63, B.64 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan jadual dan wang sejumlah tidak lebih dari RM1,052,211,510 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2017 bagi maksud-maksud pembangunan P.6, P.10, P.13, P.20, P.21, P.23, P.24, P.27, P.28, P.29, P.30, P.32, P.43, P.47, P.62 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan di dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 Tahun 2018 dan Kertas Perintah 2 Tahun 2018 masing-masing dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan di dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2017 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2017 telah pun dibentangkan terdahulu. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran peruntukan tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A tahun 2018 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2017 dan Kertas Perintah 2A tahun 2018 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2017.

Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya menjemput Yang Berhormat memulakan perbahasan saya ingin memaklumkan bahawa perbahasan di peringkat jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2017) 2018 di hadkan selama 10 minit bagi setiap Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas.

**Maksud B.1, B.4, B.6, B.7, B.9 [Jadual] -**  
**Maksud P.6 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput Jabatan Perdana Menteri kepada bekalan B.1, B.4, B.6, B.7 dan B.9 dan kepada pembangunan P.6 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas oleh sebab P.6 hanya token sahaja, P.6 tidak perlu dibahas.

Ya sila. Ada yang minat? Ya sila, Yang Berhormat Tumpat.

#### **12.05 tgh.**

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya bermula dengan B.1 - Parlimen tentang kaitan dengan perbelanjaan tuntutan dan juga perbelanjaan untuk sidang. Tuan Pengerusi, Speaker kita telah memulakan usaha-usaha untuk mentransformasikan Parlimen kita ini. Jadi saya ingin memberi sedikit pandangan dan pertanyaan iaitulah antara yang diperkenalkan misalnya apa yang dipanggil Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

Terima kasih Tuan Pengerusi memang saya lebih menuju secara langsung kepada Tuan Pengerusi iaitu konsep ataupun pengenalan suatu waktu yang dipanggil Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri. Saya perhatikan bahawa sebenarnya, Waktu Pertanyaan Menteri dan sesi yang selepasnya iaitu Waktu Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawapan Lisan ini akhirnya perbezaannya tidak ada sangat Tuan Pengerusi. Akhirnya saya perhatikan waktu pertanyaan Menteri MQT ini yang lebih baik sikitnya ada jagaan waktu yang ketat dengan dihidupkan jam dan diletakkan waktu yang terhad.

Manakala hanya bezanya Waktu Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan yang biasa ini Menteri, Timbalan Menteri boleh menjawab 15 minit dan sebagainya. Oleh sebab perbezaannya tak nampak sangat adakah Tuan Pengerusi mungkin ingin memikirkan bahawa kita amalkan yang terbaik daripada dua ini misalnya iaitulah Waktu Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan yang biasa itu dikawal waktu dan masa untuk

yang menyoal dan juga menjawabnya. Supaya kita tidak ada suatu peraturan yang sebenarnya rasminya dua bentuk tetapi pada asasnya hanyalah usaha kita untuk menambah efisien-kan lagi sesi soal jawab di kalangan Ahli-ahli Parlimen dengan Menteri-menteri dan wakil kerajaan. Jadi itu satu pertanyaan saya dan cadangan saya kepada Tuan Pengerusi secara khususnya.

Keduanya berkaitan dengan apa yang kita akan bahas esok iaitu persempadanan semula. Tuan Pengerusi telah memberikan arahan bahawa kertas yang ada di atas meja kita itu tidak boleh – awalnya berbagai-bagi had diletakkan. Akan tetapi masih lagi akhirnya walaupun Tuan Pengerusi menukar sedikit fatwa itu, masih lagi mengatakan ianya tidak boleh dibincang secara terbuka dan disiarkan. Saya mempunyai pandangan bahawa berlandaskan kertas Aturan Peraturan Mesyuarat kalau kita baca apa yang ada aturan peraturan mesyuarat dan usul-usul “*(2) Perdana Menteri akan mencadangkan bahawa menurut Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat 27(3), bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah seksyen 10, Jadual 13...*” seterusnya bahawa Draf Perintah Perlembagaan Persekutuan Persempadanan Bahagian, Negeri-negeri, Kertas Statut 28 (2018) yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 22 Mac 2018 hari Isnin yang lalu.

Padahal arahan embargo itu tidak boleh dibaca, diulas atau disiarkan sehingga dibentangkan. Akan tetapi kertas aturan peraturan mesyuarat yang kita dapat bermula semalam dan hari ini pun sama menyatakan bahawa ianya yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 22 Mac 2018.

#### ■1210

Makna, saya ingin mendapat penjelasan supaya peraturan kita dan selepas ini Dewan Rakyat yang akan datang ini siapa pun Tuan Yang di-Pertua nya, siapa pun anggotanya jelas bahawa apabila ia terletak di atas meja, *it has been tabled*, Tuan Pengerusi. Ia dianggap telah dibentangkan sebagaimana yang diakui sendiri oleh kertas Aturan Urusan Mesyuarat yang kita dapat di atas meja kita dalam bentuk yang kertas ini. Bahawa supaya tidak ada lagi perbezaan pandangan yang memerlukan Tuan Pengerusi membuat keputusan-keputusan kepada kami anggota Parlimen yang sekarang atau pun yang akan datang ini.

Apakah sebenarnya apabila kertas-kertas, dokumen-dokumen dibentangkan, ia masih lagi boleh dihadkan pembacaannya, penggunaannya atau pun penyebarannya? Jadi, ini saya harap Tuan Pengerusi sendiri terlibat dapat pandangan dan supaya keputusan di masa yang akan datang jelas.

Seterusnya Maksud B.6 di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Pengerusi, saya...

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Tumpat, minta pencerahan. Tuan Pengerusi, tatkala Yang Berhormat Tumpat

membicarakan soal prosedur, soal agenda dalam mesyuarat Dewan Rakyat ini, saya ingin juga menyunggung Yang Berhormat Tumpat sebelum terlepas pandang. Di dalam Butiran 010100 dalam RM10 juta yang diperuntukkan dalam perbekalan tambahan ini, saya mohon supaya dewan ini juga jangan dilupai mereka yang anggota-anggota pekerjanya yang sepatut dibayar *overtime* dan sebagainya. Bekerja dalam tiga dewan iaitu Kamar Khas, Dewan Rakyat, Dewan Negara. Mereka juga jangan dilupai, dipinggirkan Tuan Pengerusi. Pastikan *overtime* mereka dibayar, kerena mereka dijaga supaya Dewan ini tidak tercela dengan anggota-anggota yang efisien. Apakah Yang Berhormat Tumpat bersetuju dengan saya? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat kawan kita Kuala Langat yang perjuangannya untuk pekerja, tidak kira dalam Dewan, luar Dewan adalah amat-amat dihargai dan amat-amat menguntungkan seluruh masyarakat Malaysia kita.

Perkara berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri, Tuan Pengerusi ialah saya terbaca dalam laporan beberapa hari yang lalu, suatu kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri yang mana laporan itu dilaporkan dan ia daripada BERNAMA pada 22 Mac 2018. Kalau tidak betul, maka laporkanlah BERNAMA kepada pihak-pihak yang berwajib. Mengatakan bahawa Pejabat Perdana Menteri (PMO) hari ini menafikan laporan akhbar tempatan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak dijangka mengumumkan calon-calon Pilihan Raya Umum yang ke-14 bagi Barisan Nasional pada 2 April ini.

Seterusnya saya ingin bertanya Jabatan Perdana Menteri dalam bab ini apakah tugas dan peranan Jabatan Perdana Menteri untuk membuat kenyataan berkaitan dengan pengumuman calon-calon Barisan Nasional?

**Seorang Ahli:** Ya, betul.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Sepatutnya peranan ini tugas ini dimainkan oleh Pejabat UMNO, Pejabat Presiden UMNO, Pejabat Timbalan Presiden UMNO dan sebagainya. Apa kerjanya Pejabat Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan seperti ini? Kita tidak belanja dan luluskan perbelanjaan untuk Jabatan Perdana Menteri untuk kerjanya mengumumkan perkara-perkara seperti ini yang berkaitan dengan politik dan parti dan bukannya kerajaan atau pengurusan negara kita ini. *[Tepuk]* Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Mana?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Lumut.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sudah habis?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Lumut.

**Tuan Pengerusi:** Sudah siap?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Belum. Dia dah habis dah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tumpat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tumpat sudah habis.

**Tuan Pengerusi:** Mana satu?

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Tumpat habis.

**Tuan Pengerusi:** Sudah habis?

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Sudah siap? Okey, terima kasih. Ada daripada Barisan Nasional?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Kita beri peluang kepada wanita pasal Hari Wanita baru juga berlalu *last week*. Sila Yang Berhormat Rantau Panjang.

#### 12.14 tgh.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana turut memberi peluang kepada saya untuk membahaskan di peringkat Jawatankuasa. Terlebih dahulu saya menyentuh Maksud B.4 Suruhanjaya Pilihan Raya. Kalau kita melihat daripada bajet tambahan ini di mana Suruhanjaya Pilihan Raya mendapat peruntukan RM82.1 juta yang dikehendaki untuk menampung perbelanjaan peruntukan khas untuk persediaan awal Pilihan Raya Umum yang ke-14.

Saya ingin penjelasan berkaitan dengan pengurusan terutama dari sudut persempadanan semula yang walaupun akan dibahaskan esok, jadi saya ingin menyentuh juga ialah kenapa tidak ada pertambahan kerusi dalam persempadanan baru walaupun mungkin memerlukan 2/3 tetapi sebenarnya kira itu untuk kepentingan negara. Kami di pihak pembangkang boleh menyokong kira itu memberi kebaikan kepada negara. Jadi tidak sepatutnya halangan di peringkat pihak kerajaan untuk mengemukakan tambahan kerusi.

Begitu juga saya ingin tahu berkaitan dengan pemprosesan pendaftaran pemilih. Banyak isu-isu dan kes yang berlaku yang melibatkan pendaftaran, melibatkan perpindahan pengundi yang tanpa diketahui oleh pihak tuan asalnya. Jadi, sejauh mana SPR memantau isu ini dan apakah jaminan pendaftaran kita bersih? Sebab saya lihat

banyak berlaku contohnya di Kelantan. Beribu nama yang dipindahkan yang berada dalam kawasan tertentu dimasukkan dalam kawasan lain.

Apa yang paling mengejutkan kita, ini berlaku dalam satu Parlimen di mana penduduk yang ada IC, yang memang ada IC tetapi dia menetap di sempadan Thailand dibawa masuk mengundi di dalam suatu kawasan tertentu. Mereka dalam keadaan apabila disoal, dalam siasatan, mereka tidak boleh membuktikan mereka berada di situ tetapi masih nama mereka berada di dalam kawasan yang dipindahkan. Jadi, sebab itulah saya ingin tahu sejauh mana SPR melihat isu-isu ini supaya tidak berlaku penyalahgunaan atau pun berlakunya rasuah dan sebagainya dalam isu pendaftaran pemilih yang boleh memberi kesan yang cukup besar dalam sistem demokrasi kita.

Begitu juga dalam berkaitan dengan undi pos. Kita dimaklumkan bagaimana pihak Pengerusi SPR telah memaklumkan sembilan agensi yang telah dimasukkan sebagai undi pos dalam Pilihan Raya Umum yang ke-14. Apakah sebenarnya tujuan yang dibuat? Sedangkan sebelum ini undi pos ini hanya melibatkan pihak tentera atau pun pasukan keselamatan yang bertugas. Sedangkan apakah yang membawa kepada perubahan sehingga pihak Imigresen kena undi pos, Jabatan Penjara, pihak Pegawai Kesihatan, klinik begitu juga Jabatan Pendaftaran Negara yang sepatutnya mereka sebelum ini dah berapa kali pilihan raya, mereka boleh melaksanakan tugas sebagai pengundi dengan mengundi biasa tanpa melalui undi pos.

Jadi, apakah justifikasi yang telah dibuat pertimbangan oleh pihak SPR sehingga sembilan agensi dilibatkan untuk menjadi pengundi pos. Adakah ini untuk menyelamatkan UMNO dan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum yang ke-14? Saya ingin penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Okey, sikit sahaja. Masa terhad.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya, *very short*. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Rantau Panjang tentang jabatan-jabatan yang terlibat dengan yang dikatakan undi pos itu oleh Yang Berhormat Rantau Panjang. Adakah mereka-mereka ini dipaksa untuk undi pos? Atau pun adakah mereka ini sebenarnya boleh memohon untuk undi pos jika mereka tidak ada masa yang sesuai untuk masa yang sesuai untuk masa mengundi nanti. Itu yang saya hendak tanya pertamanya.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Saya minta supaya SPR, pihak kementerian menjawab isu ini sebab banyak di bawah yang keliru.

Sepatutnya mereka diberi hak untuk undi biasa tetapi nama mereka disenaraikan dalam undi pos dan segala persoalan ini saya harap saya dijawab oleh pihak Menteri.

Begitu juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan Maksud B.6 di bawah Jabatan Perdana Menteri yang melibatkan tambahan RM23 juta untuk menampung beberapa kekurangan perbelanjaan. Saya ingin tahu berapakah sebenarnya keseluruhan perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri dan didapati hampir setiap tahun ada pertambahan perbelanjaan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi, saya ingin tahu apakah program-program yang telah dibuat sehingga menyebabkan berlakunya pertambahan semakin banyak setiap sekali bajet. Begitu juga apa yang disebutkan ini sebanyak RM1.8 juta diperlukan untuk sewaan pejabat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan di Kompleks Islam Putrajaya.

#### ■1220

Saya ingin tahu bukan sahaja pejabat agama sahaja yang disewa, saya juga ingin tahu berapakah jumlah keseluruhan kos yang telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk menyewa bangunan-bangunan di Putrajaya? Semua ini adalah wang rakyat, termasuk juga rumah Perdana Menteri disewa dan dibayar menggunakan wang rakyat. Jadi, saya ingin tahu berapakah jumlah yang telah dibelanjakan? Sebanyak RM552 ribu untuk bayaran Bantuan Khas Kewangan 2017 yang tidak mencukupi. Kenapakah berlakunya demikian? Mohon penjelasan. Siapakah sasaran yang telah menerima bantuan ini?

Saya ingin menyentuh juga Maksud B.7 – Jabatan Perkhidmatan Awam yang mana memohon tambahan sebanyak RM395 juta untuk menampung perbelanjaan bagi emolumen. Jadi, saya ingin tahu terutama dari sudut kebijakan perkhidmatan awam, sebab kita tahu kakitangan awam mempunyai peranan yang cukup besar dalam pembangunan negara. Dalam keadaan kos hidup yang semakin mahal, dengan perbelanjaan yang semakin tinggi ini, sudah tentulah kebijakan untuk kakitangan awam perlu diambil perhatian.

Saya pernah mendapat aduan, terutama mereka yang berada di Sabah, Sarawak yang berkhidmat di pantai sebelah sana yang akan bertukar ke Semenanjung. Mereka bimbang kos kargo ataupun kos pertukaran mereka tidak diberi elauan atau diberi bayaran sebagaimana yang sebelum ini. Jadi, saya ingin tahu apakah status kedudukan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan yang melibatkan kebijakan kakitangan awam di semua peringkat? Saya ingin juga sentuh berkaitan dengan rumah-rumah kuarters yang dibuat di bawah kerajaan tetapi tidak diduduki kerana tidak sesuai dan tidak selamat.

Saya bagi contoh, Kuarters Imigresen yang dibina di Rantau Panjang. Sampai hari ini kosong dan menjadi sarang penagih dadah dan pihak-pihak yang tidak

bertanggungjawab kerana tempat itu terdedah dengan banjir, suasana yang tidak sesuai menyebabkan pegawai-pegawai terpaksa menyewa, mencari tempat kediaman yang lain. Jadi, saya ingin tahu berapakah bilangan kuarters-kuarters kerajaan yang tidak diduduki, yang terbiar? Apakah perancangan kerajaan untuk memastikan kebijakan kakitangan awam ini terjamin untuk jangka panjang? *Insya-Allah.*

Begitu juga saya ingin menyentuh Maksud B.9 – Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia. Saya ingin- di mana dalam peruntukan ini memohon tambahan sebanyak RM35 juta. Saya ingin tahu berapakah jumlah kakitangan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia setakat ini? Berapakah kes yang telah dikendalikan? Berapakah kes yang telah disiasat dan telah didakwa? Banyak isu-isu yang menyebabkan maruah, yang boleh membawa imej ataupun maruah negara dipandang rendah, terutama di masyarakat dunia apabila ada isu-isu yang melibatkan skandal-skandal yang tidak diberi maklumat yang jelas oleh pihak kerajaan. Jadi, sejauh mana perkara ini diambil perhatian oleh pihak kerajaan untuk memastikan nama baik Malaysia tidak terus dijadikan bahan ketawa oleh masyarakat dunia?

Jadi, setakat itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

#### **12.24 tgh.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang saya membahaskan peringkat Jawatankuasa. Saya pergi terus kepada Maksud P.6 – Pembangunan Suruhanjaya Pilihan Raya, Butiran 09900 – Pembangunan SPR. Tuan Pengerusi, saya fikir bila kita bercakap dalam Dewan Rakyat kali ini, ini kali terakhir sebelum kita pergi kepada Pilihan Raya Umum Keempat Belas. Antara kebimbangan yang telah dilahirkan berkali-kali, kita meluluskan peruntukan bagi pembangunan SPR tetapi pada masa yang sama tidak ada keterbukaan dan *transparency*, dengan izin, dari perjalanan dan juga penjelasan yang dilakukan di bawah pengerusi terkini.

Saya pergi kepada isu yang agak serius. Oleh kerana dalam Dewan Negara, dibangkitkan oleh Senator Khairudin Samad bahawa di hospital-hospital seluruh Malaysia sekarang ada kes di mana kad pengenalan palsu diguna pakai oleh warga asing untuk mendapatkan kos rawatan dengan harga subsidi. Maka, saya amat bimbang kerana minggu lepas SPR telah mengadakan satu siri latihan bersama dengan petugas pilihan raya. Dalam siri itu SPR mendedahkan buat kali pertamanya, kita seolah-olah ke belakang kerana semasa hari mengundi, pihak SPR akan memberikan laluan kepada sesiapa yang membawa bukan sahaja kad pengenalan tetapi juga pasport, lesen

memandu, kad pengenalan sementara, laporan polis terhadap kad pengenalan yang hilang dan mana-mana kad jabatan.

Jadi, saya sebenarnya mahu menanyakan, di kala kita bergelut dengan penggunaan kad pengenalan palsu, semasa pilihan raya yang mendatang, pihak SPR akan melonggarkan lagi sampai ke tahap laporan polis berkait dengan kad pengenalan. Ini saya perlu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana kita akan berhadapan dengan sejumlah begitu besar pengundi pos yang tidak pernah lagi seramai ini dalam pilihan raya akan datang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Maka, bila kita ada kes di mana ada kem tentera Tuan Pengerusi, tentera tidak ada, kem tidak ada tetapi dah dimasukkan sebagai undi-undi tertentu di kawasan-kawasan yang mereka mahu takluk.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Lembah Pantai, boleh?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Jadi, saya memang mahu penjelasan kerana bukan sahaja ini merupakan antara pembentangan oleh pihak SPR, dimasukkan juga lima kategori baru dalam kakitangan yang boleh mengundi secara pos. Saya beri, kalau boleh Tuan Pengerusi, sebentar kepada Yang Berhormat Penampang, kemudian- terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Setujukah Yang Berhormat Lembah Pantai bahawa dengan pembongkaran yang dibuat di Dewan Negara semalam, hal ini walaupun serius di Semenanjung, agak lebih serius di Sabah. Oleh sebab kes *IC project* dan juga IC yang sudah dikenal pasti dalam buku Dr. Chong Heng Leong pun tidak disiasat oleh pihak polis. Mereka ini sudah mendaftar sebagai pengundi dalam daftar pemilih. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Penampang. Sebelum saya jemput Yang Berhormat Batu, Tuan Pengerusi. Memang ini isu yang sangat serius lebih-lebih lagi di Sabah. Bukan sahaja ada RCI tentang projek IC dan pada masa yang sama, di Sabah kita melihat kehadiran yang begitu ramai warga-warga asing tanpa kad pengenalan yang sah. Maka, saya mahu jawapan dan juga mungkin langkah selepasnya oleh peringkat JPM. Oleh kerana apa? Kalau sudah kita sedar ada kelompongan sebegini, wajib ditukar prosedur supaya mereka yang datang mengundi adalah benar-benar mereka yang layak. Bukan ada ruang untuk penipuan secara luar biasa. Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, saya ingin dapat penjelasan dari Yang Berhormat Lembah Pantai. Terima kasih Tuan Pengerusi. Jika jabatan

kerajaan seperti hospital tidak boleh *verified* sama ada IC itu betul atau tidak dan membenarkan orang *abuse*, guna, adakah *IC detector* di dalam negara ini semua lengkap supaya memastikan dan pastikan ia tidak ada salah guna? Satu lagi saya ingin juga dapat pandangan dari Yang Berhormat Lembah Pantai. Kini praktisnya bila tukar alamat IC, ia tidak diubah atas kad itu. Apa maksudnya kalau kita tukar tapi IC yang lama masih digunakan, bukan sahaja untuk pilihan raya tetapi untuk maklumat orang yang fotokopi IC supaya mereka tahu identiti dia, dia masih dibenarkan untuk guna tanpa tukar IC.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Tuan Pengerusi.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Oh! Ada lagi, Yang Berhormat Wangsa Maju. Boleh saya jawab sikit sebelum saya jemput Yang Berhormat Wangsa Maju? Saya setuju Tuan Pengerusi, kerana sebelumnya kita lihat Jawatankuasa Parlimen berkait dalam reformasi sistem pilihan raya, diwujudkan oleh Yang Berhormat Pekan dan diperakui dan diluluskan oleh semua Ahli Parlimen. Termasuk antara reformasi yang dipersetujui adalah untuk membersihkan data pemilih tetapi ini tidak berlaku. Apa yang berlaku adalah nama-nama kalau contohnya, anggota tentera dan sebagainya, masih lagi ada as a *normal civilian*, dengan izin dan juga sebagai pengundi pos, sebagai tentera.

#### ■1230

Jadi saya fikir semua ini harus diselesaikan dan saya berharap pihak kementerian mengambil serius dan juga memastikan Pengerusi SPR memperbaiki segala kepincangan ini untuk kalau perlu merubah, rubahlah. Yang penting, pilihan raya harus bersih dengan daftar pemilih yang dipercayai.

Tuan Pengerusi, kalau boleh saya berikan kepada Yang Berhormat Wangsa Maju sebentar.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya ikuti komen-komen dari Yang Berhormat Lembah Pantai. Sekarang kita menghadapi GE 14. Dulu, *general election* atau pilihan raya umum hanya boleh membenarkan menggunakan *IC* atau MyKad. Apa sebab sekarang ada tukar syarat? Juga, kalau membenarkan *driving license* atau lesen memandu, lesen memandu pun tidak ada cip. Bagaimana boleh *check* orang yang guna *driving license* itu? Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin ingatkan juga apa yang disebut oleh Yang Berhormat Wangsa Maju tadi.

Memang satu kejutan besar, lebih-lebih lagi Dewan Negara sendiri memperakui ada banyak kes berkait tentang penyalahgunaan kad pengenalan yang palsu.

Kita juga harus ingat, Tuan Pengerusi, kalau dulu, kami boleh cabar kewibawaan daftar pemilih. Tetapi sejak didedahkan di Parlimen Sepanggar wujudnya pengundi-pengundi bukan warganegara yang mengundi dalam pilihan raya, telah dimasukkan pindaan seksyen 9A. Makanya bila keluar daftar pemilih pada SPR, kalau cacat cela dan dimasukkan dengan ribuan, mungkin puluhan, ribuan nama yang *unverifiable*, dengan izin, kita tidak boleh cabar. Jadi di sini pada saya, bukan patut tambah dana untuk pembangunan tetapi sepatutnya potong lagi sehingga Pengerusi SPR melakukan tugasannya dengan bertanggungjawab kerana saya tidak pernah nampak di mana keadaan sebegini teruk, sebegini parah kalau hendak dibandingkan dengan pilihan raya sebelumnya.

Kita semua luluskan 18 rekomendasi kalau tidak silap saya— Yang Berhormat Seremban, 18 atau 22 rekomendasi? 22 rekomendasi, Tuan Pengerusi. Sebulat suara. Sebulat suara dalam Dewan Rakyat ini. Tengok, Yang Berhormat Arau pun ingat. Jadi takkanlah pada masa yang sama, selepas sudah diluluskan, tiba-tiba datang pada hari ini, sesi yang terakhir, boleh pula membenarkan ruang-ruang di mana kepincangan besar-besaran akan berlaku.

Tuan Pengerusi, saya percaya jauh di lubuk hati ramai Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang mahukan pilihan raya yang bebas dan adil supaya mereka dipilih dengan ikhlas oleh rakyat, bukan dipilih oleh undi pos yang diletakkan secara semberono. Barulah kita boleh ada kemenangan dengan bermaruah. Bukan dengan cara penipuan ini. *[Dewan riuh]*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:**  
Ikhlaslah. Ikhlas.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ikhlas. Ikhlas. Ikhlaslah.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
Lumut. Lumut, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Lembah Pantai, sudah habis? Sudah. Sila, Yang Berhormat Penampang.

### 12.33 tgh.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak akan panjangkan tetapi saya akan juga sambung apa yang sudah saya bahaskan kelmarin dalam dasar. Saya ingin merujuk kepada Kementerian Dalam Negeri dan juga SPR.

Pertamanya adalah SPR di mana seperti yang saya sudah sebut semalam dan ini tambahan, mungkin Ketua Menteri Sabah, Musa Aman, dia kesal kenapa Kerajaan Pusat, Kerajaan Barisan Nasional yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Pekan tidak membentangkan 13 kerusi baru di Sabah. *I am very certain, he must be regretting why they submitted and approved and gazette it at the State Assembly* pada 17 Ogos 2016 dengan tidaknya pembentangan kerusi baru di Sabah ini. Saya berpendapat dan saya juga tahu bahawa di Sabah, kawan-kawan saya seperti Yang Berhormat Putatan pun tidak setuju jika tidak dibentangkan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Pengerusi, boleh? Mencelih sedikit, Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya terlebih dahulu ingin bertanya ini anak buah, Yang Berhormat Penampang ini. Ingin tanya butiran apa yang dia bahas sekarang ini? Atas butiran apa? Itu sahaja hendak tanya. Kalau tidak masuk butiran, duduk senyap dan diam.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tidak apa. Saya sudah cakap pasal SPR dan dalam Butiran Jabatan Perdana Menteri, B.4. Akan tetapi seperti Yang Berhormat Putatan...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan. Minta penjelasan.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Okey.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita semua tahu itu kawasan DUN Sabah sudah ditambah dengan satu pindaan undang-undang di Sabah dalam DUN Sabah. Oleh itu, ia adalah tugas dan tanggungjawab SPR untuk mempersempadankan kawasan itu supaya ia memadai dengan bilangan kawasan DUN yang telah diluluskan dalam DUN Sarawak. Sekarang tidak ada itu DUN baru yang dipersempadankan. Adakah ini satu kegagalan, *a failure of the SPR in doing their job?*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Penampang, saya...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *They are not doing their job.* Oleh itu, kita tidak layak bayar bajet tambahan untuk SPR.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Saya ingin jawab Yang Berhormat Bandar Kuching dulu. Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Pengerusi, dia tidak ikut peraturan mesyuarat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Setujukah? Setujukah, Yang Berhormat Penampang?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Pengerusi, saya setuju dengan Yang Berhormat Bandar Kuching sebab dalam jawapan yang sama...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Penampang, boleh?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Nanti. Pakcik dari Putatan, nanti ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini hal Sabah. Saya orang Sabah. Ini sangat penting.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Dia sudah melalui di Sarawak di mana kerusi tambahan 11 pun diluluskan di Parlimen dan persempadanan Parlimen pada Disember 2015.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya pun ada kepentingan, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi pun ada kepentingan pasal Sabah ini. Boleh?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Nanti. Tuan Pengerusi, boleh saya memberikan peluang nanti kepada Yang Berhormat Putatan?

Saya ingin menjawab Yang Berhormat Bandar Kuching bahawa jawapan daripada Perdana Menteri telah mengesahkan bahawa kajian persempadanan Sabah ini yang mengikut tambahan 13 kerusi telah pun diserahkan kepada beliau pada 21 Februari 2017. Sudah ada tiga sidang selepas 21 Februari 2017.

Saya juga ingin tambah, Tuan Pengerusi, bahawa tiadanya *court case* ataupun *injunction* ataupun soalan dibawa ke mahkamah berkenaan dengan kerusi persempadanan Sabah ini. Di Tanah Melayu ada dan dibawa di mahkamah tetapi barang yang sama masih dibentangkan di Parlimen esok kini. Akan dibentangkan esok kini. *In Sabah, tiada dispute. No dispute.* Dan jawapan kerajaan pun mengesahkan bahawa 21 Februari 2017 sudahnya kertas kerja daripada SPR diterima oleh Perdana Menteri. Okey, Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat Penampang kerana membawa perkara yang sama dan juga Yang Berhormat Bandar Kuching itu tidak ada kena mengena dengan Sabah, patut tidak harus bahas. Walau bagaimanapun, kita tidak habis dalam Dewan ini. Sekiranya benda itu belum selesai, kita boleh bawa kepada Dewan Parlimen yang akan datang. Tiada masalah.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Pilihan raya...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi sahabat Yang Berhormat Penampang ini nanti kita bahas sama-sama. *You don't worry about that one,* dengan izin, bahawa kita akan pada masa ini...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Pengerusi, buat apa meminda Perlembagaan Sabah?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Perlembagaan Sabah itu lain. Kita dalam peringkat Parlimen itu lain.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *He is not Menteri. He is not account.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi saya mengharapkan kita akan bawa. Tuan Pengerusi, kita akan bawa ke peringkat Parlimen pada persidangan akan datang.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Selagi ada orang macam Yang Berhormat Putatan, tidak akan majulah Sabah.

**Tuan Pengerusi:** Saya faham. Yang Berhormat Penampang duduk dulu. Yang Berhormat Kapar duduk dulu. Duduk, duduk. Yang Berhormat Kapar, duduk dulu.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Pengerusi, terima kasih...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, dia bangun tanpa izin juga, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Penampang, duduk dulu, Yang Berhormat Penampang. Duduk, duduk.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tengok, tengok.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri, duduk dulu. Yang Berhormat Penampang duduk dulu. Yang Berhormat Penampang, duduk.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Saya juga ingin menjawab...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Penampang, duduk dulu. Alangkah eloknya kalau isu yang dibangkitkan sekarang ini dibangkitkan nanti kalau masa usul yang sedang dicerita ini sewaktu itu. Saya biarkan sahaja daripada kelmarin. Ini *pre-empting the issue* kerana ada usul yang akan nanti dibahas. Jadi *stick to the point* secara *straightly* kepada kepala-kepala yang relevan sahaja supaya tidak menghabiskan masa.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya membangkitkan B.4 sebab mungkin sudah dibelanjakan untuk kajian dan kerajaan mesti jawab jika kajian persempadanan baru ini sudah— sebab kita tahu ia sudah *finalize study* dia dan mungkin belanjawan tambahan ini adanya digunakan untuk kajian tersebut.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, berikan saya sedikit peluang menjawab Yang Berhormat Putatan. Perlembagaan Sabah sudah dipinda, bagaimanakah kita di Sabah membubarkan 60 kerusi daripada 73? Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada kena-mengena dengan perbahasan sekarang, jawatankuasa.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Ada kena-mengena sebab kajian sudah dibuat

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kita ada rang undang-undang, kemudian kita bahas.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *This is my floor. It so happens that* saya ada pengalaman sebagai peguam selama 23 tahun dan *surveyor* beza daripada kita Yang Berhormat Putatan. Terima kasih. *[Dewan Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kalau pengamal undang-undang tidak pandai undang-undang tidak ada guna juga Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Ada yang jadi Yang Berhormat, tetapi tidak faham juga undang-undang. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kalau berterusan ini, kalau berterusan dialog macam begini saya arah dua Ahli-ahli Yang Berhormat kopi-kopi, lepas itu bincang soal ini secara panjang lebar.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Saya takut dia bawa saya pergi pub nanti. Terima kasih. *[Ketawa]*.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Itu sahaja saya ingin bangkit. Terima kasih kerana memberikan peluang untuk memberi pandangan berkenaan. Dengan ini, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Selepas Yang Berhormat, Yang Berhormat Lumut ya? Ya. Sila, Yang Berhormat yang di sebelah sini.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Tanjong dahulu.

**12.41 tgh.**

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk saya menyertai perbahasan. Saya ingin menyentuh maksud B.9 - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah Butiran 050000 - Pengurusan dan Profesionalisme. Semalam telah bermulanya perbicaraan mahkamah terhadap kes yang melibatkan Yang

Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang. Akan tetapi pada masa yang sama, kita ingin bertanyakan apa status bagi aduan yang telah kami buat terhadap Pengerusi PERDA yang juga Ahli Parlimen Tasek Gelugor? Oleh sebab beliau memang sebagai Pengerusi PERDA telah menjualkan tanah PERDA dengan harga RM1.4 juta, sungguhpun nilaiannya oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) adalah RM16.6 juta di mana penjualan tersebut dilakukan tanpa sebarang proses tender terbuka dipanggil.

Saya pernah menyerahkan satu memorandum kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 18 Ogos 2017 yang ditujukan kepada Panel Penilaian Operasi di mana saya minta untuk meneliti semula kes penjualan tanah PERDA tersebut. Malangnya, sampai hari ini belum ada sebarang maklum balas diberikan. Aduan tersebut adalah dibuat oleh Yang Berhormat Afif bin Bahardin, Exco Negeri Pulau Pinang kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 7 April 2016. Akan tetapi sampai sekarang sudah melebih 18 bulan, belum ada sebarang hasil daripada siasatan tersebut. Mengikut keadaan ini, memang menyebabkan PERDA menanggung kerugian sebanyak RM15.2 juta di mana Ahli Parlimen Tasek Gelugor menyatakan tanah dijual murah kerana tanah itu mendapat hakisan teruk yang akan mengakibatkan kerugian sebanyak RM10 juta kepada PERDA.

Tambahan pula, pembeli SYT Prestige Sdn. Bhd. juga disyaratkan untuk membina rumah murah bagi rakyat. Anehnya, sampai hari ini belum ada sebarang permohonan untuk membina mana-mana rumah murah di atas tanah tersebut. Kos rawatan tanah itu pun yang didakwa adalah RM5 juta yang akan dibelanjakan pun tidak berlaku. Jadi, saya hendak tanya, kes ini melibatkan kepentingan rakyat yang melibatkan kerugian kepada satu badan berkanun seperti PERDA tidak harusnya kes ini ditutup tanpa sebarang tindakan yang diambil. Ini kerana jikalau Yang Amat Berhormat Ketua Menteri boleh didakwa dalam mahkamah atas membeli rumah banglo dengan harga yang rendah daripada harga pasaran, saya rasa kes yang sama berlaku ke atas PERDA juga harus diambil tindakan dan didakwa ke mahkamah.

Kes kedua yang saya juga membuat aduan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 16 Mac 2018, di mana saya membuat aduan terhadap kesalahan-kesalahan Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang kononnya yang selalu ingin mencabar Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang untuk berdebat ke atas projek terowong bawah dasar laut. Jikalau cabaran-cabaran ini dikeluarkan hanya untuk tujuan politik, seakan-akan beliau mengetahui banyak maklumat berkenaan dengan projek tersebut. Mengapa beliau tidak dipanggil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk membantu dalam siasatan? Memang di bawah seksyen 25 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan seksyen 27, sebagai seorang anggota

pentadbiran yang juga pegawai badan awam, mereka ada kewajipan untuk membantu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjalankan siasatan dan bukan hanya asyik untuk hendak berdebat dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Akan tetapi pada masa yang sama, tidak sanggup membantu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjalankan apa-apa siasatan.

Hujahan-hujahan yang dikeluarkan oleh seorang Menteri selalu mengandungi banyak pernyataan yang palsu atau dimasukkan untuk mengelirukan. Ini adalah satu kesalahan di bawah seksyen 27 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Saya ingin minta supaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dapat memanggil Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Ayer Hitam untuk membantu siasatan dengan segera dan pada masa yang sama diberikan teguran supaya tidak mempolitikkan isu ini. Jikalau beliau berhasrat untuk membantu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjalankan siasatan, isu seperti ini tidak harus dipolitikkan kerana proses siasatan masih berjalan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan untuk kedua-dua aduan yang saya ajukan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Lagi satu perkara yang saya ingin menyentuh adalah maksud B.1 – Parlimen di bawah Butiran 010000 - Urusan Parlimen di mana anggaran perbelanjaan mengurus tambahan yang menunjukkan bahawa bajet tambahan RM10 juta telah diminta, di mana ini adalah lebih satu kali ganda daripada anggaran asal. Anggaran asal hanya RM9.27 juta sahaja. Jadi, ini menunjukkan bahawa bajet tidak disediakan dengan secukupnya untuk Parlimen. Macam mana kita boleh memartabatkan Parlimen sebagai Parlimen dunia pertama? Saya juga ingin merujuk bahawa memang kita — Ahli-ahli Parlimen kita menghadapi satu masalah pada hujung tahun lepas di mana elaun-elaun untuk mesyuarat dan elaun-elaun tuntutan itu tidak dibayar pada masa yang ditetapkan di mana untuk elaun mesyuarat pada November 2017 hanya dibayar dalam bulan Februari 2018 dan tuntutan Ahli Dewan Rakyat bagi Oktober dan November 2017, hanya dibayar dalam bulan Mac 2018.

Saya rasa jikalau kita Parlimen hanya menguruskan mereka yang membuat tuntutan lewat kerana terpaksa sebahagian besar wang tersebut dibayar kepada tuntutan-tuntutan yang lama dan ini memang tidak adil bagi Ahli-ahli Parlimen yang memerlukan tuntutan mereka dibayar balik dalam masa yang terdekat. Saya harap sememang peruntukan tambahan itu adalah diperlukan dan ini menunjukkan bahawa mungkin pada masa yang akan datang bajet bagi Parlimen perlu ditingkatkan jikalau kita benar-benar hendak Ahli Parlimen menunjukkan prestasi mereka yang baik dalam sidang Parlimen ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Lumut.

**12.48 tgh.**

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B.4, Butiran 010000 - Urusan Pilihan Raya, SPR. Saya harap peruntukan yang akan diluluskan sebanyak RM82 juta dilaksanakan untuk aktiviti-aktiviti yang halal, bukanlah seperti apa yang berlaku pada tahun 2013 iaitu semasa Pilihan Raya Ke-13. Kita dapat lantikan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) terhadap seorang pegawai pilihan raya ataupun RO didapati tidak amanah kerana telah cuba melarikan kertas undi baru sebanyak 77,000 Tuan Pengerusi.

Untuk itu saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) berkenaan dengan aduan yang saya lakukan pada masa itu iaitu pertama, Pakatan Rakyat Lumut mempertikaikan kepada pegawai pengurus pilihan raya Lumut bahawa kotak-kotak undi yang akan digunakan pada 5 Mei dibawa keluar tanpa memaklumkan kepada parti yang terlibat pada 10.15 pagi 2 Mei 2013, sebentar tadi pada waktu itu semasa laporan saya buat.

**■1250**

Kedua, minta penjelasan daripada Pegawai Pengurus Pilihan Raya, apakah peruntukan undang-undang yang diguna pakai bagi mengeluarkan kertas undi tersebut tanpa merujuk atau memberitahu pihak calon atau wakil calon parti-parti yang terlibat?

Ketiga, mengikut taklimat secara lisan yang diberikan oleh Ketua Polis Diraja Malaysia Daerah Manjung pada 1 Mei 2013, setiap apa yang hendak dilakukan terhadap kertas-kertas undi yang telah disimpan di dalam lokap perlu mendapat pengesahan dan dimaklumkan secara bertulis bagi setiap prosedur dan proses yang hendak dibuat.

Keempat, perkara yang berlaku ini amatlah dikesali dan tidak sepatutnya berlaku. Memandangkan arahan yang diberikan oleh pegawai Pengurus Pilihan Raya P074 Lumut hanyalah secara lisan, ini diakui oleh pihak pengurusan lokap IPD Manjung.

Kelima, berdasarkan situasi yang begini ia amat menimbulkan keraguan kepada pihak kami daripada Pakatan Rakyat semasa itu amatlah serius dan melanggar prosedur dan tataatur yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

Keenam, Pegawai Pengurus Pilihan Raya yakni RO yang dilantik Suruhanjaya Pilihan Raya telah gagal menjalankan tugas dengan amanah yang diberikan mengikut Seksyen 4 Akta Pilihan Raya 1954.

Ketujuh, oleh yang demikian Pakatan Rakyat Lumut mendesak pihak Suruhanjaya Pilihan Raya menarik balik pelantikan sebagai Pengurus Pilihan Raya terhadap pegawai yang telah dilantik iaitu Yang Berhormat Yang Berbahagia Dato' Zamri

bin Man serta pegawai-pegawai yang lain. Apa yang telah berlaku hanya dua orang sahaja telah dilucutkan pakaian SPR mereka.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Jabatan Perdana Menteri B010000 – Pentadbiran. Saya tidak ada halangan untuk menyokong, meluluskan peruntukan sebanyak RM23 juta kepada Jabatan Perdana Menteri. Apa yang saya harapkan ialah Jabatan Perdana Menteri boleh memberi sedikit masa ataupun jam kerja untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan ataupun kemusykilan yang telah saya kemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Antaranya, saya ingin tahu apakah pendirian Jabatan Perdana Menteri berhubung projek membazir di Pulau Mentagor Kementerian Pengangkutan berjumlah RM26 juta walaupun telah siap selama 15 tahun tetapi tidak digunakan sehingga hari ini? Kedua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri penambakan Pantai Teluk Muroh yang merosakkan alam sekitar. Saya ingin pendirian daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Seterusnya saya juga membuat aduan mengenai projek Sitiawan Sentral yang melibatkan kontraktor dan juga Majlis Perbandaran Manjung yang akhirnya kerugian sebanyak RM15.2 juta. Sedangkan harga tanah utama di Bandar Sitiawan boleh dijual melebihi RM10 juta tanpa menghadapi risiko. Oleh kerana MPM membuat kerjasama dengan Kinta Berkat, satu firma yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Besar maka kerugian telah berlaku sebanyak RM50 juta. Saya mohon Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai projek ini.

Seterusnya saya mengadu mengenai kes kematian isteri kepada Komander Tan Kai Poh di Hospital KPJ Damansara yang tidak dapat diberi jawapan dengan memuaskan oleh Kementerian Kesihatan dan juga Majlis Perubatan Malaysia. Maka dengan itu, pengadu telah menulis surat kepada Jabatan Perdana Menteri untuk mendapat penjelasan.

Seterusnya kes mengenai penganiayaan ke atas 404 pegawai kadet ATM yang telah berlaku pada tahun 1972 dan didakwa ia merupakan satu kesilapan keputusan yang telah dibuat oleh Almarhum Tun Abdul Razak kerana mengkategorikan mereka sebagai bukan pegawai. Oleh kerana itu, gaji mereka telah berkurangan sebanyak RM300 setiap bulan sehingga mereka tamat perkhidmatan. Oleh yang demikian, saya mohon pertimbangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi pertimbangan supaya mengambil tindakan dan memberi jawapan. Seterusnya tindakan yang memberi menang-menang kepada kedua-dua belah pihak.

Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**12.54 tgh.**

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh tentang perkara Maksud B7 – Jabatan Perkhidmatan Awam dengan tambahan emolumen sebanyak RM8,022,938. Di dalam perbahasan bajet pada bulan Oktober, saya telah menerima jawapan bertulis daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa kerajaan telah mulai langkah untuk membuat *right sizing* tentang jumlah penjawat awam dengan dasar untuk mencapai nisbah satu kepada 20 iaitu seorang penjawat awam kepada 20 penduduk. Sasaran ini akan dapat dicapai pada tahun 2020. Bahawa *right sizing* ini telah bermula pada tahun 2015. Soalan saya ialah apakah cara *right sizing* telah diambil dengan memberitahu langkah-langkah terperinci yang telah bermula pada tahun 2015? Bagaimana *right sizing* ini dapat dicapai di dalam cadangan yang sedia ada?

Kedua ialah juga kerajaan telah memulakan daripada 19 November 2015 untuk mengadakan *exit policy* iaitu objektif ialah untuk mengekalkan bakat yang terbaik dan memisahkan bagi pegawai yang berprestasi rendah. Soalan saya ialah daripada 19 November 2015 apabila *exit policy* ini dilaksanakan, berapa penjawat awam telah berhenti atau bersetuju untuk berhenti? Apakah pampasan yang telah diberikan kepada mereka? Apa bayaran mereka akan dapat dengan bersetuju untuk berhenti sebagai penjawat awam? Apa jumlah akhirnya yang akan diberhentikan untuk mencapai nisbah yang dikatakan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas di bawah Strategi B3? Itu sahaja soalan saya.

**Tuan Pengerusi:** Sila. Yang Berhormat?

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sudah? Sudah soalan?

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Sudah habis.

**Tuan Pengerusi:** Ini kalau boleh penghabisan ya. Habiskan dalam seminit dua.

**12.58 tgh.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** Mungkin selepas itu kalau tidak ada lagi yang minat, we move on to another topic. Sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin – Tuan Pengerusi, minta maaf. Maksud B.42 – Kementerian Kesihatan. Ampun.

**Tuan Pengerusi:** Sila, teruskan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara yang saya hendak sebut ini berkisar kepada Suruhanjaya Pilihan Raya yang diperuntukkan sejumlah RM82 juta.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Butiran B.4, 010100. Kalau Yang Berhormat Menteri ada buku ini, dia tidak perlu tanya sudah – semua sudah. Dalam peringkat Jawatankuasa begitulah. *[Disampuk]* Eh, tidak ada. Depan ini ada.

Tuan Pengerusi, sejumlah RM82 juta ini kita rasa adalah bertujuan untuk menyelesaikan usaha-usaha persempadanan semula kawasan pilihan raya yang telah dibuat oleh SPR dan telah dibentangkan di Dewan ini pada minggu lepas 22 Mac dan sedia untuk dibincangkan pada esok hari. Saya berpendapat bahawa urusan ini masih belum selesai kerana ada beberapa kes di mahkamah yang menanti untuk dibicarakan dan dibuat keputusan oleh mahkamah. Jadi apakah tidak boleh kita tidak menunggu ataupun menunggu keputusan tersebut? Supaya kalau itu tidak dibuat, maka kita khuatir keputusan mahkamah akan menjadi akademik semata-mata setelah kita bincang esok.

Jadi saya berpandangan supaya untuk urusan persempadanan ini kita tunggu dulu keputusan mahkamah. Di samping itu, ada juga bantahan-bantahan yang telah dikemukakan di luar sana. Beberapa bantahan yang dikemukakan oleh para pengundi belum lagi dipanggil untuk dibicarakan oleh SPR. Jadi Perlembagaan Persekutuan menentukan bahawa semua bantahan-bantahan ini mesti...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** ...dibicarakan.

**Tuan Pengerusi:** Ada lebih kurang tujuh minit lagi. Jadi saya benarkan Yang Berhormat untuk sambung nanti sebelah tengah hari.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, ya. Baik, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat. Terima kasih.

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**[Dewan ditempohkan pada pukul 1.01 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai untuk tujuh minit, selepas itu seperti yang diputuskan awal tadi Menteri akan menjawab.

## 2.32 ptg

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi saya sambung sedikit lagi. Mengenai Suruhanjaya Pilihan raya di bawah B.4, saya menyebutkan tadi bahawa urusan bantahan terhadap cadangan persempadanan ini belum lagi diselesaikan. Ada kes mahkamah, ada lagi pembantah-pembantah yang belum lagi dipanggil untuk didengar bantahannya tapi suatu daftar telah diserahkan kepada Perdana Menteri. Ini menunjukkan bahawa SPR tidak melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna mengikut peruntukan Perlembagaan.

Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi saya mencadangkan supaya gaji pesuruhjaya- pesuruhjaya dalam Suruhanjaya Pilihan raya ini dipotong kerana mereka telah tidak melunaskan dan melaksanakan kerjanya dengan baik sehingga menimbulkan berbagai-bagai perkara yang berbangkit.

Di samping itu juga, saya juga ingin bertanya. Contohnya kenapa sebahagian daripada jabatan-jabatan dibenarkan kakitangan dan pegawai mereka mengundi awal dan mengundi pos. Saya masih ingat, kita dulu memutuskan atau Kementerian Kesihatan sendiri memutuskan walaupun kakitangan mereka di jabatan kritikal di ICU pun tidak perlu untuk mengundi awal atau mengundi pos kerana mereka ada syif dan mereka boleh mengundi pada ketika dan saatnya.

Akan tetapi, pada hari ini bukan sekadar Kementerian Kesihatan tapi pelbagai jabatan seperti RELA dan sebagainya juga dimasukkan, digolongkan dalam kumpulan-kumpulan untuk mengundi awal. Jadi, apa rasionalnya dan adakah semua mereka ini sepenuhnya akan bertugas pada hari mengundi biasa sehingga memerlukan mereka ini mengundi awal. Jadi mohon kepada kerajaan untuk memberikan penjelasan.

Seterusnya, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya mengenai B.6 – 160000, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Menterinya pun ada APMM di sini. Jadi, saya musykil kerana maklumat mengatakan bahawa hasil tangkapan laut kita secara keseluruhannya kita kerugian, *lost opportunities* antara RM4 bilion hingga RM6 bilion hasil laut, kerana diambil oleh nelayan-nelayan asing dibawa ke negara mereka.

Jadi ini saya kerugian besar. Kalau kita boleh selamatkan jumlah ini, saya rasa bekalan ikan kita akan cukup, harga pun dapat dikurangkan di pasaran dan memudahkan, menyenangkan rakyat kita. Kalau kita berbelanja sedikit wang ya untuk menambah aset-aset APMM contohnya ya, bot-bot yang boleh mengawal pengairan kita, dapat memburu nelayan-nelayan asing ini dengan lebih mudah ya. Kalau kita berbelanja RM1 bilion pun, kita sudah boleh menjimatkan 4, 5 bilion yang kehilangan itu.

Jadi, saya ingin bertanya setakat manakah komitmen kerajaan untuk memastikan bahawa fungsi APMM ini dapat pertingkatkan dan kita menyelamatkan perairan negara kita. Saya harap Menteri berani menjawab dalam hal ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### **2.36 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:**

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya cuma satu perkara sahaja iaitu berhubung dengan APMM. Sebenarnya Yang Berhormat pada tahun lepas kerajaan telah meluluskan lebih daripada RM1 bilion untuk membina kapal-kapal baru yang dijangka siap pada selewat-lewatnya pada akhir tahun ini. Sekarang yang sudah beroperasi ialah dua biji NPC iaitu Neo-Petro Craft yang kita letakkan di Selat Melaka dan satu lagi kita letakkan di Sarawak. Sebelum ini kita ada dua biji yang dihadiahkan oleh Kerajaan Jepun iaitu kita letakkan di Pekan dan juga di Sepanggar, Sabah.

Akan tetapi, dia masih tidak mencukupi. Sepatutnya sebab dalam proses tersebut kapal-kapal yang kita terima daripada agensi yang lain dia berumur. Saya sebut dalam Dewan ini juga pada hari penyerahan itu umurnya sudah mencapai 50 tahun dan kita terpaksa lopus. Saya tidak pasti tujuh atau lapan biji kerana dia sudah terlalu uzur untuk dia beroperasi.

Jadi, walaupun kita ganti bot baru tapi bot lama yang perlu diganti juga sedang mengambil giliran. Jadi di atas pemikiran tersebut, di mana kerugian berbilion ringgit hasil tangkapan. Dengan itu kita minta supaya kerajaan mempertimbangkan supaya pembinaan bot ini dibuat sekarang sebab pada masa kita perlukan dalam dua, tiga tahun lagi baru bot boleh siap. Jadi bot kita sudah *ready*.

Ini adalah satu pertanyaan yang cukup baik daripada Yang Berhormat, terima kasih. Akan tetapi Yang Berhormat sudah tidak bertanding di Kuala Krai. Apakan daya jadi kita hendak tawan balik Yang Berhormat, Yang Berhormat carilah tempat lain yang kita akan berlawan nanti. Akan tetapi, soalan ini cukup baik sebab apa membandingkan bahawa kerugian kita RM4 bilion ataupun RM5 bilion—kenapa tidak belanja RM1 bilion atau RM2 bilion untuk membina kapal-kapal. Ini akan diberi pertimbangan yang wajarnya oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa. Saya terima kasih dan kepada Yang Berhormat— Yang Berhormat, hari ini oleh kerana tanya soalan yang baik bagus tapi untuk pilihan raya, selamat tinggal. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri seterusnya.

**2.39 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mulakan dan minta izin daripada Tuan Pengerusi untuk memberi sedikit penjelasan tentang SPR.

Sebenarnya Tuan Pengerusi, di peringkat Jawatankuasa ini, RM82 juta seperti yang dinyatakan RM82,074,000 itu sebenarnya diberikan kepada SPR atas dua perkara. Seperti yang kita tahu SPR mendapat peruntukan daripada kerajaan bagi menjalankan pilihan raya umum yang mana memang kita akan dapat lihat peningkatan jumlah yang diberikan itu akan meningkat. apatah lagi pilihan raya umum sudah dekat.

**■1440**

Cuma yang saya hendak beritahu sebab banyak perkara yang dibangkitkan ini – bagi menjimatkan masa kita ada 16 kementerian, RM80 juta itu hendak membayar elaun petugas bagi hari mengundi nanti waktu pilihan raya kita, termasuk untuk membeli barang-barang perkakasan pilihan raya iaitu tali, peti dan barang-barang yang terlibat. Kita tahu petugas SPR sewaktu pilihan raya umum jumlahnya besar dan RM80 juta adalah untuk itu.

Duit untuk kursus dan sebagainya telah dibuat awal. Jadi kalau yang dibangkitkan satu persatu ini saya hendak jawab semua memang panjang dan ada peluang untuk dibangkitkan esok sewaktu kita membentangkan kertas semula persempadanan. Saya percaya perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lumut, contoh 77,000 kertas undi yang hilang sebenarnya perkara itu tidak betul.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Ya. tidak betul, maknanya banyak perkara yang ditanya ini ialah peringkat dasar dari segi untuk pamer semula, untuk daftar pengundi awal. Pengundi awal sudah dibuka pada Februari dan dia boleh mohon, bukan mesti agensi terus jadi pengundi awal. Kalau dia tidak mohon, makna dia tidak bertugas pada hari pilihan raya, dia kena mengundi secara biasa. Akan tetapi yang saya minta Tuan Pengerusi untuk bersetuju, RM82 juta yang diberikan sebagai perbekalan tambahan, Anggaran Perbelanjaan dan Mengurus Tambahan Pertama 2017 bagi SPR adalah untuk membayai elaun petugas pilihan raya dan yang kedua untuk membeli barang-barang yang terlibat dalam mengendalikan proses perjalanan pilihan raya umum yang akan datang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Menteri boleh tanya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Boleh tanya Yang Berhormat Menteri, adakah perbelanjaan ini juga menampung kos Dewan Undangan Negeri Sabah yang sepatutnya sudah dinaikkan kepada 73 buah kerusi DUN di Sabah ataupun masih lagi dalam 60 buah kerusi Sabah. Terima kasih.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Dia akan pakai jumlah kerusi yang diwartakan sewaktu pilihan raya. Maknanya esok dia akan bentang beberapa kerusi yang dibentangkan, kita bersetuju itulah merupakan persempadanan yang baru. Itu maksud jawapan saya kepada soalan Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Okey terima kasih dengan jawapan itu tetapi berkenaan dengan pembentangan esok ini, Sabah tidak disenaraikan— kerusi baru Sabah tidak disenaraikan. Saya minta kepastian sahaja, jika dalam anggaran SPR sama ada mereka sudah *take into consideration*, 73 kerusi, tambahan 13 ini di Sabah *by making it* 73 ataupun masih dalam kerusi 60 di Sabah sebab tidak dibentangkan.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Ada jawapan dalam soalan itu. SPR buat kerja – proses persempadanan pun kita semua sudah tahu, panjang kalau saya hendak cerita jadi yang dibentangkan itu kita mesti lulus, mesti mendapat persetujuan seperti yang berlaku bagi Dewan Undangan Negeri Sarawak. Jadi yang mana yang diwartakan bukan sahaja jumlah kerusi, jumlah pengundi juga akan diwartakan dan jumlah 82 ini diunjurkan bergantung kepada yang sedia ada. Sebab itu akan ada pertambahan.

Kalau Yang Berhormat ingat pernah satu masa dahulu terutama apabila ada pilihan raya kecil dan sebagainya, saya pernah menjawab di sini yang kita ada baki kepada jumlah yang disediakan. Jadi sekarang ini yang penting, mustahak untuk kita tahu RM82 juta adalah untuk persiapan pilihan raya umum yang akan datang, yang akan menjelang tiba. Jumlah kerusi, saya rasa esok boleh tanya lagi. Akan tetapi kalau mengikut kertas yang dibentangkan ia adalah mengenai jumlah yang akan diwartakan sebagai kawasan yang terlibat dalam pilihan raya umum yang akan datang. Okey terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik bangun Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Menteri

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri jelaskan perbezaan di antara undi pos dengan undi awalan. Seolah-olah pihak sana meletakkan undi awalan itu seolah-olah undi pos. Minta Yang Berhormat Menteri jelaskan. Terima kasih.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Ini adalah perkara yang biasa yang akan ditimbulkan. Dahulu pun apabila kita kata undi awal itu dipanggil undi pos, dahululah. Seolah-olah undi itu dipos, sebenarnya tidak. Undi awal ini adalah mereka yang bertugas sewaktu dia berada dalam tempoh kempen itu dia bertugas, jadi dia akan membuang undi awal seperti yang pernah dibangkitkan kertas undi itu nanti akan disimpan, di *locked-up* dan sebagainya.

Undi pos ini memang dia pos terutama mereka yang bertugas di luar negara yang akan mengundi di *embassy* sebagai contoh. Jadi ada dua perkara berbeza. Tidak timbul soal undi daripada pasukan keselamatan yang bertugas, yang akan dimanipulasikan seolah-olah ia dipos. Ia adalah sama macam pengundi 14.9 juta yang berdaftar ini, cuma dia undi awal sedikit daripada hari pembuangan undi. Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Sebab ini kita sudah jawab banyak kali, di luar pun masih ada kekeliruan sebab ada yang menterjemahkan dengan cara yang berbeza. Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Pengerusi, boleh saya tambah sedikit soalan Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri boleh minta pengesahan bahawa undi pos ini ataupun undi awal benar-benar – kalau undi pos, benar-benar diberikan kepada pengundi itu ataupun dipegang oleh ketua di jabatan itu ataupun pegawai yang berkaitan. Sebab kita dengar di mana ada beberapa undi pos ini mungkin diberikan kepada pengundi dan akhirnya diberikan kepada ketua yang memantau pengundian ini. *Why not just seal the post and account on that day?* Sepatutnya SPR membuat satu prosedur di mana kita mengira undi terus selepas menerima undi pos ataupun selepas mengundi awal. Terima kasih.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Dia pegang sendiri kertas undi. Dia sama macam *Bar Council* lah. Sepatutnya tanya *Bar Council* benda itu betul kah *Bar Council* yang undi ahli majlis dia itu pegang sendiri sebab saya pun dahulu pernah menjadi peguam, kadang-kadang...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Itu *Bar Council, this is election.*

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Sama-sama juga macam *Bar Council* undi pos sepatutnya dia kena undi sendirilah. SPR memang dia undi sendiri. Bukankah saya cakap awal sebelum saya jawab pasal *Bar Council*, saya beritahu SPR memang dia undi sendiri. Tidak ada ketua dia sebab dia pengundi macam kita. Ini saya tahu Yang Berhormat bertanya seolah-olah macam ketua, markas, kem, sekian – dia tidak, dia undi awal. Undi pos memang tidak terlibat. Dia memang kena mengundi. Jadi yang duduk di *embassy* sebagai contoh, dia memang kena undi sendiri selepas itu dia pos.

Jadi saya hendak rumuskan tentang SPR. Sahaja untuk makluman semua, ia ada 259,000 orang petugas sepanjang tempoh pilihan raya akan datang dan juga

barang-barang yang dibeli termasuklah dari segi vest, pakaian petugas, tag, termasuk yang saya belum sebut adalah menyewa bot bagi kawasan-kawasan pedalaman dan juga helikopter. Ini juga termasuk dalam jumlah yang dinyatakan tadi.

Kedua, saya beralih kepada JPA. JPA ada satu sahaja Yang Berhormat Rantau Panjang tanya pasal...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan...

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** ...*Exit* dan kos sara hidup. Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Tadi tak adapun.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi, salam bahagia. Saya hendak tanya mengenai adakah pemerhati akan dibenarkan pada pilihan raya ini dan setakat ini berapakah yang telah diputuskan untuk menjadi saksi bebas dalam pilihan raya akan datang.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Ini sudah macam dasar pun ada sedikit. Saya rasa Yang Berhormat esok datang, esok hendak bentang pasal kajian persempadanan, tanya itu esoklah. Saya sudah jelaskan tadi Yang Berhormat tidak bangkitkan sewaktu peringkat awal perbahasan. Saya sudah beritahu duit ini hendak beli barang dengan hendak membayar eluan sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Jadi yang kita hendak luluskan RM82 juta itu di peringkat Jawatankuasa Tuan Pengerusi, adalah dua perkara itu sahaja. Bukan saya tidak hendak jawab, nanti panjang ini. Dari segi minta pandangan saya dan sebagainya.

Kedua, saya hendak menjawab pasal JPA. JPA ini daripada jumlah 395 seperti butiran B.7 itu sebenarnya adalah untuk pertama sebahagian membayar pegawai-pegawai *pool*, keduanya sebahagian besar daripada jumlah tersebut adalah untuk membayar yang sudah pencen, yang sudah bersara untuk *medical assistance*. Maknanya kerajaan menyediakan kemudahan tambahan kepada pesara seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam beberapa siri sebelum ini dan jumlah itu sebenarnya bagi tujuan tersebut. *The pool officers and* pegawai ataupun pesara-pesara yang masih dibiayai oleh kerajaan terutama yang besarnya datang untuk *medical* dari segi perubatan mereka.

Yang Berhormat Rantau Panjang tanya walaupun pada saya tidak berapa berkaitan dengan jumlah itu tetapi saya bacakan juga jawapan yang disediakan sebab mungkin ada kesan kepada penjawat awam terhadap kenaikan kos sara hidup yang tinggi. Jawapannya kerajaan sentiasa menitikberatkan isu kebajikan penjawat awam.

**■1450**

Kerajaan telah menetapkan gaji permulaan terendah dalam perkhidmatan awam RM1,200 sebulan mulai 2016, kenaikan kadar minimum imbuhan tetap perumahan daripada RM180 kepada RM300 sebulan mulai 1 November dan menaikkan kadar bantuan sara hidup sebanyak RM50 bagi kawasan ‘B’. Kadar BSH ataupun Bantuan Sara Hidup ini selepas kenaikan adalah sebanyak RM250 bagi kawasan ‘B’ manakala bagi kawasan ‘A’ adalah RM300. Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang terima kasih kerana memikirkan kebijakan penjawat awam.

Ketiga adalah SPRM. SPRM walaupun banyak dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, saya juga hendak ambil kesempatan untuk beritahu, pertama RM35 juta yang diberikan kepada SPRM ini perlu kita fahami bahawa SPRM tidak seperti kementerian ataupun pegawai di agensi atau kementerian lain. SPRM pegawai, gaji mungkin sama tetapi intensiti, siasatan kes tidak sama. Kalau seorang guru, Kementerian Pendidikanlah umpamanya mungkin tidak mengalami keadaan seperti yang berlaku di SPRM kerana pada tahun lepas iaitu tahun 2017 intensiti kes yang disiasat oleh SPRM melibatkan aset dan siasatan luar negara umpamanya.

Kedua, kita ambil kes Bekalan Air Sabah, ulang-alik ke Sabah itu juga meningkat. Kedua, pegawai yang terlibat cukup ramai dan ketiga, saksi yang dipanggil bagi kes yang berlaku pada tahun lepas pun luar biasa. Dengan sebab itu dan sudah tentu operasi sedikit terjejas. Kedua bajet yang diberikan kepada SPRM pada tahun 2016 berbanding tahun 2017 sebenarnya ada pengurangan di mana pada tahun 2017 SPRM menerima kurang 14 peratus daripada 2016 yang berjumlah RM35.5 juta. RM35 juta ini kalau kita dengar bunyi samalah dengan apa yang sedang kita pertimbangkan sekarang. Maknanya SPRM akan dapat balik jumlah bajet yang macam sama di antara tahun 2016 dengan 2017 walaupun saya beritahu pada 2017 intensiti kes yang disiasat itu sebenarnya lebih tinggi.

Maknanya apa yang ingin saya sampaikan, RM35 juta itu adalah sebagai permohonan untuk mendapatkan balik jumlah bajet yang sama dan *alhamdulillah* walaupun kes intensiti itu tinggi kita masih dapat menggunakan perbelanjaan yang lebih kurang sama. Akan tetapi Yang Berhormat Rantau Panjang ada tanya tentang kes—tentang kes spesifik macam kes Yang Berhormat Tasek Gelugor yang dibangkitkan kalau tidak silap Yang Berhormat Tanjong ya, kes itu kita sudah habis siasat. Kita sudah hantar ke Pejabat Peguam Negara untuk pertimbangan. Bukan kita tutup, bukan kita tidak lakukan sesuatu...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Masih dalam pertimbangan?

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Tidak, tidak Peguam Negara lah. SPRM sudah tutup— bukan sudah tutup tetapi sudah siasat habis. Kertas siasatan bagi dekat Peguam Negara.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Boleh saya mengetahui bila tarikh siasatan itu dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara? Tarikh itu.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Disember 2016.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Wah, begitu lama. Masih belum ada keputusan.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat hendak persoalkan ramai orangkan, tidak apalah saya sudah serah. Yang Berhormat tanya saya jawab.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Okey, baik.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Walaupun tidak ada kena mengena dengan ini tetapi saya jawab. Saya hendak jawab yang hendak merujuk dari segi intensiti yang saya nyatakan tadi adalah jawapan kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Bilangan kertas siasatan yang kita buka dari tahun 2013, sebab Yang Berhormat tidak tanya tahun ya. Saya bagi daripada tahun 2013 hingga tahun 2018 ialah 4,925 kes. Bilangan kes yang dituduh dalam tempoh yang sama ialah 1,533 dan pegawai SPRM di bawah akta sebanyak 1,798 dan pegawai SPRM guna sama makna kerani dan sebagainya seramai 827, menjadikan jumlah keseluruhan pegawai dan anggota SPRM sebanyak 2,625. Jadi RM35 juta seperti yang saya nyatakan tadi.

Bagi Yang Berhormat Tumpat tanya fasal Parlimen, Yang Berhormat tanya tentang apa beza di antara jawab lisan waktu Menteri dengan yang biasa? Jawapan yang saya boleh saya sampaikan adalah Waktu Pertanyaan Menteri dikhkususkan untuk kementerian yang berkenaan menjawab sendiri pertanyaan yang dikemukakan dan Menteri sendiri datang dan pertanyaan dan waktu pertanyaan adalah mengenai isu semasa. Oleh sebab kadang-kadang ada bezanya yang itu. Kadang-kadang ada soalan ditanya dalam tempoh waktu Yang Berhormat hantar tetapi ada isu berlaku selepas soalan-soalan dihantar, maka soalan untuk Yang Berhormat Menteri ini memberi peluang untuk kita tanya perkara-perkara yang berbangkit selepas Yang Berhormat mengemukakan soalan-soalan lisan itu. Itu antara satu perubahan yang dibuat oleh pihak Parlimen.

Keduanya, Yang Berhormat Tanjong tanya tentang elaun Persidangan November 2017 dan tuntutan perjalanan Oktober dan November dibayar pada Februari/Mac 2018. Untuk makluman Yang Berhormat, tuntutan elaun Persidangan November dan tuntutan perjalanan Oktober/November 2017 Ahli Parlimen perlu mendapat kelulusan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) dan pada bulan Januari 2018 memandangkan penutupan akaun 2017 dibuat pada awal Disember. Yang Berhormat, benda ini memang semua terlibat, bukan Ahli Parlimen sahaja,

pegawai ataupun penjawat awam pun sama sebab ini adalah prosedur kewangan, bila buka dan tutupnya akaun untuk perbelanjaan dilakukan.

Tuan Pengerusi, itu sahaja antara perkara yang dibangkit yang boleh saya kongsi dalam peringkat Jawatankuasa Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
Tuan Pengerusi.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Ya.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
Tuan Pengerusi.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Sebentar tadi saya ada bangkitkan isu berkenaan dengan Projek Terowong Bawah Dasar Laut di mana Menteri di Jabatan Perdana Menteri selalu mengeluarkan kenyataan yang cuba mengelirukan. Minta penjelasan.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Saya hendak jawab yang itu tadi— saya sudah bagi tahu duit itu tidak ada kena mengena, tetapi tidak apa. Kes terowong 2018 Yang Berhormat, yang dibangkit, Yang Berhormat Ahli Parlimen Ayer Hitam ini, walaupun tidak ada kena mengena dengan bajet tambahan kita ini saya hendak beritahu Yang Berhormat orang politik, dia orang politik. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang buat kenyataan, dia bukan sebut bahan yang diperoleh daripada siasatan SPRM. Dia sebut daripada bahan yang *available*, yang ada di banyak tempat.

Kadang-kadang ada kenyataan berbalas. Saya pun ikuti juga video itu, Yang Amat Berhormat Bagan buat *statement* tentang terowong, yang ini jawab, itu tidak ada kena mengena dengan SPRM. Itu bukan bahan siasatan SPRM. Namun begitu kes terowong masih dalam siasatan dan mana-mana saksi jika kita rasa perlu kita akan panggil. Ini kerana apa? Ini kerana apa siapa-siapa di kalangan kita pun kalau hendak buat kenyataan kena berhati-hati. Kalau kita buat satu kenyataan yang SPRM rasa perlu dipanggil sebagai saksi dia akan panggil. Jadi jawapan saya kepada Yang Berhormat Tanjong, kalau nanti dalam siasatan SPRM terhadap kes terowong di Pulau Pinang memerlukan untuk dipanggil, kita akan panggil. Jadi Tuan Pengerusi...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berasa ini akan menjaskan segala kerja-kerja siasatan SPRM terhadap isu ini. Jikalau boleh saya harap Menteri tersebut dapat diberi teguran supaya tidak terus mengeluarkan apa-apa kenyataan yang palsu. Jikalau dia ada maklumat, bekallah kepada SPRM. Sekian.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
Tuan Pengerusi.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Sekejap, sekejap. Sama juga, saya setuju. Saya pun hendak beritahu dekat Yang Berhormat Tanjong, nasihatkan juga Yang Amat Berhormat Bagan jangan buat *statement* lagi. Oleh sebab bila dua-dua buat *statement*, dia berlawanlah. Jadi jangan buat *statement*. Ada bahan bagi dekat SPRM, itu lebih adil. Ya, Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**

Tuan Pengerusi, saya ada bangkitkan beberapa perkara. Pernah saya bangkitkan semasa perbahasan Menjunjung Kasih Ucapan Tuanku pun tidak dapat jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri. Sebentar tadi saya bangkitkan lagi pun tidak dapat jawapan, maka sebab itu saya mohon kalau boleh rujuk balik kepada *Hansard* dan kalau boleh beri jawapan bertulis kepada saya. Boleh Tuan Pengerusi?

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Yang mana satu ya?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**

Ya?

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Yang mana satu? Lima soalan kepada Perdana Menteri, saya dapat jawapan satu sahaja.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Nanti saya rujuklah apa yang dimaksudkan dan kita akan cuba selesaikan masalah Yang Berhormat Lumut. Terima kasih.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**

Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis?

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Habis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM10,000,000 untuk Maksud B.1; RM82,074,000 untuk Maksud B.4; RM23,018,854 untuk Maksud B.6; RM395,739,513 untuk Maksud B.7; dan RM35,000,000 untuk Maksud B.9; di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM10,000,000 untuk Maksud B.1, RM62,780,000 untuk Maksud B.4, RM23,018,854 untuk Maksud B.6, RM395,739,513 untuk Maksud B.7 dan RM35,000,000 untuk Maksud B.9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM60 untuk Maksud P.6 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM60 untuk Maksud P.6 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017]*

■1500

**Maksud B.13 [Jadual] –  
Maksud P.13 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2017] –**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Giliran Kementerian Luar Negeri. Kepala Bekalan B.13 dan Kepala Pembangunan P.13 di bawah Kementerian Luar terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kita rujuk butiran di bawah kepala ini, cuma merangkumi tambahan langsung untuk menampung kekurangan peruntukan disebabkan peningkatan kadar tukaran wang asing dan juga dikehendaki membiayai perbelanjaan semasa kementerian, merangkumi emolumen kakitangan. Perbelanjaan P juga adalah perkara-perkara yang tertentu. Jadi, butiran perbahasan adalah tertumpu kepada butiran-butiran yang diperincikan dalam jadual-jadual yang telah diedarkan. Ya, Yang Berhormat Tumpat.

**3.00 ptg.**

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sebagaimana yang Tuan Pengerusi ingatkan, merujuk hanya kepada Kementerian Luar di bawah maksud P dan B.13 itu yang melibatkan pembinaan bangunan canseri kediaman rasmi duta besar di Moscow dan juga pejabat dan kuarters rasmi suruhanjaya kita di London dan juga melibatkan kekurangan peruntukan peningkatan kadar tukaran asing dan membiayai perbelanjaan semasa kementerian. Saya ingin merujuk kepada hal-hal ini dan mengaitkannya dengan dua lagi kawasan dan tempat di peringkat antarabangsa yang penting.

Saya yakin Kementerian Luar Negeri amat memberikan perhatian yang berat iaitu sebagaimana yang kita pernah sebut Yang Berhormat Menteri, kalau di London dan di Rusia yang sudah pun ada kediaman dan sebagainya. Pertanyaan saya yang pertama ialah di Moscow, Rusia ini sebagaimana kita tahu, seminggu dua ini berlaku keadaan di mana Moscow, Rusia dituduh oleh Britain. Semalam oleh juga Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah sebagai terlibat dalam percubaan untuk membunuh bekas pengintip Rusia di Bandar Salisbury di London atau di UK.

Oleh sebab itu, maka Britain telah mengarahkan 23 diplomat Rusia di London untuk diusir pulang dan semalam Amerika Syarikat mengusir 100 orang diplomat Rusia keluar dan negara-negara Eropah juga mengambil tindakan yang sama. Jadi, saya ingin

bertanya sama ada dalam kita dan pegawai-pegawai kita berada di Moscow itu, adakah di antara perbelanjaan pembinaan canseri dan kediaman rasmi ini, ciri-ciri keselamatan diberikan perhatian yang tinggi supaya tidak mahu kita melihat bahawa pegawai-pegawai kita yang berkhidmat dengan baik untuk negara ini dan meletakkan nama kita di tempat yang tinggi dan sebagainya dijadikan mangsa oleh sebuah negara besar yang sanggup melakukan itu kepada rakyatnya yang telah pun mlarikan diri ke United Kingdom. Apatah lagi kalau kita berada di negara Rusia itu sendiri.

Keduanya, saya ingin bertanya, kalau kita boleh berbelanja untuk rakyat kita di Moscow dan di London, apakah kita juga ingin memikirkan untuk mengeluarkan sedikit perbelanjaan untuk misalnya, mewujudkan bangunan *attaché* ataupun konsul kita di negara Palestin seperti di Gaza. Adakah kita sanggup untuk meletakkan suatu tanda komitmen kita bahawa kita mengiktiraf Palestin dan tidak mahu ianya terus diperlakukan sedemikian rupa dengan kita membelanjakan sedikit wang kita untuk membina sebuah bangunan kecil canseri ataupun bangunan *attaché* kita di Wilayah Gaza di Palestin itu.

Keduanya, saya dimaklumkan semalam Tuan Pengerusi, bahawa kita telah dan Tuan Pengerusi terlibat dalam urusan ini beberapa bulan yang lalu, di Cox's Bazar di Bangladesh. Saya dimaklumkan semalam kita telah juga menghantar apa yang dipanggil agaknya *attaché* kemanusiaan sebagainya yang akan berpejabat di Cox's Bazar dekat dengan sempadan dengan Myanmar yang mana kita tahu lebih daripada 600,000 rakyat Myanmar keturunan Rohingya selain daripada yang telah dibunuhi, terpaksa lari ke wilayah yang berdekatan dengan Bandar Cox's Bazar itu.

Jadi, kita sudah ada sebagaimana kita maklum, satu hospital medan di sana. Kita sekarang sudah mahu adakan pejabat *attaché*. Apakah kita ingin meningkatkan lagi operasi kita di Cox's Bazar itu supaya ianya benar-benar berkesan untuk pelarian-pelarian Rohingya ini yang begitu teruk dan dianggap sebagai minoriti yang paling tertekan di seluruh dunia. Kalau Gaza dilihat oleh badan-badan antarabangsa, termasuk Bangsa-bangsa Bersatu, sebagai penjara yang terbesar di dunia, Wilayah Gaza itu. Cox's Bazar dan Wilayah Rohingya yang dalam pelarian ini dianggap sebagai mangsa kepada pembunuhan perkauman yang terbesar di dunia hari ini. Jadi, saya harap dan saya bertanya kepada Kementerian Luar Negeri, adakah kita ingin meningkatkan lagi perbelanjaan kita sedikit untuk Rohingya dan juga untuk masyarakat Palestin dengan mewujudkan bangunan canseri atau sebagainya di Wilayah Gaza? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar. Selepas itu Yang Berhormat Lumut, lepas itu Menteri menjawab.

**3.06 ptg.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan persoalan mengenai Maksud B.13 Kementerian Luar Negeri, di mana dalam penerangan di bawah Kertas Perintah 1A Tahun 2018 untuk Maksud B.13, Kementerian Luar Negeri, di sini telah didefinisikan ruangan untuk tambahan langsung sebanyak RM15 juta. Yang itu saya tak ada sebarang persoalan kerana ia melibatkan pembayaran gaji, kos perubatan dan elaua sara hidup luar negeri.

Yang ini saya rasa sesuatu di luar jangkaan tetapi di perenggan kedua di mana ia bermula, izinkan saya membaca, Tuan Pengerusi. '*Tambahan sebanyak RM140 juta adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan semasa kementerian merangkumi emolumen kakitangan kontrak serta ganjaran bayaran sewaan, kontrak keselamatan dan kebersihan, penganjuran mesyuarat serta menampung perbelanjaan pejabat-pejabat perwakilan di luar negara*'.

Yang ini untuk saya, ini bukan sesuatu di luar jangka. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri menerangkan mengapa dana ini perlu dikategorikan sebagai wang luar jangka sebab nilainya adalah RM140 juta. Saya juga ingin mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Menteri tentang penganjuran mesyuarat serta menampung perbelanjaan pejabat-pejabat. Ini perlu diterangkan secara terperinci, apakah jumlah daripada RM140 juta ini, penganjuran mesyuarat, berapa banyak mesyuarat dan adakah mesyuarat-mesyuarat ini kita telah ambil bahagian dan perincian mesyuarat tersebut?

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin masuk kepada Maksud P.13 yang dibaca sekali pada hari ini, Kementerian Luar Negeri. Ini adalah untuk perbelanjaan pembangunan. Saya ingin masuk lagi sekali kepada Kertas Perintah 2A Tahun 2018 di mana dekat sini, beberapa perincian peruntukan tambahan telah dikategorikan. Saya ingin masuk secara khusus bahagian kedua yang bermula dengan perkataan '*Menampung keperluan bagi perpindahan ke premis sementara merangkumi sewaan bangunan, kos perpindahan, sewaan stor dan yuran guaman sebanyak RM422 juta*'. Ini hampir separuh daripada wang yang telah diminta ataupun yang digunakan untuk perbekalan tambahan ini. Separuh daripadanya digunakan untuk merangkumi sewa bangunan, kos perpindahan, sewaan stor dan yuran guaman.

Saya minta dua pendekatan daripada Yang Berhormat Menteri. Pertama adalah keperincian untuk setiap satu sebab sini ada empat kategori. Sewa bangunan, kos perpindahan, sewaan stor dan yuran guaman. Keperincian untuk empat-empat ini daripada jumlah 'RM422 juta' itu. Itu yang pertama. Kedua adalah mengapa perlu kita belanjakan RM422 juta ini...

**Seorang Ahli:** RM422,000.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** RM422,000? Ya, minta maaf. RM422,000. Patutlah Yang Berhormat pandang saya tadi ya? RM422,000 itu secara terperinci.

■1510

Daripada jumlah itu memang separuh. Separuh daripada jumlah yang kita telah kategorikan itu. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lumut.

**3.10 ptg.**

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan soalan kegemaran saya. Bilakah Kerajaan Malaysia boleh menguasai Pulau Pisang dan seterusnya menguruskan selenggaraan rumah api yang sepatutnya kita harus senggarakan sendiri di samping bergantung kepada rakyat Singapura untuk menguruskan selenggaraannya? Saya mohon jawapan

...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu tidak termasuk dalam butiran, Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Ada. Butiran 130300 – Penyelenggaraan dan Pembaikan Bangunan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri. Ada perkataan ‘selenggara’, Yang Berhormat.

**3.11 ptg.**

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Sri Reezal Merican]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* serta salam sejahtera. Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa. *Insya-Allah*, saya akan cuba sedaya mungkin untuk saya jawab secara detil sebagaimana kelaziman. Akan tetapi seandainya tidak ada, saya akan cuba secara bertulis. Ini kerana hari ini, Yang Berhormat, saya *on MC*. *I have acute asthma tadi. But I am trying my best to answer to all your question.*

Pertama, Yang Berhormat Tumpat bangkitkan berkaitan dengan B.13 mengenai Rusia dan sebagainya. Sememangnya itulah yang kita lihat bahawa di semua negara yang dianggap P5, kita sedaya mungkin ingin ada aset sendiri. Oleh sebab itu di UK kita ada, Paris kita ada, di Washington kita ada, di Beijing dan juga yang terakhirnya adalah—

Kita mengambil maklum bahawa di negara-negara yang kita memerlukan kawalan keselamatan yang lebih, maka kawalan keselamatan itu akan diberi. Bukan sahaja di Moscow, Yang Berhormat. Ada tempat-tempat lain yang berlaku dan yang tidak dilaporkan seumpama seperti Venezuela ada dan juga di Santiago, rumah Duta Besar kita dipecah masuk. Kita menggandakan kawalan dan itu pun termasuk daripada permohonan yang dikemukakan pada hari ini untuk tambahan belanjawan ataupun peruntukan tambahan untuk tahun 2017.

Untuk pertanyaan yang berkaitan dengan Cox's Bazar, sebagaimana yang telah Yang Berhormat Tumpat maklumkan tadi, memang seorang *attache* kemanusiaan telah pun dilantik dan nama beliau mungkin akan diumumkan secara rasmi nanti. Dia akan bukan beribu pejabat di Cox's Bazar. Dia akan beribu pejabat di Dhaka tetapi dia akan jadi *focal points* supaya penghantaran-penghantaran bantuan kemanusiaan akan lebih terurus, terarah dan juga mempunyai mekanisme-mekanisme piawaian sebagaimana yang diletakkan oleh *the host country*.

Memang benar disebut tadi ialah 688,000 jumlah yang terkini statistik yang dibuat oleh badan-badan antarabangsa. Akan tetapi ada kalanya juga di mana berlaku penyalahgunaan visa-visa kemasukan oleh pihak-pihak tertentu yang menyebabkan pihak berkuasa tempatan akhirnya terpaksa menggunakan undang-undang dan sudah tentulah *it will be an ugly picture*. Akan tetapi *alhamdulillah*, setakat ini Malaysia tidak ada kes sedemikian tetapi adalah lebih baik kita *streamline* supaya *it will become focal point* dekat Dhaka. *Attache* kemanusiaan ini sebagai satu manifestasi kesungguhan kita untuk terus membantu rakyat terutamanya kaum etnik Rohingya yang terkesan akibat daripada isu keganasan yang menimpa mereka.

Isu perwakilan kita di sama ada Ramallah atau Gaza, saya sudah sebut sebelum ini, saya secara peribadi bersetuju dan saya telah minta supaya diusulkan di peringkat atasan kepimpinan sebab itu adalah satu cadangan yang baik. Peringkat mula Yang Berhormat cadangkan supaya kita buka di Ramallah, saya kata agak sukar sebab Ramallah *is occupied territory*. Akan tetapi 31 negara yang Yang Berhormat maksudkan itu semua adalah 31 negara yang kebetulan memang ada *mission* di Tel Aviv.

Akan tetapi bilamana Yang Berhormat membangkitkan usul mungkin kita boleh ada *honorary consul*, saya rasa itu adalah cadangan yang wajar dan saya fikir saya akan bangkitkan dan saya sudah minta sudah kakitangan untuk sediakan untuk dibangkitkan.

Cuma saya hendak maklumkan, di Palestin ini daripada segi kompleksitinya begini ya. Dia ada dua *team* besar. Satu Fatah, satu Hamas. Jadi bilamana kita hendak memilih seseorang personaliti itu, kadang-kadang kita khuatir ia akan menyebabkan dilihat *incline towards* satu. Hatta di Malaysia pun saya yakin Yang Berhormat pun mengetahui bahawa di antara kedutaan dengan '.....corp' kita terpaksa ambil peranan *to*

*harmonize*. Jadi kita tidak mahulah, *we don't want to be in the face*. Akan tetapi cadangan itu saya *still* anggap cadangan yang baik.

Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar, saya tidak larat jawab. Saya jawab bertulis sahaja nanti. Akan tetapi Yang Berhormat Kapar punya soalan tadi berkaitan dengan perbelanjaan RM140 juta ya? Betul ya? Saya hendak cerita sedikitlah. Pertamanya, Kementerian Luar Negeri punya kaedah perbelanjaan ini tentu sekalilah berbeza sama sekali dengan kementerian-kementerian yang lain. Ini kerana 60 peratus adalah dibelanjakan untuk *mission-mission* kita di luar negara. Hampir lebih kurang 10 percent adalah untuk sumbangan, komitmen kita di UN, di *United Nation Security Council* waktu kita jadi *membership*, di ASEAN, di OIC. Semua ini adalah di-*nominated* dalam dolar.

Ketika Bajet 2016 dibuat pada bulan empat, kadar tukaran waktu itu adalah 3.9. Pada tahun 2017 kalau tidak silap saya dalam sekitar bulan satu, bulan dua sehingga ke bulan lima, kadar tukarannya adalah berada pada jajaran antara 4.4 hingga 4.55. Inilah kadang-kadang *challengers* yang harus ditangani dan juga ditanggung oleh pihak kementerian.

Namun begitu, kita mengucapkan terima kasih kepada ramai di kalangan wakil-wakil rakyat di sini yang sentiasa bersimpati dengan Kementerian Luar Negeri bagi membolehkan diplomat-diplomat kita menjalankan tugas dengan baik dengan mendapat sokongan yang padu daripada Yang Berhormat sekalian untuk mendapatkan peruntukan wang tambahan ini.

Terakhir sekali adalah Pulau Pisang.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Reezal Merican:** Alah, bertulis sahajalah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okeylah, sebab Yang Berhormat tidak sihat. Saya mendoakan semoga cepat sembuh.

**Dato' Sri Reezal Merican:** Okey, terima kasih. Kedua, Pulau Pisang, saya sudah jawab berulang kali, Yang Berhormat Lumut. Pertama, seluruh Pulau Pisang itu adalah hak mutlak kita. Kemudiannya dari segi hendak akses itu perlu melalui Kukup sebagai Imigresen dan mereka tidak boleh masuk tanpa kebenaran kita.

Pengendalian rumah api itu walaupun sebenarnya tidak ada kaitan dengan soalan pada hari ini tetapi rumah api itu saya sudah maklumkan dahulu bahawa kita sudah bangkitkan untuk kita lihat supaya tidak boleh— kalau perlu— kita letakkan *indefinite time* untuk mereka selama-lamanya untuk *to have control* over Pulau Pisang itu.

**Tuan Pengurus [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kalau tidak berkaitan, tidak perlu jawab Yang Berhormat.

**Dato' Sri Reezal Merican:** Jadi tentang berkaitan dengan *your concern about to have absolute control over rumah api itu, it is very much along the line with my thought* dan benda ini akan dibangkitkan nanti. Terima kasih.

Yang Berhormat, demikianlah dan terima kasih banyak Ahli-ahli Parlimen yang bersimpati dengan tidak menanyakan soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM155,463,708 untuk Maksud B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM155,463,708 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM7,000,010 untuk Maksud P.13 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM7,000,010 untuk Maksud P.13 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017]*

■1520

#### **Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Giliran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Parit Sulong.

#### **3.20 ptg.**

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus sahajalah kepada Butiran 94000. Dia ada dimaklumkan di sini bahawa tujuannya adalah untuk membiayai pelaksanaan sembilan projek sambungan NKEA getah dan sawit yang dipindahkan dahulunya berada di KKLW dan sekarang di kementerian ini. Cuma saya hendak bertanya, mengapa ada perubahan dari segi ini dan kalau sebenarnya memang patut pun di kementerian ini, cuma kenapa dulu diletakkan di KKLW. Saya hendak minta untuk maklumkan apakah rasional ini.

Keduanya saya hendak bertanya kepada pihak kementerian mengenai inisiatif baru dan juga usaha yang telah dilaksanakan bagi tanaman sawit dan getah ini. Sejauh manakah pensijilan minyak sawit Malaysia mampan yang telah diusahakan oleh

kerajaan melalui kementerian telah mendapat pengiktirafan antarabangsa bagi membendung gejala pemboikotan minyak sawit di Kesatuan Eropah.

Seterusnya soalan saya adalah sebelum ini ada dimaklumkan bahawa eksport untuk kelapa sawit ini dijangka akan mendapat RM80 bilion pada tahun ini iaitu tahun 2018. Jadinya sehubungan itu saya hendak bertanya, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh pihak kementerian supaya ia *on-track*? Bagaimanakah, apakah mungkin boleh kongsikan juga apakah cara agar eksport mencapai sasaran yang disasarkan? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

### 3.22 ptg.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat Petang. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap berkenaan dengan P.20 iaitu berkenaan dengan insentif untuk penoreh getah kerana sebagaimana yang kita maklum, kerajaan telah berjanji untuk memberikan kalau getah harga turun RM2.20, akan diberikan insentif sebanyak 10 sen hingga 40 sen untuk satu kilogram.

Untuk makluman kepada Dewan semua, hari ini getah turun sebanyak RM1.70 dan peruntukan juga dijanjikan untuk bantuan kepada pekebun-pekebun kecil ataupun penoreh getah iaitu untuk tiga bulan, RM200 sebulan. Setakat tadi yang saya *confirm* dengan penoreh getah tadi, belum lagi mereka peroleh iaitu RM200. Sekarang sudah masuk bulan 3, musim tengkujuh pun sudah hendak habis sudah. Hendak mari masuk musim lain sudah, tetapi masih lagi belum dapat.

Kita harapkan supaya harga lantai getah ini diberikan untuk sekilo RM4.00 itu diberikan supaya dapat meringankan pekebun kecil kerana sebagaimana yang kita dimaklumkan, wang untuk digunakan kalau kita naikkan harga getah sebanyak RM4.00 sekilo kerana pengeluaran getah di Malaysia ini ialah dalam anggaran lebih kurang 670 juta tan setahun. Kalau kita darabkan dengan RM2.00 lagi, kalau kita anggarkan dengan harga yang dibelikan sebanyak RM2.00, lebih kurang RM134 juta untuk kerajaan menampung dalam setahun untuk diberikan sebagai meringankan bebanan kepada penoreh-penoreh getah yang terdapat di dalam negara kita pada hari ini.

Tuan Pengerusi, untuk rekod Malaysia ini kerana kita menghasilkan lebih kurang 670 juta tan getah asli pada tahun 2016 dan pada tahun 2015 sebanyak 720 juta tan. Jadi masih lagi kitakekalkan sebagai pengeluar getah asli yang kelima di dunia kerana nilai eksport getah dan produk berasaskan getah ini pula kita tengok melepassi paras lebih daripada RM18 bilion dan 92 peratusnya adalah disumbangkan daripada pekebun-

pekebun kecil. Soalannya ialah kenapa tidak diberikan insentif terutamanya untuk diletakkan dengan harga lantai kepada pekebun-pekebun kecil yang terdapat di dalam negara ini tidak banyak mana pun. Bajet yang perlu digunakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan penoreh getah ini terbela, lebih kurang hari ini kita tengok getah sudah pun turun sebanyak RM1.70.

Tuan Pengerusi, kalau keadaan ini berlaku sudah tentulah ia amat menyukarkan terutama di kalangan pekebun-pekebun kecil yang terdapat di dalam negara ini. Dengan kos sara hidup yang tinggi, sudah tentu perlukan kepada satu tindakan yang drastik yang diambil oleh pihak kementerian. Saya pun hairan juga kerana di Malaysia ini kalau kita tengok...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang bangun Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat terutama tentang kebijakan pekebun kecil. Kita berterima kasih atas insentif yang telah diberi oleh pihak kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil dengan Bantuan Musim Tengkujuh, tetapi isu yang ada sekarang ialah ramai di kalangan mereka yang menjadi penoreh-penoreh getah ini adalah mereka yang tidak ada kebun sendiri. Mereka hanya menoreh getah orang, jadi menyebabkan kelayakan mereka untuk mendapat Bantuan Musim Tengkujuh ini tidak layak sebab mereka tidak ada geran tanah sendiri, geran kebun sendiri. Jadi sudah tentulah mereka terlepas daripada bantuan yang disediakan. Apalagi kalau dengan harga getah sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi, RM1.70 kalau dibahagi dua, bayangkan berapa sen sahaja yang dapat kepada penoreh getah yang menjadi pekerja di kebun orang. Jadi, sudah tentulah tidak lepas untuk kos sara hidup untuk membeli makanan harian. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat dalam keadaan-keadaan masyarakat pekebun kita yang sangat tertekan dengan keadaan sekarang? Terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang dan masukkan sebahagian daripada ucapan saya. Sebenarnya itulah yang dialami yang kita bawa suara daripada pekebun-pekebun kecil di sana yang memerlukan suara mereka ini didengarkan di Parlimen untuk diambil perhatian oleh pihak kerajaan, untuk diberikan perhatian yang lebih bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka.

Tuan Pengerusi, seperti mana saya sebut tadi ialah kerana di Malaysia ini kalau kita tengok setiap rumah ada motor, ada kereta dan glove yang dipakai di hospital berlori-lori setiap hari. Soalannya, kenapa kebanyakan penggunaan ini hasil daripada

pembuatannya dibuat daripada hasil getah. Apakah kerajaan tidak boleh memikirkan supaya jangan sahaja bergantungkan harga getah ini berdasarkan kepada komoditi di luar sahaja, kenapa tidak memerlukan kepada satu inovasi yang agak lebih tinggi daripada pihak kerajaan bagi memastikan produk getah ini dapat digunakan daripada Malaysia punya, selain daripada hari ini kerajaan cuba untuk hendak buat jalan tar dengan menggunakan barang daripada produk getah. Akan tetapi apa salahnya juga banyak perkara-perkara yang lain yang boleh difikirkan untuk memastikan supaya kita tidaklah bergantung kepada harga komoditi di luar semata-mata untuk menentukan harga getah asli negara kita ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Menteri dan saya juga mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawab perkara yang dibutirkhan yang tidak melibat perkara-perkara dasar. Terima kasih. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

■1530

**3.30 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk makluman Tuan Pengerusi, banyak soalan yang disentuh tadi sebenarnya tidak termasuk dalam tajuk yang telah disentuh. Sebenarnya, di dalam peruntukan tambahan ini hanya RM156,700,000. Jadi sebenarnya memang banyak. Saya cuba menjawab seberapa yang termampu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang tidak berkaitan boleh jawab secara bertulis, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Okey. Jadi kalau yang berkaitan sebenarnya tidak ada yang berkaitan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh jawab bertulis.

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM156,700,000 untuk Maksud P.20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM156,700,000 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017]*

**Maksud B.21 [Jadual] –  
Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk dibahas. P.21 adalah hanya token dan tidak perlu dibahas. Jadi kementerian ini hanya terlibat dalam perbahasan Kepala B.21.

Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Rantau Panjang dan selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**3.31 ptg.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya terus kepada Maksud B.21 iaitu tambahan langsung berjumlah RM685 juta. Kita dapati perangkaan perincian telah diberikan iaitu RM340 juta untuk subsidi baja padi, RM196 juta untuk insentif pengeluar padi, RM124 juta untuk subsidi harga padi dan RM24 juta untuk subsidi baja padi bukit huma. Persoalan saya yang pertama ialah berapa ramai petani yang memanfaatkan daripada pemberian keempat-empat perincian ini? Dekat sini kita ada empat bahagian. Saya perlu tahu berapa ramai yang dapat memperoleh manfaat subsidi ini. Ini yang pertama.

Kedua, rasional mengapa subsidi ini tidak dimasukkan dalam bajet lebih awal sebab ini dimasukkan dalam bajet tambahan. Sepatutnya subsidi ini telah pun kita bincang dalam Bajet 2017 yang sewajar dan sepatutnya. Saya tidak nampak mengapa tiba-tiba ada peningkatan. Adakah ini untuk situasi luar jangka yang boleh melibatkan bantuan diberikan kepada petani. Saya harap Yang Berhormat beri penjelasan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**3.33 ptg.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Menyentuh Maksud B.21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di mana mendapat tambahan – memohon tambahan peruntukan sebanyak RM685.5 juta untuk menampung pelbagai subsidi dan insentif untuk pengeluaran padi. Saya ingin tahu dari sudut subsidi baja padi, kita lihat penggunaan baja padi yang berkualiti ini akan membantu menambahkan pembesaran pokok padi dan seterusnya meningkatkan hasil beras negara.

Kita semua tahu bahawa negara kita di antara negara yang masih mengimport bahan ruji ataupun makanan utama untuk keperluan rakyat kita. Jadi saya ingin tahu sejauh mana kajian terhadap baja-baja yang dibekalkan kepada petani-petani. Adakah baja tadi betul-betul berkualiti yang menepati dengan keadaan cuaca dan iklim, dengan keadaan tanah yang sesuai untuk melahirkan beras yang berkualiti. Apakah kajian yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan kita dapat menghasilkan beras-beras yang berkualiti. Kita lihat perkembangan masyarakat kita hari ini gemar kepada makanan yang seperti nasi Arab dan sebagainya yang memerlukan beras yang khusus seperti beras Basmathi. Jadi apakah pihak kementerian buat kajian. Apakah beras seumpama Basmathi ini sesuai untuk ditanam dalam negara kita dan harganya cukup mahal untuk dibeli kalau kita beli dalam pasaran hari ini. Saya ingin penjelasan.

Begitu juga saya ingin tahu tentang hasil pengeluaran setakat ini. Berapakah sebenarnya hasil pengeluaran padi negara kita dan berapakah jumlah import yang masih kita import daripada luar negara. Apakah cabaran yang kita hadapi untuk kita dapat menghasilkan kualiti beras yang boleh setanding dengan beras Siam. Kita masih banyak mengimport beras daripada Siam. Jadi kenapa kita tidak dapat melahirkan beras yang berkualiti seperti beras Siam yang mempunyai iklim yang hampir sama dengan negara kita. Jadi saya ingin penjelasan.

Satu lagi saya ingin tahu ialah tentang baja padi yang dibekalkan kepada rakyat. Saya tengok semua di seluruh negara, baja padinya cap dacing. Kempen pilihan raya di baja padi. Kami di Kelantan, baja bagi juga baja padi kepada rakyat. Kami tidak cap bulan di baja padi sedangkan duit untuk projek bantuan ini adalah duit negara dan bukannya duit Barisan Nasional. Jadi saya ingin penjelasan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### 3.36 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi dan dua orang Yang Berhormat yang bertanya tadi.

Pertamanya, daripada Yang Berhormat Kapar. Berapa ramai petani yang mendapat manfaat. Keseluruhannya subsidi harga padi seramai 146,000. Kemudian subsidi baja padi, 252,000 orang petani. Subsidi padi huma seramai 82,000 petani. Subsidi input penyelarasan pengeluaran padi seramai 252,000 petani. Yang Berhormat Kapar sudah keluar?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada, ada.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ada lagi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ada lagi, ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Mana keluarnya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kedua soalan beliau kata kenapa tidak termasuk jumlah ini dalam bajet tempoh hari. Itu maksudnya. Mengapa, tujuannya kita hendak menguruskan *cash flow*, aliran tunai kewangan negara. Kita ini sebahagian daripada kerajaan. Seluruh kerajaan. *Malaysian Government*. Jadi total bajet hendaklah diuruskan dengan baik. Satu daripadanya yang diambil kira ialah aliran tunai ataupun *cash flow*. Jadi dengan sebab itu kita tidak masukkan semua sekali supaya ia memberi ruang kepada pengurus kewangan negara menguruskan soal *cash flow* ini. Fahamkah bagaimana? 'Menyerongen' sahaja kata orang Perak.

Yang Berhormat Rantau Panjang pula bertanya kajian terhadap baja-baja yang dibekalkan. Kita buat kajian dari semasa ke semasa dan berterusan kerana kita hendak memastikan baja yang dibekalkan itu sesuai dengan tanah di mana pesawahan itu kita usahakan. Minggu ini pun saya ada jawab satu soalan kalau ingat iaitu berkenaan dengan kajian tanah, *soil profiling* yang dibuat oleh pihak MARDI. Begitu juga dipanggil *nutrient uptake*. *Nutrient uptake study* ini ialah berkenaan dengan pengambilan nutrien oleh pokok-pokok termasuk pokok-pokok padi daripada sumber dalam tanah itu. Kajian ini juga akan menentukan jenis baja dan input-input yang sesuai untuk sawah dan kawasan pertanian itu. Itu berhubung dengan kajian baja. Sebelum saya lupa satu lagi iaitu formulasi baja yang baru dengan tujuan untuk mengeluarkan baja-baja yang lebih sesuai dengan jenis tanah yang diusahakan itu.

Berkenaan dengan beras berkualiti Yang Berhormat tanyakan tadi, beras berkualiti ini, saya rasa setakat ini tidak ada masalah. Beras-beras yang kita keluarkan tidak adalah banyak kompelin kata beras tidak elok.

#### ■1540

*Generally speaking* dengan izin Tuan Pengurus, ianya dapat diterima oleh pengguna kita. Masyarakat dalam negara kita ini. Ya? Dan saya hendak ingatkan Yang Berhormat Rantau Panjang, kalau kita keluarkan yang *special, special rice this and that*. Mungkin harganya tadi Yang Berhormat setuju, tinggi. Baguslah harga tinggi tetapi mampukah untuk rakyat membelinya. Itu satu, yang itu kita kena jaga *affordability of the consumer is very important*, dengan izin. Kalau beras terlalu mahal harganya, dah lah marahkan kerajaan pula. So, jadi saya hendak sebut kan di sini untuk keperluan awam kita mengeluarkan beras yang berkualiti pada harga yang mampu dibeli oleh pengguna kita. *That is important*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Kapar. Tadi diam, tak nak tambah, ini hendak tambah pula.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya beri ruang sepenuhnya kepada Yang Berhormat Menteri jawab.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya. Tunggu dulu ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dah habis belum?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Belum.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Oh! Okey.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Rantau Panjang punya catit banyak ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Silakan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Itu beras berkualiti. Kemudian, Yang Berhormat tanya berapa hasil padi sekarang yang kita keluarkan. 2.9 juta metrik tan, ya. Kemudian, Yang Berhormat tanya pula, import. Kita tidak import padi Yang Berhormat. Kita import beras. *[ketawa]* Beras yang kita import lebih kurang dalam range atau pun dalam lingkungan antara 700,000 ke 1 juta metrik tan yang diimport oleh BERNAS. *It's between 700,000 to 1 million metrics ton*, Tuan Pengerusi yang kita import. Di mana merupakan bahawa lebih kurang 30 percent daripada keperluan beras negara.

Saya tambah sedikit maklumat, kita hendak meningkatkan pengeluaran kita ini kalau boleh kepada 80 percent pada tahun 2020. So, kita punya SSL, self-sufficiency level itu, taraf sara hidup kita, kita hendak tingkatkan. Kita tidak hendak bergantung banyak sangat kepada import.

Cabarannya macam mana hendak menghasilkan padi yang lebih setanding dengan beras Siam. Itu saya dah jawab tadi. Kita tidak perlu hendak berlawan lah sebab kita punya kualiti *is okay already*. Kecuali kualiti kita itu tidak dapat diterima oleh rakyat *then* ada lah masalah. Kita hendak tingkatkan dan berlumba pula dengan orang Siam. So, dalam konteks ini saya rasa tidak perlu kita hendak compete dengan beras yang dikeluarkan oleh Siam. Akan tetapi ada sedikit-sedikit orang Malaysia ini suka hendak beli beras Siam lah, beras India lah, beras itu lah, beras ini— bilangan tidak ramai, pilihan setengah-setengah pengguna yang suka kepada cita rasa tertentu. Itu kita beri peluang lah kepada mereka.

Berkenaan dengan baja cap dacing. Mengapa ada cap dacing? *[Ketawa]* Cap dacing lah kita punya. Kalau *you all* punya hendak cap apa, cap lah. Kita tidak ada salah pun. Ye dak? Sementara kita memerintah kita cap lah. *[Ketawa]*

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat, kalau boleh. Boleh saya tanya sedikit? Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya. Ya. Ya.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Sebenarnya kalau kita tengok di depan kita terpampang jelas duit yang dipohon ini adalah duit daripada wang yang disatukan daripada cukai yang dibayar oleh rakyat bukan wang Barisan Nasional. Jadi, Barisan Nasional tidak layak hendak letak lambang parti Barisan Nasional di bawah milik rakyat dan negara. Kalau letak lambang kerajaan, lambang singa itu okey. Akan tetapi ini lambang parti. Jadi, ini adalah satu perkara yang tidak...

**Seorang Ahli:** Salah guna kuasa.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Salah guna kuasa. Tidak layak dan tidak sepatutnya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Nak jawab ini Tuan Pengerusi? Jawab lah sikit ye dak? Ya. Itu yang di Selangor itu, cap PKR itu, cap macam-macam cap saya tengok dekat belakang, dekat kepala. *[Ketawa]* Cap merata. Apa bagi pun ke orang ramai pun semua cap. Kenapa berlaku?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** You buat you punya hal, kita buat kita punya hal.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Produk kerajaan kah produk apa maksud Yang Berhormat ini?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Lagi satu, Kerajaan Negeri Selangor lah. Kerajaan Negeri Selangor menggunakan duit rakyat Selangor. Yang pergi cap merata seluruh badan buat apa? *[Ketawa]*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Lagi satu, nanti dulu...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dekat seluruh badan.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tanya? Yang berkaitan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Nanti lah dulu. *[Ketawa]*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Cap lagi, kenapa cap Barisan Nasional? Memang duit rakyat. Kalau tidak duit rakyat, duit siapa. Ya? Akan tetapi kerajaan ini siapa? Kerajaan Barisan Nasional.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Kerajaan rakyat, kerajaan rakyat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Eh, mana ada kerajaan rakyat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Bukan kerajaan rakyat. No!

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *There must be the system is that the ruling party. Who is the ruling party? The ruling party is Barisan Nasional sahaja.*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Ada dua sahaja, dua sahaja.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Kerajaan Barisan Nasional, bukan kerajaan rakyat ya?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak, tidak. Esok yang PKR dengan *you* Pakatan Harapan beria-ia hendak bertanding, hendak menang ini untuk apa? *You* hendak tubuhkan kerajaan, parti *you*. Betul tidak? *You* hendak tubuhkan kerajaan apa? Kerajaan apa?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kami hendak menujuhkan kerajaan rakyat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kapur.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Kerajaan Persekutuan bukan Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, dua sahaja.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kerajaan bersekutu untuk rakyat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Patut juga ..... di Sabah, kena suspend.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Kapar, tidak lama lagi *you*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya,ya. Balik kepada yang berkaitan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, kita bergurau sikit. Yang Berhormat Kapar, tidak lama lagi *you* jadi kapur tahu tidak? *[Ketawa]* You jangan buat macam itu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Soalan tambahan, soalan tambahan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Soalan tambahan, belum lagi yang tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM685,490,429 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM685,490,429 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM70 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM70 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017]*

**Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kepala Pembangunan P.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Disebabkan kepala P.23 hanya token, P.23 tidak perlu dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017]*

**Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kepala P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri disebabkan P.24 hanya token ianya tak perlu dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017]*

**Maksud B.25 [Jadual] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kepala B.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Rantau Panjang, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Ya, Sila.

**3.49 ptg.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, soalan saya ringkas sahaja berkenaan dengan tambahan RM150 juta skim penstabilan harga minyak masak yang tidak mencukupi. Ini berkaitan dengan persoalan yang telah saya bangkitkan tahun lepas di mana kita ada minyak masak satu kilogram yang tidak cukup bekalannya di beberapa kawasan khususnya di Johor dan sebagainya.

**■1550**

Hari ini kita ada perbekalan tambahan sebanyak RM150 juta yang juga kerana perbelanjaan yang tidak mencukupi. Jadi dua soalan saya ialah satu, berkenaan dengan kekurangan bekalan minyak masak satu kilogram. Kedua adalah rasional tambahan RM150 juta untuk program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak. Saya harap bila saya tanya persoalan mengenai rasional, apa yang saya maksudkan Tuan Pengerusi dengan izin adalah perkara sebegini sewajarnya dimasukkan dalam bajet asal.

Apabila sesebuah kerajaan mengambil senario untuk memasukkan dalam bajet tambahan walaupun saya akui perbelanjaan tambahan ini adalah mengikut Perlembagaan Persekutuan Perkara 101, namun ia tidak boleh dimasukkan seperti yang dimaklumkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani tadi mengatakan bahawa kita hendak mengukuhkan *cash flow* oleh sebab itu kita masukkan. Jadi saya rasa kementerian perlu faham bila soalan berkenaan rasional ditanya. Ini tidak ada kena-mengena dengan *cash flow*, ini adalah perbelanjaan tambahan. Sewajarnya bila berlaku apa-apa masalah luar jangka.

Saya boleh terima penerangan tetapi bukan jawapan seperti untuk mengukuhkan *cash flow*. Saya rasa itu tidak memberar atau memberi ruang untuk ada perbekalan tambahan. Jadi saya harap Menteri KPDKKK yang selalu menjawab soalan saya tidak berhenti-henti akan menjawab mengenai rasional mengapa COSS ini dimasukkan sebagai perbelanjaan tambahan.

Yang Berhormat Menteri, saya akui mungkin ada sebab-sebab tertentu, mungkin ada penambahan kos, mungkin ada bekalan yang tidak cukup tetapi Dewan yang mulia ini perlu tahu mengapa ada perbekalan tambahan. Itu yang saya perlu tanya dan bukan jawapan seperti *cash flow* nak memperkuuhkan. Itu menunjukkan Menteri yang tidak

boleh menjawab atau tidak memahami maksud rasional. Saya harap Yang Berhormat KPDKKK selalu menjawab soalan saya, boleh faham soalan saya dan menjawab dengan sejitu yang mampu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

### 3.52 ptg.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Menyentuh Maksud B.25 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang mendapat tambahan sebanyak RM150 juta untuk menampung baki perbelanjaan program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak yang tidak mencukupi.

Sebagaimana kita tahu di antara keperluan asas terutama bagi suri rumah, keperluan harian keluarga adalah minyak masak. Jadi di antara perkara yang paling penting ialah bekalan yang mencukupi dan harga yang berpatutan yang tidak membebankan rakyat. Jadi kita mengharapkan dengan skim ini akan meringankan beban rakyat.

Jadi cuma saya ingin tahu sebenarnya berapakah jumlah keseluruhan kos yang digunakan oleh kerajaan untuk menstabilkan harga minyak setiap tahun. Apakah jaminan kerajaan untuk memastikan supaya bekalan tidak terputus dan mencukupi terutama di musim-musim perayaan. Apakah pemantauan dibuat supaya tidak berlaku penyeludupan terhadap minyak bersubsidi ini terutama di kawasan sempadan. Jadi setakat ini apakah masih banyak lagi berlaku penyeludupan dan apakah tindakan yang telah diambil setakat ini, berapa kes yang telah dihadapkan ke muka pengadilan.

Begini juga saya ingin tahu dari sudut penggunaan minyak bersubsidi yang kita dimaklumkan sebelum ini adalah dikhurasukan untuk pengguna-pengguna persendirian, tidak untuk pengusaha makanan. Jadi apakah berlaku salah laku ataupun salah guna terutama di pihak pengusaha makanan atau syarikat ataupun industri yang menggunakan ataupun mengambil kesempatan menyeludup ataupun membeli minyak-minyak ini untuk perusahaan makanan. Minta penjelasan, terima kasih.

### 3.54 ptg.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak maklumkan kepada kedua-dua Yang Berhormat yang bertanyakan tentang isu ini.

Pertamanya, RM150 juta ini terpampang dalam Kertas Perintah I ini yang mengatakan jumlah ini telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka, sebarang penglibatan belum dapat dikenal pasti pada masa itu. Ini menunjukkan bahawa bukan kita tidak tahu akan anggaran keseluruhannya, kita telah pun ada

anggaran keseluruhannya tetapi masalah yang timbul adalah ketika itu, ketika bajet ini dibawa ke kementerian saya, ianya sudah pun mengakhiri tahun 2016. Maka sebab itu, bajet atau peruntukannya dimasukkan dalam B.11 dalam Kementerian Kewangan. Kemudian keseluruhannya apabila sampai masa dia *transferkan* balik kepada kita melalui apabila sudah pun diguna melalui Kumpulan Wang Luar Jangka, mudah saja. Jadi tidak ada timbul masalah yang lain, bajet dah ada cuma oleh kerana pertukaran daripada kementerian yang lain kepada kementerian saya, itu yang menyebabkan ada sedikit *transfer* daripada B.11 ke B.25.

Keduanya, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, jadi rasionalnya tadi itulah dia, memang ada bajet. Jadi kos hendak tahu keseluruhannya, kita punya anggaran lebih kurang RM850 juta tiap-tiap tahun tetapi dalam tahun yang lepas, kita hanya menggunakan RM815 juta saja keseluruhannya. Itulah kos yang kita lakukan tiap-tiap tahun. Jumlah keseluruhannya lebih kurang 60,000 metrik tan satu bulan, itu yang kita buat dan jangkaan untuk 60,000 metrik tan sebulan itu mencukupi untuk digunakan oleh rakyat keseluruhannya.

Maka sebab itu kalau ada timbul kadangkala adalah *short supply* daripada satu-satu kawasan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar itu, saya terpaksa mengarahkan supaya melihat kembali apa salahnya. Kadangkala ada sebab kekurangan *supply* daripada *refinery*, kadang-kadangkala rosak dengan *repackers* punya masalah, ini semua kita bantu daripada *repackers* yang di tempat-tempat lain. Jadi kita kena ambil maklum bahawa oleh kerana kita hanya ada 271 *repackers* seluruh negara sepatutnya mencukupi tetapi oleh kerana kadang-kadangkala kerosakan berlaku, maka sebab itu ada *short supply*. Itulah jawapan kepada keseluruhannya. Terima kasih.

**Tuan Pengurus [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM150,000,000 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM150,000,000 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2017]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kementerian Kerja Raya. Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM600,000,020 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM600,000,020 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017]*

**Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kementerian Pengangkutan. Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan, disebabkan ianya hanya token P.28 tidak perlu dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM40 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM40 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017]*

**Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Kepala Pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM245,000,010 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM245,000,010 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan 2017]*

■1600

**Maksud P.30 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Kepala Pembangunan P.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi disebabkan ianya hanya token, ia tidak perlu dibahas. Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.30 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.]*

*[Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.30 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017]*

**Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2016] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kementerian Wilayah Persekutuan, Kepala Pembangunan P.32 terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kapar, selepas itu Menteri menjawab.

**4.00 ptg.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Persoalan saya ringkas sahaja, berkenaan dengan peruntukan tambahan RM5 juta ini. Untuk projek pembangunan infrastruktur di Presint 11 dan Presint 15 Putrajaya. Persoalan saya adalah berkenaan dengan apakah kos asal projek ini? Mengapa kita perlu penambahan sebanyak RM5 juta untuk projek pembangunan infrastruktur ini? Pertama. Kedua, ini pun adalah luar jangka, jadi saya kena tahu juga apakah rasional RM5 juta ini tiba-tiba dimasukkan pada hari ini sebagai bilangan luar jangka? Pada waktu yang sama, saya perlu tahu siapa yang akan menjawab sekejap lagi? Terima kasih Tuan Pengerusi.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada Menteri?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, Menteri pun tidak ada, Timbalan pun tidak ada. Akan tetapi saya telah bahas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, minta bentara tolong uruskan Menteri Wilayah Persekutuan. Ya, Yang Berhormat Kapar, teruskan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya sudah habis sudah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Teruskan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya sudah habis, dua soalan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah habis?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Mereka tak dengar, mereka tak dengar lagi. *[Tepuk]* Menteri tak dengar. Saya sudah habis bahas sudah, macam mana mereka nak jawab?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Serian, boleh tolong jawablah. Sudah tak ada Menteri. *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Hendak berehat dulu? Selepas itu saya kena ulang balik, tak apa, saya tak ada masalah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tak, sekiranya bersetuju, kita tangguhkan untuk Kementerian Wilayah Persekutuan. Kita minta Kementerian Kesihatan. Boleh setuju ya? Untuk kita mempercepatkan proses kita.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh kah macam itu, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh kah? *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri juga Yang Berhormat Senator, mungkin berada di dalam Dewan Negara. Jadi, pihak bentara akan semak dengan Dewan Negara. Hal Betul.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Jadi, saya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, dengarkah apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Kapar?

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:** Minta ulang, minta ulang, maaf.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okey, saya ulang lagi sekali. Persoalan saya adalah berkenaan dengan peruntukan tambahan sebanyak RM5 juta untuk projek pembangunan infrastruktur di Presint 11 dan di Presint 15, Putrajaya. Soalan saya dua bahagian. Pertama adalah berkenaan dengan mengapa perlukan peruntukan tambahan ini? Rasional di sebalik peruntukan tambahan ini, RM5 juta untuk

khusus dua presint sini di Putrajaya. Soalan kedua saya adalah berkaitan dengan berapakah kos asal? Mengapakah kita perlukan penambahan RM5 juta ini? Berapa peratus penambahan kepada kos asal? Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya ingin mengingatkan kepada semua kementerian-kementerian yang telah tersenarai di dalam senarai Perbekalan Tambahan untuk dibahaskan di peringkat Jawatankuasa, diharap Menteri atau Timbalan Menteri dapat semuanya berada di dalam Dewan. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saya memohon maaf Tuan Pengerusi, saya berada di Dewan Negara tadi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Seterusnya, terima kasih Yang Berhormat Kapar. Projek pembangunan infrastruktur di Presint 11 dan 15 Putrajaya. Butiran projek, kos RM5 juta ini adalah untuk tujuan penyediaan pembangunan infrastruktur dan utiliti jalan sepanjang 800 meter di Presint 11 dan Presint 15. Ini juga melibatkan kerja-kerja tanah, pembinaan sistem perparitan dan penyediaan utiliti seperti elektrik, bekalan air dan sistem pembetungan. Kemudahan jalan ini adalah untuk kemudahan kediaman kerajaan dan kepada plot kemudahan awam tadika. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya rasa penerangan Yang Berhormat tentang RM5 juta ini sewajarnya boleh dikenal pasti. Kalau ia melibatkan tarif air dan tarif elektrik dan sebagainya, ia boleh dilibatkan atau dianggap sebagai sesuatu di luar jangkaan. Ini hendak buat parit sebanyak 800 meter pembinaan dan sebagainya, sesuatu yang bukan di luar jangkaan dan sepatutnya telah dikenal pasti pada bajet asal. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat, perkara ini melebihi kehendak semasa keadaan ia, keadaan ia sudah teruk sekarang dan kita terpaksa membuat infrastruktur ini untuk kemudahan rakyat. Itulah sebabnya kita perlukan tambahan bajet untuk mendapatkan, jalankan infrastruktur ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM5,000,000 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

[Wang sebanyak RM5,000,000 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017]

**Maksud B.42 [Jadual] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Kuala Langat, selepas Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Parit, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

**4.07 ptg.**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyinggung di bawah Kepala B.42 di bawah Butiran 030500 - Perubatan Am, berjumlah RM187 bilion yang memberikan beberapa persoalan. Pertama sekali, saya sudah bawa isu sebelum ini. Ubat yang saya memang *regularly* pakai untuk ibu saya itu, kena penyakit kencing manis, lemah jantung dan darah tinggi itu tidak ada di Banting. Memberikan isyarat bahawa ubat itu tidak dapat diprovidekan disebabkan oleh dia kata tidak ada peruntukan atas sifatnya itu.

Jadi, saya ingin menyarankan kepada kementerian supaya bersungguh untuk memastikan bahawa perubatan ini tidak boleh dianggap ringan ataupun disepikan. Oleh kerana perubatan ini amat perlu, terutama sekali rakyat yang mempunyai penyakit yang terdesak ataupun drastik. Maka, atas sifat itu, saya ingin memberikan maklumat kepada kementerian bahawa keperluan itu tidak boleh dikompromikan. Jadi, untuk itu saya minta kementerian bersungguh-sungguh untuk memastikan ubat-ubatan itu pasti dan wajib diadakan di semua hospital, terutama sekali di Banting. Ini kerana di Banting ada banyak orang berpenyakit.

Jadi, saya hendak pastikan bahawa itu menjadi satu unjuran wajib. Di samping itu, saya juga ingin memaklumkan kepada kementerian bahawa saya diberi tahu juga, banyak kakitangan di Hospital Banting itu tidak dibayar *overtime* sudah 4, 5 bulan. Mereka juga kekurangan *manpower* ataupun pekerja yang terpaksa di galas oleh seseorang itu sehingga mereka terpaksa bekerja berterusan sehingga 16 jam dan 18 jam, hanya tidur dalam kereta untuk berehat. Ini juga tidak memberikan manfaat ataupun *physically* kepada anggota pekerja yang memberi beban baru kepada mereka disebabkan oleh kekurangan pekerjaan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Kuala Langat, sikit.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ya, silakan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Pengerusi boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat memberi laluan kepada pencelahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kuala Langat, tentang perkara yang dibangkitkan awal tadi mengenai ubat. Adakah Yang Berhormat Kuala Langat ada menerima rungutan ataupun aduan daripada pengundi ataupun rakyat yang menyatakan bahawa kualiti ubat yang mereka terima sekarang ini merosot. Oleh sebab terdapat juga sebahagianya apabila makan ubat yang biasa tetapi terdapat kesan sampingan daripada ubat tersebut yang mana sebelum ini mereka tak hadapi perkara ini. Itu pertama.

#### ■1610

Kedua, adakah Yang Berhormat tahu bahawa ubat-ubatan di Klinik 1Malaysia ini terdapat juga rungutan yang menyatakan bahawa di Klinik 1Malaysia ini biasanya yang diberi hanyalah ubat *Panadol* sahaja, jadi dianggap sebagai klinik ‘satu ubat’? Bukan Klinik 1Malaysia, klinik ‘satu ubat’. Jadi adakah Yang Berhormat mendapat masalah ini di kawasan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Saya sepatutnya, Tuan Pengerusi, memang dalam program saya hendak berhujah soal ini tetapi oleh sebab Yang Berhormat Bukit Katil telah menyuarakan lebih awal, itulah yang berlaku di bawah. Sebagai contohnya emak saya sendiri, ubat kencing manis sebelum ini diberi jenisnya berbeza dengan ubat sekarang disebabkan oleh kos itu dikatakan ubat itu agak mahal dan ditukarkan kepada ubat yang lain yang satu hari berlaku apabila ibu saya terpaksa saya hantar ke klinik kerana dia kena *hypo*. Dia dalam keadaan yang tidak konsisten tubuhnya kerana tidak dapat *dibalancekan* tubuhnya dengan ubat itu. Maka doktor memberitahu saya ubat yang dia makan ini ubat yang kualitinya *low* yang tidak sepadan dengan penyakitnya.

Jadi ini adalah salah satu sebab saya melihat daripada peruntukan yang dibentangkan ini berjumlah RM1.187 bilion ini memberikan isyarat bahawa janganlah aniaya rakyat disebabkan oleh bajet tidak cukup. Pastikan negara yang kaya dan mewah ini diberikan manfaat kepada rakyat yang memerlukan. Rungutan itu memang kelihatan dan banyak yang telah saya dengar termasuk apa yang berlaku pada diri saya.

Sebab itu saya bersyukur dan berterima kasih kepada doktor Parlimen ini kerana dia telah pun menukar ubat yang baik itu seperti mana yang saya dapat sebelum ini kepada ubat yang saya gunakan di Banting dan telah mendapatkan respons yang baik. Sebab itu *sugar level* saya hari ini, penunjuk aras dalam kadar 6.2 menunjukkan bahawa

ubat yang doktor Parlimen yang begitu prihatin, yang begitu berbudi bahasa, patut doktor beginilah kita kena berikan keistimewaan atau menaikkan pangkat dia sekurang-kurangnya motivasi dia untuk bekerja lebih baik.

Jadi ubat itu saya ambil sebagai unjuran yang kena pada diri saya, Yang Berhormat Menteri. Saya menerima keadaan itu dan saya berbicara ini kalau Yang Berhormat Menteri tidak mempercayai bicara saya ini, boleh merujuk kepada doktor Parlimen. Itu doktor yang terbaik yang saya pernah berdepan. Jadi saya minta kali ini bajet untuk perubatan am itu diberikan dengan baik untuk rakyat menerima rawatan dengan baik dan ubat-ubatan yang baik untuk mereka meneruskan penghidupan mereka.

Saya juga ke belakang sebentar tadi bila mana soal memastikan bahawa pekerja-pekerja awam, pekerja-pekerja hospital ini, mereka jangan ditangguhkan bayaran *overtime*, elaun mereka. Tolonglah, sebab saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri, mereka bekerja lebih 16 jam, 14 jam. Doktor pun tidak dapat elaun *overtime* dia. Begitu juga dengan *nurse*. Jadi saya rasa ini bukan alasan untuk kita melarikan daripada tanggungjawab untuk membiarkan mereka sengsara bekerja teruk memberikan sumbangan kepada rakyat dan dalam masa yang sama, kita abaikan hak mereka. Ini tidak baik, Yang Berhormat Menteri. Saya percaya Yang Berhormat Menteri dia lebih peka dan lebih faham sebab dia doktor.

Jadi saya mengharapkan hujahan saya ini dapat dimanfaatkan dalam perbekalan bajet tambahan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi yang budiman.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya nasihatkan perbahasan tertumpu kepada B.42. Ya, sila. Jangan ada isu yang lain.

#### **4.14 ptg.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus masuk kepada B.42 Kementerian Kesihatan di mana RM479 juta telah diperuntukkan khususnya untuk pembayaran emolumen dan Bayaran Bantuan Khas Kewangan 2017 bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Pertama sekali saya ingin merekodkan kepada kementerian ini bahawa selalunya apabila kita berbincang tentang Kementerian Kesihatan, kita menekankan bahawa peruntukan wang yang diperlukan lebih daripada apa yang diberikan sebab bukan sahaja perlu bayar gaji kakitangan malahan untuk pembayaran tetap untuk pembelian pembekalan ubat-ubatan dan sebagainya. Wang yang diberikan sekarang memang tidak mencukupi. So, saya tidak ada masalah kalau ada sebarang permintaan lebih untuk Kementerian Kesihatan.

Bahagian kedua khususnya saya mula menanyakan soalan adalah RM479 juta ini untuk pembayaran emolumen dan bayaran bantuan khas. Ia melibatkan berapa ramai pegawai dan kakitangan? Itu yang pertama. Kedua adalah apakah rasional tambahan langsung ini tidak dimasukkan dalam bajet yang asal? Sebab ini emolumen, sepatutnya sudah dikira lebih awal tetapi ia dimasukkan sebagai satu perbekalan tambahan. Jadi apakah rasionalnya ia dimasukkan di bahagian perbekalan tambahan, tidak dikira lebih awal? Itu yang kedua.

Ketiga, walaupun ada tambahan langsung sebanyak RM479 juta untuk pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan tetapi kita masih lagi ada pelbagai rintihan daripada pegawai dan kakitangan di mana mereka tidak diberikan elaun dan *overtime* seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat tadi. Bukan sahaja di Hospital Banting malahan ada beberapa hospital lain di mana pegawai-pegawai telah berjumpa dan telah memaklumkan kepada kami ada rintihan seperti ini. Padahal dengan adanya peruntukan asal, dengan adanya tambahan langsung, kita masih lagi ada rintihan-rintihan sebegini. Itu adalah bahagian yang ketiga yang saya perlu minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Terakhir, yang keempat, Tuan Pengerusi, walaupun tiada dekat sini tetapi saya ingin merekodkan bahawa tempoh hari Yang Berhormat Menteri telah mengatakan perbezaan di antara ubat paten dengan ubat generik. Saya faham paten adalah lebih mahal daripada generik tetapi rintihan di luar seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat Bukit Katil setelah Yang Berhormat Menteri menjawab dalam Dewan ini walaupun Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa ia bergantung kepada penerimaan setiap pakar, doktor dan sebagainya. Apabila pandangan Yang Berhormat telah dilontarkan baru-baru ini, perjumpaan saya dengan beberapa doktor pakar mengatakan bahawa memang ada perbezaan di antara ubat paten dengan ubat generik.

Soalan khusus saya kepada Yang Berhormat Menteri tempoh hari adalah berkenaan dengan kualiti. Mereka mengatakan masih lagi ada perbezaan kualiti. Itu tidak boleh dinafikan. Walaupun saya nampak beban yang ditanggung oleh Yang Berhormat Menteri di mana dana yang tidak mencukupi dan perlu menampung permintaan yang meluas, pada waktu yang sama kualiti perlu dijaga. Jadi untuk menonjolkan ubat generik lebih baik daripada ubat paten, saya rasa perbualan, perbahasan, perbincangan kita lebih perlu ditumpukan kepada bahagian kualiti. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri juga boleh tumpukan jawapan kepada...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** B.42.

**4.18 ptg.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Pengerusi, di bawah Maksud B.42, tambahan langsung sebanyak RM479,070,116 adalah dikehendaki untuk pembayaran emolumen dan Bayaran Bantuan Khas Kewangan 2017 pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan. Walaupun biasanya di dalam peringkat Jawatankuasa, perbahasan ialah ditumpukan kepada topik asal tetapi tadi ada beberapa perkara baru yang telah dibawa. So, saya akan memberikan tumpuan kepada perkara-perkara berkaitan dengan Maksud B.42 sahaja.

Untuk memberi penjelasan yang lebih dalam berkaitan dengan peruntukan tambahan ini, ia melibatkan tiga perkara. Satu, peruntukan yang tidak mencukupi bagi menampung bayaran bonus yang telah diumumkan selepas bajet iaitu sebanyak RM252 juta.

Selain daripada itu, Kementerian Kesihatan ada beberapa pegawai di peringkat kontrak, contohnya pegawai perubatan latihan siswazah, *the housemanship*, mereka dilatik secara kontrak dan jumlah mereka boleh berbeza daripada sesi ke sesi. Begitu juga pegawai-pegawai pergigian dan pegawai-pegawai farmasi pun ada pegawai kontrak. Kita ada lebih kurang 7,079 orang pegawai perubatan secara kontrak, 2,042 orang pegawai pergigian kontrak dan 2,167 farmasi kontrak iaitu sejumlahnya 11,288 orang dan gaji mereka kena diambil kira dan itu memerlukan tambahan RM127 juta.

**■1620**

Item yang ketiga ialah tambahan kos yang kementerian kena bayar kepada rawatan yang diberi di Institusi Jantung Negara (IJN). Walaupun kita telah ada peruntukan yang telah ditetapkan, kerana keperluan sudah melebihi daripada apa yang telah ditetapkan, kerajaan kena tambah lebih kurang RM100 juta. So, ini ialah tiga punca mengapa kita memerlukan tambahan perbelanjaan dan tambahan peruntukan yang diminta melalui tambahan kedua ini sebanyak RM479,070,056. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM479,070,116 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM479,070,116 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Oleh sebab P.43 hanya token sahaja, P.43 tidak perlu dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM100 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM100 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017]*

**Maksud B.46 [Jadual] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kementerian Sumber Manusia. Kepala Bekalan B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM16,000,000 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM16,000,000 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Maksud B.47 [Jadual] –****Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2016] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia terbuka untuk dibahas. Oleh sebab P.47 hanya token sahaja, P.47 tidak perlu dibahas.

Ya, Yang Berhormat Kapar. Selepas Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita berbicara tentang Maksud B.47 Kementerian Komunikasi dan Multimedia, tambahan berjumlah RM24,300,000 untuk menampung perbelanjaan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun 2017. Setiap tahun kita ada perbelanjaan untuk Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Jadi saya rasa perbelanjaan ini pun sepatutnya telah ditampung oleh perbelanjaan asal dan mungkin kementerian ada sebab-sebab tersendiri. Saya memerlukan keperincian mengapa dana ini perlu diadakan tambahan dan perlu dimaklumkan melalui– ataupun dibelanjakan dahulu dan dibawa ke dalam Parlimen sebagai perbekalan tambahan. Itu yang pertama.

Kedua, disebabkan di sini ada dua kategori sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, saya minta Yang Berhormat Menteri juga membezakan berapa banyak yang telah dibelanjakan untuk sambutan Hari Kebangsaan dan yang kedua adalah berapa banyak perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk Hari Malaysia 2017. Perbelanjaan yang saya maksudkan adalah perbelanjaan sepenuh, yang penuh, asal dan juga daripada RM24,300,000, berapa banyak yang telah dibelanjakan untuk dua bahagian ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### **4.24 ptg**

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Seri Jailani bin Johari]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Kapar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 7 Jun 2017 sebenarnya pihak Jemaah Menteri telah menimbangkan memorandum daripada Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia nombor M380/2017 dan mengambil maklum serta bersetuju dengan siling peruntukan kerajaan untuk sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2017 sebanyak RM64 juta bagi penganjuran program utama di bawah jawatankuasa induk. Walau bagaimanapun pada 20 Jun 2017, MOF hanya bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM24.3 juta sebagai bajet tambahan Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk melaksanakan program sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2017.

Jadi seperti persoalan Yang Berhormat Kapar, sebenarnya peruntukan ini telah digunakan untuk melaksanakan program sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2017 di seluruh negara secara bermula daripada peringkat komuniti akar umbi bermula dari 5 Julai 2017 sehingga 16 September 2017, di mana sambutan Hari Malaysia telah berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah. Jadi peruntukan sejumlah ini telah mencatatkan sejarahnya sendiri di mana pada kali ini kita telah memasukkan antaranya keunikan kita

telah mentransformasikan Dataran Merdeka menjadi Stadium Merdeka dan imbasan peristiwa bersejarah sambutan Hari Kebangsaan yang pertama pada 1957.

Keduanya, kita telah memasang skrin LED gergasi sepanjang 200 meter panjang dan sembilan meter tinggi telah disediakan di Dataran Merdeka bagi memaparkan segmen kejayaan negara sepanjang 60 tahun mencapai kemerdekaan. Kita sediakan juga 15 skrin LED di sepanjang Jalan Raja Laut bagi membolehkan acara disaksikan oleh semua pengunjung yang hadir. Antaranya lagi kita telah menyediakan 6,000 teres tempat duduk disediakan di sepanjang laluan acara perbarisan dari Dataran Merdeka melalui Jalan Raja Laut sehingga ke SOGO.

Jadi itu antara beberapa perkara Yang Berhormat Kapar, yang telah kita menambah baik bagi membolehkan rakyat melihat di mana acara perbarisan pada kali ini telah mencatat sejarah tertinggi melebihi 500,000 orang. Jadi, jumlah keseluruhan bagi pengunjung program sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2017 adalah seramai tiga juta orang. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM24,300,000 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM24,300,000 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Penggerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM100 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM100 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017]*

#### **Maksud B.48 [Jadual] -**

**Tuan Penggerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kepala Bekalan B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Parit Sulung, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila Yang Berhormat Parit Sulong.

**4.28 ptg.**

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tahniah Doktor. Saya hendak terus kepada Maksud B.48 mengenai tambahan keseluruhan yang dikehendaki untuk menampung perbelanjaan pelbagai bantuan sosioekonomi. Saya hendak terus menjurus kepada Butiran 070800 iaitu mengenai keluarga miskin.

Saya maklum mengenai apa bantuan yang diberikan terutamanya kepada keluarga miskin yang mempunyai anak-anak kecil yang masih bersekolah dan maksimum untuk suatu bantuan untuk sebuah keluarga itu kalau tidak salah saya, RM100 untuk seorang budak yang masih bersekolah. Kalau empat, RM400. Kalau lima, RM450. Apa yang saya hendak bawa ini, pertanyaan saya adalah mengenai baru-baru ini ada kematian di tempat saya yang mana ibu dan bapa meninggal dan anak masih lagi kecil yang berusia daripada – ini sebagai contoh Yang Berhormat Menteri.

Daripada lapan tahun dan semua masih bersekolah, kesembilan-sembilan macam itu, semua kesembilan anaknya. Jadi soalan saya adalah adakah ada peruntukan ataupun kelulusan khas yang ditetapkan di bawah *any of the* butiran ini dengan izin, untuk membantu apabila berlakunya perkara atau keadaan seperti ini? Ini bukan satu kes yang saya jumpa, tetapi ada beberapa kes lain. Soalan seterusnya, adakah benar ada yang mengatakan bahawa ada limit untuk setiap bantuan yang boleh diluluskan untuk setiap daerah bagi setiap tajuk yang dimaklumkan? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

**4.29 ptg.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud B.48 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**■1630**

Menyentuh butiran berkaitan dengan keluarga miskin. Saya ingin tahu setakat ini berapakah jumlah sebenarnya keluarga yang miskin di seluruh negara dan berapakah yang telah keluar daripada senarai keluarga miskin dan berapakah – maksud saya yang berjaya dipulihkan dan berapakah tambahan baru daripada kadar yang ada sekarang termasuk dalam keluarga miskin.

Ini sebab kita lihat dengan kos yang hidup tinggi dengan keadaan sewa rumah yang semakin mahal. Begitu juga kos petrol, GST menjadi penyumbang kepada bertambahnya golongan miskin dalam negara kita.

Saya ingin tahu adakah kerajaan bercadang untuk menyemak semula paras garis kemiskinan sama ada kemiskinan bandar dan luar bandar. Ini sebab dengan angka yang ada sekarang contoh garis kemiskinan bandar RM940 sebulan. Mungkin RM1,000 sebulan pun masih miskin atau pendapatan gaji RM3,000 sebulan masih lagi miskin dalam keadaan suasana hal kedudukan kos hidup yang tinggi hari ini.

Jadi saya ingin tahu, adakah kajian dibuat oleh pihak kementerian terhadap paras garis kemiskinan sama ada garis kemiskinan di Semenanjung atau di Sabah, Sarawak termasuk garis kemiskinan bandar dan luar bandar.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang program yang berkaitan dengan bantuan warga emas. Kita semua tahu tahun 2030, 15 peratus penduduk negara kita akan mencapai umur 60 tahun ke atas. Bermakna kita memasuki dalam era Rancangan Malaysia Ke-14.

Jadi saya ingin tahu setakat ini apakah prasarana awal atau prasarana yang telah dipersiapkan untuk memastikan supaya program persiapan negara untuk menghadapi penuaan penduduk dalam negara kita.

Saya ingin tahu apakah program untuk memastikan program hidup yang sejahtera dan hidup penuh dengan kasih sayang. Ini sebab kita tidak mahu warga emas ditinggalkan di rumah-rumah pusat pemeliharaan warga emas tanpa kasih sayang daripada anak-anak. Jadi apakah program galakkan yang dibuat untuk memastikan supaya anak-anak bertanggungjawab membela ibu bapa mereka.

Ketiga, saya ingin menyentuh berkaitan dengan kebajikan OKU. Saya ucapkan tahniah di atas usaha kerajaan untuk menambahbaikkan lagi bantuan kebajikan untuk OKU. Cuma kita dapati banyak keluhan terutama penyelia-penyelia ataupun petugas pusat pemulihan dalam komuniti yang mana gaji mereka tidak memadai.

Jadi apakah cadangan kerajaan untuk menaikkan gaji penyelia ataupun petugas di pusat pemulihan dalam komuniti ini dan begitu juga tentang kos sara hidup OKU, RM350 mungkin sangat tidak memadai dalam keadaan mereka serba-serbi kekurangan untuk mendapat peluang pekerjaan atau dalam keadaan mereka, anggota mereka yang cacat yang tidak mampu bekerja. Apabila mereka hendak bekerja mereka terpaksa memerlukan pembantu, memerlukan kenderaan yang khusus, sudah tentu memerlukan kos yang lebih tinggi daripada orang biasa.

Jadi apakah kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi kos sara hidup OKU masa depan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

#### 4.33 ptg.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin membawa beberapa soalan mengenai maksud B.48, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Seperti yang kita dimaklumkan RM235,076,200 telah dibahagikan kepada empat kategori iaitu pertama ialah pelbagai bantuan sosioekonomi berjumlah RM113,127,900 juta. Saya minta Yang Berhormat memberikan perincian berapa ramai yang telah mendapat atau menerima inisiatif atau bantuan ini.

Manakala, untuk golongan orang kurang upaya pula sebanyak RM76,181,400 juta ini untuk warga emas dan berapa ramai warga emas yang telah menikmati bantuan ini. RM44,005,970 juta pula untuk keluarga miskin, berapa ramai keluarga miskin yang telah memperoleh bantuan ini. RM1,760,930 untuk bantuan-bantuan lain. Berapa ramai yang telah menerima bantuan-bantuan ini.

Bahagian kedua persoalan saya adalah mengenai bantuan lain yang berjumlah RM1.7 juta. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyenaraikan bantuan-bantuan lain yang dimaksudkan secara terperinci sebab di sini ia terlalu umum.

Ketiga ialah berkenaan dengan RM76,181,400 untuk warga emas ini. Bagaimanakah kriteria-kriteria yang diambil kira sebelum kewangan ini diberikan kepada warga emas. Kini kita dapat negara kita adalah salah sebuah negara di mana warga emas menghadapi masalah untuk menampung diri sendiri, berbeza dengan keadaan di Singapura.

Oleh sebab itu saya nampak tekanan yang dihadapi oleh kementerian untuk membantu mereka. Akan tetapi, sewajarnya untuk menanggung jumlah permintaan yang ramai kementerian sepatutnya ada garis panduan dan sebagainya. Saya minta Yang Berhormat Menteri menerangkan garis panduan untuk seseorang bagi menikmati insentif ataupun inisiatif untuk warga emas di bawah kementerian Yang Berhormat.

Sambil itu untuk keluarga miskin, yang keempat adalah berkenaan dengan keluarga miskin. Berbanding dengan tahun lepas iaitu tahun 2016 dan tahun 2017, saya ingin tahu peringkat atau peratus peningkatan keluarga miskin di Malaysia. Oleh sebab itu akan mencerminkan dan menggambarkan situasi sebenar keluarga miskin yang menjadi miskin di negara ini. So, saya minta jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menerangkan ataupun memaklumkan peratus kenaikan keluarga miskin di antara tahun 2016 sehingga tahun 2017. Ini sebab adalah perbelanjaan tambahan untuk tahun 2017.

Persoalan saya yang kelima adalah berkenaan dengan rasional permintaan tambahan ini walaupun saya setuju bahawa permintaan ini— kalau lagi banyak lagi saya setuju sebab selain daripada Kementerian Kesihatan, saya rasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat khususnya JKM perlukan wang yang banyak untuk membantu masyarakat secara majmuk.

Walau bagaimanapun, apakah rasional tanggungan ini dimasukkan dalam perbekalan tambahan dan bukan di bajet asal. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab kelima-lima bahagian soalan saya, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

#### 4.37 ptg.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ada empat perkara yang saya ingin bangkitkan dalam Dewan ini.

Pertama, kita semua maklum bahawa belanjawan tambahan ini adalah untuk membiayai program-program kebajikan khususnya untuk mereka yang miskin, warga emas dan OKU. Saya ingin tanya kepada kementerian kerana sekarang ini terdapat banyak rungutan bantuan-bantuan kebajikan ini dipotong dan diberhentikan. Jadi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri, kenapakah perkara ini boleh berlaku dan kenapa tidak ada maklumat awal sebab alasan yang diberikan akibat daripada pemotongan ini.

Ini kerana pada saya kita meminta di Dewan ini untuk meluluskan sejumlah wang yang begitu banyak dan sudah pastilah saya jangka ini adalah tujuan untuk memastikan agar semua kelompok yang *mustadh'afin*, dengan izin, dengan miskin ini terbela. Sudah pastilah kita tidak boleh sewenang-wenangnya memberhentikan program bantuan untuk mereka yang memerlukan seperti ini.

Jadi saya perlukan penjelasan daripada kementerian boleh atau tidak kita perbaiki cara dan pendekatan yang dilakukan sekarang ini agar mereka yang tidak perlu lagi mendapat bantuan ini diberikan makluman lebih awal terlebih dahulu, supaya mereka tidak lagi berhadapan dengan pelbagai masalah apabila ingin pergi mendapatkan wang bantuan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, kedua ialah soal baru-baru ini Yang Amat Berhormat Pekan telah pun datang ke Bukit Katil dan saya dimaklumkan bahawa Perdana Menteri memberikan janji khas untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat di Bukit Katil untuk satu bantuan khas diberikan kepada JKM. Jadi saya ingin tanya di sini sejauh manakah kebenaran perkara ini dan apakah wang yang hendak diminta ini telah pun termasuk di dalam janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekiranya ada, apakah fokus JKM

negeri Melaka yang tentunya di bawah kementerian Yang Berhormat maklum kalau ada peruntukan seperti ini yang akan diberikan kepada pengundi-pengundi ataupun rakyat di kawasan itu terutamanya dari segi beberapa peratus untuk orang susah, OKU dan sebagainya.

■1640

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi. Kita semua sedia maklum mengikut statistik yang diberikan kita ada lebih kurang tujuh juta penerima BR1M ini. Kita semua maklum bahawa kerajaan telah pun memperkenalkan strategik NBOS, lautan biru yang menggabungkan pelbagai kementerian untuk melaksanakan suatu misi dan juga matlamat kerajaan. Jadi, saya ingin tanya kepada kementerian, apakah ada satu pendekatan yang bersifat strategik di antara kementerian Yang Berhormat dengan agensi yang mengendalikan BR1M ini agar dapat diselaraskan bantuan-bantuan itu supaya mereka yang pertamanya benar-benar layak dapat. Kedua, mereka yang telah pun keluar daripada masalah kemiskinan ini tidak lagi diberikan bantuan.

Dari segi itu, kalau boleh Yang Berhormat Menteri berikan dari segi peratusan berapa ramai orang-orang Melayu, berapa ramai masyarakat Cina, India yang masih lagi menerima bantuan. Ini kerana saya difahamkan kalau ikut tujuh juta penerima BR1M ini bermaksud 7 juta masyarakat di sana yang susah dan majoritinya ialah merupakan orang Melayu. Jadi, saya harap perkara ini dapat diambil perhatian kerana kita tentunya mesti memastikan program ekonomi ini dapat manfaat pada semua golongan terutamanya mereka yang berada di kampung.

Saya juga ingin bangkitkan Tuan Pengerusi berkaitan dengan PDK. Saya dalam Dewan ini pernah menyarankan atau mencadangkan kepada kerajaan agar satu suruhanjaya OKU dibuat untuk memastikan agar program-program untuk orang kurang upaya ini diberikan satu tumpuan ataupun perhatian yang lebih mendalam dan program yang komprehensif dapat dibuat. Bukan sekadar memberikan bantuan tetapi *uplift* dengan izin, kehidupan mereka dan tentunya dari aspek ini peranan kerajaan yang boleh ditambah baik.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah golongan Orang Kurang Upaya ini diberikan satu penghususan ataupun tumpuan hasil daripada bantuan yang diberikan ini. Dalam konteks ini tadi disebut kita ada pusat perkhidmatan pemulihan dalam komuniti PDK yang saya juga dimaklumkan di kawasan saya juga ada pelbagai PDK, Yang Berhormat.

Kita dapat maklumat bahawa kebanyakan daripada mereka pekerja kontrak yang tidak mendapat dukungan dan perlindungan yang baik. Jadi, saya harap kementerian ambil berat perkara ini kerana mereka ini merupakan kelompok-kelompok yang menyediakan ataupun menawarkan diri untuk membantu golongan kurang upaya.

Pastilah mereka ini perlu diberikan satu dukungan kewangan, satu perlindungan yang menyeluruh agar mereka dapat terus berkhidmat dengan baik.

Terakhir, Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan perkara khusus yang pernah saya bangkitkan pada tahun 2014 di dalam Dewan ini iaitu berkaitan dengan pemotongan RM10 wang kebajikan yang berlaku di negeri Melaka. Di mana dalam konteks ini saya telah pun jelaskan bahawa mereka yang dapat RM300 misalnya tetapi yang dapat di tangan mereka hanyalah RM290. RM10 lagi dimasukkan dalam Tabung Koperasi Bela Masyarakat. Saya ingin tanya — saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah pun memberhentikan program ini, yang pada saya tidak adil untuk kita cukai orang-orang susah ini.

Akan tetapi, wang yang telah pun dimasukkan ke dalam Tabung Koperasi Bela Masyarakat ini telah pun mencecah lebih kurang dalam RM10 ke RM11 juta. Jadi, saya ingin tanya kementerian apakah ada *interference*, dengan izin Yang Berhormat Menteri untuk melihat balik tabung ini dan apakah *benefits* yang kita pastikan dapat disalurkan balik dari segi dividen dan sebagainya. Jadi, tidak gunalah kalau mereka menabung *the entire* warga yang menerima bantuan kebajikan ini sampai RM11 ke RM12 juta tetapi tidak mendapat pulangan yang baik daripada koperasi itu.

Jadi, saya harap kementerian ambil perhatian. Ini kerana saya percaya koperasi ini hanya berjalan di Melaka dan di negeri lain tidak ada program seperti ini. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat berikan bantuan dan penyelesaian. Perkara yang mudah kalau Yang Berhormat Menteri boleh pulangkan balik, arahkan kerajaan negeri untuk pulangkan balik wang tersebut saya fikir itu sudah memadai. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila Yang Berhormat Menteri.

#### **4.44 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan anggaran perbelanjaan yang berkaitan dengan kementerian ini iaitu di bawah B.48. Saya ambil maklum bagi pihak kementerian perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berkaitan dengan B.48 dan akan beberapa pegawai yang ada di sini yang telah mengambil catatan dan *insya-Allah* perkara-perkara yang patut kita ambil tindakan akan kita ambil tindakan.

Berkaitan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong ada limitkah untuk daerah dari segi bantuan ini? Sesungguhnya kita tidak ada limit-limit yang

tertentu untuk mana-mana daerah. Namun, sekiranya peruntukan yang telah diagihkan kepada daerah itu tidak mencukupi dan ada keperluan, maka mereka boleh terus meminta lagi peruntukan tambahan kepada negeri dan seterusnya daripada negeri ke kita di peringkat kementerian di peringkat Persekutuan.

Daripada segi bantuan yang diberikan kepada anak-anak yang ibu bapa mereka telah meninggal, dia ada bantuan untuk anak yatim juga di peringkat negeri dan juga bantuan untuk kanak-kanak itu kita teruskan di peringkat Persekutuan iaitu RM100 seorang dan maksimumnya RM450 akan diteruskan. Jika ada keperluan-keperluan yang lain juga kita boleh memberikan pertimbangan.

Yang Berhormat Rantau Panjang bertanya berkenaan dengan bilangan...

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Ya.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri ke atas jawapan dan saya hendak ambil juga peluang ini hendak mengucapkan selamat hari lahir kepada Yang Berhormat Menteri. Hari ini adalah hari lahir Yang Berhormat. Terima kasih banyak-banyak. *[Dewan tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Okey, Terima kasih. Apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang tadi meminta bilangan keluarga, begitu juga Yang Berhormat Kapar meminta bilangan berapa ramai yang terlibat keseluruhannya mendapat manfaat daripada bantuan yang diberikan oleh kementerian. Untuk sosioekonomi keluarga miskin bantuan kanak-kanak ini, saya ingin maklumkan di sini bahawa daripada segi bilangan penjaga yang menerima ini iaitu ibu bapa atau penjaga adalah 73,432 orang penjaga dan kanak-kanak yang menerima manfaatnya ialah seramai 186,225 orang kanak-kanak.

Bagi sosioekonomi OKU iaitu EPC, BTB dan BPT seramai 160,936 orang OKU yang menerima manfaat ini. Manakala, bagi BOT sosioekonomi warga emas seramai 134,614 orang warga emas yang menerima manfaatnya dan bagi bantuan am 105,617 orang. Manakala, bagi bantuan sosioekonomi yang lain-lain itu 4,078 orang yang menerima manfaatnya.

Ditanya juga tentang apakah dia bantuan sosioekonomi yang lain diberikan. Di antara lainnya ialah alat tiruan ataupun alat bantuan, geran pelancaran baik untuk bantuan bencana, bantuan anak pelihara dan juga bantuan latihan perantis.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat. Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya. Terima kasih. Terima kasih kerana Yang Berhormat telah memberikan perincian untuk setiap bahagian berapa ramai yang telah menerima bantuan tersebut. Yang saya perlu mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat adalah jumlah-jumlah yang Yang Berhormat katakan itu adakah mereka yang telah menerima tambahan ini ataupun yang telah menerima bantuan untuk setiap *item* ini secara menyeluruh untuk tahun 2017. Yang mana satu? Penerangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Secara menyeluruh Yang Berhormat Kapar. Secara menyeluruhnya bagi tahun 2017. Ingin saya maklumkan di sini bahawa sebenarnya peruntukan ini keseluruhannya telah pun diluluskan. Cuma, bila kita menerima bantuan di kementerian ini kita menerimanya secara berperingkat-peringkat. Jadi, ini adalah untuk terakhir tahun itu yang dipohon di bawah perbelanjaan tambahan ini, Yang Berhormat. Jadi, ini adalah keseluruhan untuk tahun 2017 dan jumlah yang saya sebutkan tadi adalah juga keseluruhannya untuk 2017.

Saya rasa tidak ada lagi lain yang ada kaitan yang berkaitan dengan B.48 ini, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM235,076,200 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM235,076,200 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

#### **Maksud B.62 [Jadual]**

**Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2017] –**

**Tuan Pengerusi:** Kementerian Dalam Negeri. Kepala B.62 dan Kepala Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM804,272,444 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM804,272,444 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM8,511,050 untuk Maksud P.62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM8,511,050 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017]*

#### ■1650

##### **Maksud B.63 [Jadual] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.63 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas.

Ya, Yang Berhormat Kapar. Selepas Yang Berhormat Kapar Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Sila Yang Berhormat.

##### **4.51 ptg.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kali ini saya tekan lebih awal sebelum Tuan Pengerusi membaca... *[Ketawa]*

*Alright soalan saya untuk Maksud B.63 Kementerian Pendidikan ia ada dua bahagian secara khususnya. Pertama sekali adalah RM522 juta untuk membiayai bantuan makanan asrama yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah berasrama yang dikaitkan dengan kontrak kawalan keselamatan, pembersihan bangunan dan kawasan, makanan bermasak serta bayaran utiliti.*

Di antara empat bahagian yang telah diterangkan di bahagian 'A' untuk RM522 juta, saya rasa bayaran utiliti adalah sesuatu yang tidak boleh diduga, di luar jangkaan dan sebagainya. Akan tetapi bahagian yang lain seperti kontrak kawalan keselamatan, pembersihan bangunan dan kawasan dan makanan bermasak ini sesuatu yang boleh diramalkan dan boleh dikenal pasti dalam bajet asal. So, saya minta rasional mengapa bahagian ini untuk jumlah sebanyak RM522 juta ini diminta sebagai bekalan tambahan. Itu bahagian pertama.

Kedua Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah berkaitan dengan asrama, sekolah-sekolah asrama ini, makanan mereka. Kita sering kali dikaitkan dengan isu keracunan makanan. Di sini saya nampak juga ada tekanan kepada pembersihan bangunan dan kawasan. Saya juga ingin mengambil ruang ini untuk Yang Berhormat

Timbalan Menteri menerangkan tentang situasi pembersihan makanan dan keracunan makanan yang berlaku di asrama baru-baru ini.

Ketiga adalah berkenaan dengan RM17 juta bayaran elaun wang saku matrikulasi. Adakah ini penambahan kepada nilai asal? Sekiranya ada penambahan berapa ramaikan pelajar yang telah mendapat ataupun memperoleh inisiatif ataupun bantuan ini untuk membayai pada pembelajaran mereka. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

#### 4.53 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kapar atas isu-isu yang telah dibangkitkan.

Tuan Pengerusi, dari aspek pertama yang mana Yang Berhormat bangkitkan isu kontrak kebersihan, pelarasan gaji dan juga bantuan makanan ini. Untuk makluman, di antara sebab peningkatan ataupun keperluan ini ialah kita mengikut *guideline* untuk gaji minimum, pelaksanaan gaji minimum ini. Kita mengikut seksyen 25 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (Akta 732) yang menetapkan kadar gaji minimum dan Kementerian Pendidikan Malaysia akur dengan arahan kerajaan yang berkuat kuasa 1 Julai 2016 supaya gaji minimum bagi kakitangan syarikat yang memberikan perkhidmatan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dibayar selaras dengan kontrak yang ditandatangani. Oleh yang demikian ada peningkatan dilakukan kerana perubahan daripada gaji minimum 2012 ke 2016 itu ada peningkatan.

Bab keracunan makanan ini akan saya beri jawapan, memaklumkan tidak ada kena mengena dengan bekalan ini. Saya boleh beri jawapan dan maklumat terperinci kepada Yang Berhormat selepas ini. Untuk aspek matrikulasi Yang Berhormat, ada peningkatan pelajar kerana kita memberi Program Matrikulasi KPM di Kementerian Pendidikan Malaysia ini kita bagi elaun wang saku pelajar matrikulasi. Kita telah mendapat permohonan awal kita RM56 juta, awal kita dapat RM39 juta. Kekurangan RM17 juta itu diperlukan kerana ada peningkatan. Tahun 2016 dan 2017 kita beri kepada 21,017 pelajar dan tahun 2017/2018 kita bagi kepada 22,966 pelajar. Maka oleh sebab itulah kita memerlukan permohonan ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM891,104,350 untuk Maksud B.63 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM891,104,350 untuk Maksud B.63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Maksud B.64 [Jadual] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.64 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM425,414,798 untuk Maksud B.64 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM425,414,798 untuk Maksud B.64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Maksud B.12 [Jadual] -**

**Maksud P.10 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.12 dan Kepala Pembangunan P.10 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,710,809,316 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM2,710,809,316 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30,000,000 untuk Maksud P.10 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM30,000,000 untuk Maksud P.10 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2017]*

**[Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**  
**[Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2017) 2018 dan Usul Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2017 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]**  
**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**  
**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]**

### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2017) 2018 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

### USUL

**Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbaangkan Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak satu bilion lima puluh dua juta dua ratus sebelas ribu dan lima ratus sepuluh ringgit (RM1,052,211,510) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2017 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2017 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2018 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.” hendaklah disahkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul Menteri Kewangan berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak satu bilion lima puluh dua juta dua ratus sebelas ribu dan lima ratus sepuluh ringgit (RM1,052,211,510) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2017 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2017 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2018 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.” hendaklah disahkan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Diputuskan,*

“*Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak satu bilion lima puluh dua juta dua ratus sebelas ribu dan lima ratus sepuluh ringgit (RM1,052,211,510) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2017 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2017 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2018 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.” hendaklah disahkan.]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 28 Mac 2018. Terima kasih.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.03 petang]*